


PAS  
Kuala  
Selangor  
vs  
APU

HARGA: \$8.00



## Pengenalan

Pengharaman UMNO pada tahun 1987 memberi pelbagai implikasi politik di Malaysia. Sebuah parti pembangkang baru yang dikenali dengan nama Semangat 46 telah wujud diketuai oleh bekas Naib Presiden UMNO yang juga bekas Menteri Kewangan Malaysia Tengku Razaleigh Hamzah. Ter-tubuhnya Semangat 46 memberi corak baru kepada parti pembangkang apabila parti itu mendalangi penubuhan Angkatan Perpaduan Ummah atau APU. PAS menyertai APU untuk menguatkan barisan pembangkang namun penyertaannya menimbulkan pelbagai reaksi. Ramai ahli PAS yang tidak bersetuju dengan penyertaan itu antaranya ialah Kumpulan Al-Islah dan PAS Kuala Selangor. Penentangan tersebut mempunyai asas dan salah seorang penentang kuat APU ialah Encik Muhyayat Yusof Yang Dipertua PAS Kawasan Kuala Selangor. Kenapa dia menentang APU jawapannya terdapat dalam buku ini.

Resensi

As

Kids

segregate

as

As

see in detail

Hak cipta terpelihara.

Hak cipta-Muhayat Haji Yusuf.

Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa cara, dipindah dalam apa bentuk, cetak, elektronik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari penerbit.

Cetakan pertama 1990.

Diterbitkan oleh  
Muhayat Haji Yusof Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.

DI CETAK OLEH PERCETAKAN JASA SDN BHD  
SELANGOR DARUL EHSAN

Percetakanan UMN ini bermula sejak 1981 dengan buku-buku yang diterjemah dari bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Selain itu, percetakanan ini juga melibatkan kerjasama dengan institusi dan ahli ilmu dari seluruh dunia. Tujuan utama percetakanan ini adalah untuk memperluaskan pengetahuan dan pemahaman tentang Islam dan kebudayaan Melayu di seluruh dunia. Selain itu, percetakanan ini juga berusaha memberikan kontribusi kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi di tanah air.

M  
324. 29595 P  
MUF

545794

29 NOV. 1990

Perpustakaan Negara  
Malaysia

struttura etica della

## Modello integrato della R&D

Il modello di R&D deve essere visto come un insieme di componenti interrelate che si collegano attraverso uno schema dinamico. I diversi elementi del modello sono: la ricerca e lo sviluppo, la produzione, il mercato e le politiche aziendali.

## Modello integrato della R&D

è composto da:

- ricerca e sviluppo  
- produzione  
- mercato  
- politiche aziendali

che sono legati tra loro attraverso i flussi di informazioni, di risorse e di capitali.

Le relazioni sono:

1) Ricerca e sviluppo → Produzione

2) Produzione → Mercato

3) Ricerca e sviluppo → Mercato

4) Produzione → Politiche aziendali

5) Ricerca e sviluppo → Politiche aziendali

6) Mercato → Politiche aziendali

## **PERSEFAHAMAN POLITIK DENGAN PARTI NYAMUK 1986**

**S**elepas kegagalan secara menyeluruh kerjasama politik (Tahalluf Siyasi) yang terjalin di antara PAS dengan Parti nyamuk (NasMa, PSRM, SDP dan CCC) pada Pilihanraya Umum 1986, moral pimpinan dan ahli PAS di seluruh negara menurun ke tahap yang paling rendah. Mereka seolah-olah telah dikejutkan dengan panahan halilintar maha dahsyat yang menggegar jasmani dan tangkai jantung. Suasana dalaman PAS pada saat itu tidak ubah seperti ketidakpercayaan rakyat Amerika bahawa Pengkalan Tentera Laut Amerika Syarikat telah lumpuh diserang oleh Angkatan Udara Berani Mati Jepun di awal Perang Dunia Kedua.

Suasana politik sekitar 1985 – 86 seolah-olah telah menjinkan bahawa Negara Islam akan wujud selepas Pilihanraya Umum, jika dilihat dari sudut luaran samada melalui program-program penerangan PAS seperti majlis ceramah dan sebagainya, umum beranggapan bahawa PAS akan dapat membangunkan BN. Faktir inilah yang dieksplot oleh pimpinan PAS sehingga mereka berjaya memukai ahli bawahan bahawa kemenangan telah pasti memihak kepada mereka. Ahli bawahan yang telah berjaya dipukau dengan pidato panas dari pimpinan-pimpinan agung mereka dengan penuh kesungguhan

dan keikhlasan bekerja dan berkorban habis-habisan. PAS Kawasan Kuala Selangor juga turut bekerja serta memasang angan-angan penuh keghairahan dalam arus ‘politik perasan’ ini. Akhirnya PAS terperangkap dengan keghairahan sendiri, rakyat telah menghukum dan mengajar mereka bahawa penegakkan negara Islam bukanlah semudah seperti mengadakan majlis ceramah.

Perlu juga disebut betapa lucu dan kelakarnya pimpinan PAS yang terlibat dalam gagasan persefahaman politik dengan parti nyamuk ini, mereka mengambil keputusan secara sendirian yakni hanya di peringkat atasan. Gagasan persefahaman politik ini tidak pernah diturunkan ke ‘grassroot’, kerana pada hemat mereka ‘grassroot’ hanya perlu patuh dan taat kepada pimpinan lebih-lebih lagi ‘Kepimpinan Ulama’. Kalangan ‘grassroot’ yang kebanyakannya lupa bahawa PAS adalah parti politik menerima bulat-bulat tanpa sebarang soal jawab. Di antaranya ada juga yang ingin bertanya kepada pimpinan tetapi takut nanti di‘lebel’ sebagai tidak memberi sepenuh ketaatan kepada pimpinan.

PAS Kawasan Kuala Selangor hanya diberitahu tentang gagasan persefahaman politik ini kira-kira kurang lebih seminggu sebelum membubaran parlimen. Pemberitahuan ini dibuat di dalam satu majlis di rumah Pemangku Naib Yang Di Pertua PAS Kawasan Kuala Selangor ketika itu (Hj. Jamil bin Nawawi). PAS Pusat diwakili oleh ustaz Suarin bin Ibrahim Pegawai Penerangan Pejabat Agung PAS, Manakala NasMa diwakili oleh Presidennya Raja Nasron dan Sdr Ali Munawar. Saya bertindak selaku pengurus majlis. Ringkasnya resolusi yang dicapai, PAS Kawasan Kuala Selangor menerima gagasan tersebut setelah Wakil PAS Pusat ustaz Suarin menekankan bahawa gagasan persefahaman politik tersebut adalah keputusan pimpinan ulama’ yang tidak perlu dipertikai. Sementara wakil NasMa pula menegaskan bahawa NasMa bersedia menerima konsep negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS.

Tiga hari selepas pertemuan pertama, satu pertemuan yang hanya melibatkan Ahli Jawatankuasa (AJK) PAS Kawasan

Kuala Selangor telah diadakan di rumah AJK PAS Kawasan merangkap Pengarah Pilihanraya DUN Seri Cahaya Hj. Tohirin bin Hj. Ahmad. Saya sekali lagi menjadi pengurus pertemuan itu. Agenda penting yang dibincangkan ialah tentang pembahagian kerusi. Arahan Pusat telah menetapkan bahawa DUN Seri Cahaya dan Parlimen Kuala Selangor dipertandingkan oleh NasMa manakala DUN Permatang dan Sungai Tinggi diberi kepada PAS. Majlis pada mulanya tenang, tetapi setelah kehadiran saudara Aroff bin Salleh bekas Yang Dipertua Kawasan Kuala Selangor serta beberapa tokoh veteran PAS dari Cawangan Bukit Hijau, Kawasan Kapar di antaranya saudara Jarmani bin Omar, saudara Sayan bin Marbin situasi mula menjadi tegang. Mereka terang-terang membantah persefahaman dengan alasan syara' serta alasan politik. Hj. Tohirin selaku tuan rumah ketika itu mempertahankan pendirian PAS Kawasan Kuala Selangor mati matian, begitu juga saya. Kesudahannya, keputusan terhadap persefahaman politik dan pembahagian kerusi tersebut tidak lagi padu.

Setelah kesemua calon NasMa dan PAS diterima penerimaan calon pada pilihanraya 1986, barulah PAS menyedari bahawa NasMa tidak mempunyai jentera pilihanraya yang kuat. Jentera pilihanraya NasMa sekadar ada saja. Lantaran PAS Kuala Selangor telah memasuki gelanggang maka mahu tidak mahu seluruh beban jentera pilihanraya NasMa ditanggung bersama oleh PAS. Segala pengalaman dan sepak terjang politik AJK PAS Kawasan Kuala Selangor dicurahkan untuk memastikan NasMa tiada hilang deposit. PAS Kuala Selangor menyedari bahawa mereka telah dikudakayukan oleh pimpinan PAS Pusat dan NasMa, tetapi apa boleh buat nasi telah menjadi bubur. Dipercayai, menurut maklumat yang diterima Sdr. Aroff bin Salleh dan beberapa rakananya yang menentang persefahaman politik PAS dengan parti-parti nyamuk ini menjalankan kegiatan menikam PAS dari belakang yakni dengan mempengaruhi ahli PAS agar jangan mengundi NasMa. Beliau dikecam hebat oleh seluruh jentera pilihanraya PAS dan NasMa kerana usaha jahat yang dilakukannya. Adakah Sdr. Aroff yang jahat atau PAS dan


NasMa yang mungkar ketika itu?

Keputusan pilihanraya Umum 1986 di kawasan Kuala Selangor menunjukkan tiada sebarang perubahan terhadap citarasa rakyat terhadap pembangkang, meskipun tidak dapat dinafikan terdapat penambahan undi di DUN Permatang, DUN Seri Cahaya, DUN Sungai Tinggi (baru diwujudkan) dan Parlimen Kuala Selangor, tetapi ianya bukanlah hasil daripada persefahaman politik (Tahaluf Siyasi) anjuran pimpinan PAS Pusat tetapi adalah hasil dari kerja-kerja PAS Kawasan Kuala Selangor sendiri yang telah memulakan kegiatan lebih awal sehingga berjaya memasuki beberapa kawasan yang sebelumnya tidak pernah terfikir untuk bertapak. Sebagai contoh PAS berjaya menubuhkan cawangan di Sungai Gulang Gulang, Permatang, Bukit Belimbing serta memasuki beberapa kawasan penempatan kaum Tionghua. Sekiranya NasMa bertanding sendirian PAS Kawasan Kuala Selangor yakin mereka akan kehilangan deposit.

Kesimpulannya dari analisa PAS Kawasan Kuala Selangor persefahaman politik dengan parti-parti nyamuk ini, adalah urutan dari kesilapan dan kedangkalan 'political vision' pimpinan PAS yang tidak mahu belajar dari pengalaman-pengalaman lepas. Kegelojohan untuk berkuasa terserah setiap kali menjelang pilihanraya tanpa menyedari realiti politik tanahair yang sentiasa berubah pantas selaras dengan perkembangan fizikal dan mental rakyat. Segala andaian, percaturan, perhitungan dan hemat pimpinan PAS di dalam menanggapi situasi politik hanya berdasarkan teori mengira untung sebelum bermiaga sedangkan modalnya di tahap angka kosong. Apakah 'dongeng Mat Jenin' telah meresap ataupun telah diterap ke dalam PAS?



*perpaduan ummah bermula di masjid bukannya di hotel besar.*



*Muhayat Haji Yusof.*

## **SIAPA MUHAYAT DI KUALA SELANGOR**

**A**pabila ditanya siapa Muhayat dalam PAS Kuala Selangor mungkin para pembaca akan membuat tanggapan bahawa pengarang cuba masuk bakul angkat sendiri. Terpulanglah kepada para pembaca dan siapa sahaja untuk mentafsirkannya, tetapi bagi yang mengikuti perkembangan politik PAS Kuala Selangor dekad lapan puluhan nama Muhayat tidak boleh dipisahkan dari PAS Kuala Selangor. Muhayat bukanlah tokoh politik yang dikagumi di Kuala Selangor, sekadar pejuang kerdil yang telah sebat dengan perjuangan murni PAS.

Siapakah Muhayat yang digelar ‘mastermind’ dalam krisis PAS Kuala Selangor oleh Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor, dianggap ‘pengacau’ kepada Angkatan Perpaduan Ummah (APU) oleh Setiausaha Agung PAS Hj. Abd. Halim Arsat serta bermacam-macam gelaran yang diberi kepadaannya oleh golongan menentangnya. Adakah Muhayat benar-benar mastermind, pengacau dan sebagainya?

Penglibatan Muhayat dalam PAS bermula pada awal tahun 1976, ketika itu beliau bertugas di Gerik Perak. Guru politiknya pertamanya ialah Ustaz Majid bin Sidek berasal dari Kulim Kedah yang kebetulan bertugas bersama Muhayat.

Tuan Guru Hj. Mohd. Ariff yang kini menjadi Ketua Dewan Ulama' PAS Perak, ustaz Ibrahim bin Ariffin seorang tokoh popular PAS Perak turut memberikan sumbangan besar kepada Muhayat dalam mengenali perjuangan Islam. Muhayat juga pernah melibatkan diri dalam ABIM dan pernah menjadi Setiausaha ABIM Yunit Base Camp, Lebuhraya Timur Barat Gerik pada tahun 1978 — 80 menyandang jawatan yang sama dalam ABIM Daerah Kuala Selangor 1982 — 83. Beliau meletakkan jawatan sebagai Setiausaha ABIM Daerah Kuala Selangor kerana tiada bersetuju dengan langkah Sdr. Anwar bin Ibrahim menyertai UMNO. Pimpinan PAS pada ketika itu memfatwakan bahawa Sdr. Anwar bin Ibrahim telah keluar dari gerakan Islam serta ABIM sendiri tidak tegas dalam menyatakan sokongannya kepada PAS, maka Muhayat tidak meragui fatwa tersebut, lantas meninggalkan ABIM terus menumpukan perjuangan penuh masa kepada PAS Kawasan Kuala Selangor.

Kegiatan beliau secara langsung dalam PAS Kuala Selangor bermula pada bulan Jun 1980, beliau terlibat mengatur beberapa siri Usrah sekitar Bukit Badong, Assam Jawa, Ijok, Bukit Hijau Kuala Selangor ustaz Hassan bin Hj. Shukri ketika itu Pesuruhjaya PAS Selangor merangkap Ketua Pennerangan PAS Pusat dan Allahyarham ustaz Nasri (semoga Allah cucuri rahmat ke atas rohnya) menjadi guru atau naqib kepada Usrah tersebut. Perkara penting yang ditekankan oleh guru-guru berkenaan ialah persoalan mengembalikan keyakinan ahli PAS terhadap perjuangan yang telah luntur setelah ditendang dari Barisan Nasional. Hj. Tohirin bin Hj. Ahmad juga tidak ketinggalan bersama-sama dengan Muhayat dalam keadaan yang serba sulit untuk mengembalikan semula keyakinan ahli PAS terhadap perjuangan. Hasil kegigihan Hj. Tohirin bin Ahmad, Allahyarham Hj. Nasri dan Muhayat secara perlahan-lahan keyakinan ahli terhadap perjuangan PAS kembali pulih. Ustaz Hassan Shukri dalam hal ini bertindak selaku naqib hanya dalam jangka waktu yang singkat sahaja mungkin kerana kesibukan.

Pemulihan keyakinan dan sokongan ahli PAS dan mas-

yarakat setempat yang disalurkan melalui siri-siri usrah tersebut tidaklah menampakkan hasil yang positif. Ini terbukti apabila PAS Kawasan Kuala Selangor yang menyertai Pilihanraya 1982 hanya berjaya mengekalkan wang deposit di dua kawasan DUN (Seri Cahaya dan Permatang) manakala di peringkat Parlimen dan DUN Jeram (ketika itu dalam Parlimen Kuala Selangor) hilang wang pertaruhan. Siapa yang harus dipersalahkan, pimpinan PAS atau ahli PAS?

Muhayat mula memegang Jawatan Ketua Penerangan PAS Kuala Selangor selepas Muktamar Agung PAS Kawasan Kuala Selangor 1982 (lepas Pilihanraya) yang mana ketika itu Sdr. Aroff bin Salleh dipilih menjadi YDP baru menggantikan Allahyarham Hj. Ismail bin Amil (semoga Allah cucuri rahmat ke atas rohnya). Pimpinan Sdr. Aroff bin Salleh nampaknya memberi kesan positif kepada pemulihian keyakinan ahli-ahli PAS Kawasan Kuala Selangor. Gandingan Sdr. Aroff, Hj. Tohirin bin Ahmad, Mohd. Yusof Abd. Rahim, Hj. Awang Ansari, Sayan Marbin, Jarmani Omar dan beberapa AJK lain kuliah-kuliah pengajian, majlis ceramah, tamrin dan berbagai program melibatkan pimpinan pusat dan negeri dapat dilaksanakan. Di tengah-tengah kerancakan ini malangnya, Pesuruhjaya PAS Perhubungan Negeri Selangor Hj. Ismail bin Hj. Hashim telah melakukan kesilapan apabila beliau menerima kemasukan dua orang ahli baru dalam PAS Kuala Selangor tanpa mematuhi saluran perlembagaan PAS. Kuala Selangor membantah sekeras-kerasnya tindakan politik negatif yang dilakukan oleh Pesuruhjaya tersebut, tetapi pesuruhjaya tidak mengendahkannya, maka bermulalah sengketa dingin di antara PAS Kuala Selangor dengan Pesuruhjaya. Siapakah dua orang ahli baru yang PAS Kuala Selangor sifatkan sebagai ‘ahli payung terjun? Memadailah PAS Kuala Selangor menjelaskan kedua-duanya adalah penjenayah politik Islam yang cuba memperalatkan PAS.

Semangat perjuangan Muhayat mula meningkat tinggi setelah PAS mengenangkan slogan Pimpinan Ulama dengan mengambil contoh kejayaan Revolusi Islam di Iran.

Hampir keseluruhan ahli PAS menyokong penuh era perubahan daripada pimpinan Dato' Hj. Asri bin Muda yang disifatkan sebagai pimpinan sekular kepada pimpinan ulama yang diyakini akan mengemudikan perjuangan PAS ke arah benar-benar Islamik. Dalam keghairahan pimpinan ulama ini pimpinan Pusat seolah-olah mengambil jalan berkonfrantasi dengan mana-mana golongan yang tidak menyokong PAS. Dari saat ini timbullah istilah kafir, thoghut, jahiliyyah, fasik, zalim dan sebagainya. Sasaran utama adalah UMNO.

Pada tahun 1983, Muhyayat dilantik menjadi Setiausaha PAS Kawasan Kuala Selangor dan juga dipilih sebagai Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri Selangor untuk tempuh dua tahun. Dengan kedudukan tersebut Muhyayat bertambah fanatik dengan saranan serta ajaran yang diperolehi dari pimpinan atasannya, di setiap usrah, ceramah, dan sebagainya adalah tidak lengkap sekiranya tidak disebut perkataan tog hut dan kafir kepada penentang Islam khususnya UMNO. Sikap konfrantasi Muhyayat dan rakan-rakannya bukan sekadar kepada UMNO malahan menular kepada kaum keluarga.

Muhyayat, sehingga dia tidak mahu berimankan ahli UMNO. Tidak mahu makan sembelihan orang UMNO. Tidak mahu menghadiri kenduri kendara ahli-ahli UMNO. Kemesraan dan hubungan kekeluargaanpun begitu renggang kerana ramai di kalangan keluarga Muhyayat adalah ahli UMNO. Kesemua ini adalah disebabkan ‘tarbiyyah’ yang diperolehi dari pimpinan PAS ketika itu, yang menyifatkan setiap ahli UMNO itu adalah musuh kepada perjuangan Islam. Musuh Islam mestilah dipulaukan dan dinafikan hak ke-Islamannya, walaupun mereka masih lagi mengucap dua kalimah syahadat, kerana syahadat mereka tidak sah, begitulah yang selalu dipesankan oleh pimpinan PAS.

Di antara masjid yang dianggap sebagai masjid yang bersih lagi suci (tidak dibina oleh kerajaan) di kawasan Kuala Selangor ini ialah Masjid Baroh Sungai Tengi Kanan Tanjung Karang. Adalah difahamkan bahawa masjid ini pentadbirannya dimonopoli oleh orang-orang PAS. Maka masjid inilah

yang kerapkali menjadi tumpuan Muhayat dan rakan-rakannya bersempbahyang jamaah, samada solat Jumaat, Aidil Fitri dan Aidil Adha serta solat lima waktu. Masjid lain pada anggapan Muhayat ketika itu, sebagaimana anggapan kebanyakannya ahli PAS adalah Masjid Dhirar, kerana masjid-masjid tersebut dibina oleh kerajaan dan imamnya terdiri dari ahli-ahli UMNO. Di Masjid Baroh inilah beberapa siri mesyuarat PAS Kuala Selangor telah diadakan, di samping satu ceramah politik PAS-46. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa masjid tersebut adalah salah satu dari masjid yang dijadikan gelanggang politik oleh PAS Kawasan Kuala Selangor.

Di dalam pilihanraya 1986, masjid tersebut benar-benar dijadikan medan berkempen di saat terakhir oleh PAS Kawasan Kuala Selangor, Hari Jumaat satu hari sebelum tarikh mengundi, menyaksikan bagaimana pihak pentadbir masjid tersebut menukar khatib (pembaca khutbah) yang tidak sewajarnya dilakukan. Khatib yang sepatutnya membaca khutbah pada hari itu telah dilarang berbuat demikian kerana beliau dipercayai ahli UMNO. Sebaliknya tugas membaca khutbah pada hari itu diserahkan kepada salah seorang ustaz PAS. Kebetulan YB Dato Hj. Abu Hassam Omar (sekarang Menteri Luar Negeri) berjemaah di masjid tersebut pada hari itu. Kesemuanya ini dilakukan adalah kerana calon PAS DUN Sungai Tinggi Hj. Jamil bin Nawawi adalah salah seorang ‘orang kuat’ masjid tersebut. Adalah dipercayai perbuatan menukar khatib menimbulkan kemarahan di kalangan penduduk setempat yang kebanyakannya ahli-ahli UMNO serta golongan atas pagar. Hasilnya, ramai di kalangan keluarga terhampir calon PAS DUN Sungai Tinggi itu, tidak menyokong beliau.

Keluarga Muhayat terutamanya abang-abang kandungnya kerapkali memberikan teguran terhadap sikap Muhayat yang dianggap keterlaluan. Walaupun teguran tersebut tidak dibuat secara langsung kepada Muhayat, kerana abang-abang kandung Muhayat arif benar tentang sikap Muhayat (yakni tidak akan mudah menerima nasihat) namun ianya tidak mendatangkan kesan. Teguran yang dibuat melalui ibu Mu-

hayat itu, hanya Muhayat ibaratkan sebagai teguran orang jahil. Sesiapa yang menegur atau menasihatkan Muhayat pada ketika itu maka ianya akan dianggap musuh. Mahu tidak mahu, saudara mara Muhayat hanya memerhati gelagat Muhayat dari jauh. Ada mata lihat ada telinga dengar. Namun keluarga Muhayat tetap menghurmatinya. Adalah suatu yang melucukan apabila ibu Muhayat ingin mengadakan kenduri arwah, maka abang-abangnya tidak ‘berani’ melakukan sembelihan, sebaliknya sembelihan dilakukan oleh Muhayat. Abang-abang Muhayat khuatir sekiranya mereka yang melakukan sembelihan maka Muhayat tidak akan menjamah ayam tersebut.

Tidak keterlaluan, pada masa itu, Muhayat menganggap dirinya sahajalah yang paling benar kerana beliau berjuang di dalam parti Islam. Yang lain tidak benar dan tidak perlu diikut atau didengar pendapat mereka. Pergi jahanam dengan saranan-saranan orang lain. Pergi jahanam dengan ABIM, Arqam, Jamaah Tabligh serta lain-lain pertubuhan Islam kerana mereka semua tidak berpolitik dan tidak menyatakan sokongan terang-terang kepada PAS. Gerakan Islam yang lain dianggap oleh PAS pada ketika itu sebagai gerakan yang tidak lengkap menurut kacamata Islam. Bila pimpinan keluarkan ‘fatwa’ seperti itu maka para pengikut setia di peringkat bawahan akan mematuhinya bulat-bulat. Terdapat peristiwa yang mana orang-orang seperti Muhayat keberatan untuk berassalamu’alaikum dengan golongan yang bukan dari PAS. Begitulah taksubnya para pejuang Islam yang taat kepada pimpinan (?)

Suatu hal yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapapun di kalangan ahli PAS Negeri Selangor, bahawa salah seorang yang mempopularkan slogan slogan menaikkan semangat di dalam majlis-majlis ceramah anjuran PAS adalah Muhayat. Slogan seperti ‘La Syarqiyyah! La Gharbiyyah! (Tidak Timur! Tidak Barat!) Daulah Daulah Islamiyyah (Negara Islam! Negara Islam!) Jahanam Penentang Islam! Jahanam UMNO! Jahanam BN! Jahanam! Mahathir! dilaungkan pada setiap ceramah atau majlis-majlis lain yang Muhayat jadi pence-

ramah atau pengerusinya. Boleh dikatakan hampir setiap majlis ceramah besar-besaran anjuran PAS Negeri Selangor yang melibatkan Fadhil Noor, Hj. Abd. Hadi Awang, Tuan Guru Hj. Yusof Rawa dan lain-lain tokoh kerapkali Muhayat menjadi pengerusinya. Adapun tujuan slogan itu dilaungkan adalah untuk meniupkan semangat berkobar-kobar kepada para hadirin. Setelah semangat mereka ditiup maka derma pun dikutip. Sebahagian dari slogan tersebut adalah baik diulang-ulang, namun sekarang setelah PAS (pimpinannya) berasmara dengan 46 dan DAP slogan tersebut telah tidak kedengaran. Yang kedengaran hanyalah Hidup! Hidup Angkatan! (itu pun kalau sempat hidup kalau tidak macam mana?) Jahanam Mahathir! (kalau Fadhil Noor dan Tengku Razaleigh yang jahanam macam mana?).

Sebenarnya Muhayat tidak pernah menyesal jika pada ketika itu (di zaman ketaksuban ahli-ahli PAS pada pimpinannya) dijadikan juru iklan untuk kepentingan PAS, kerana sepertimana ahli-ahli PAS yang lain, menganggap Fadhil Noor dan rakan-rakan kongsi politiknya benar-benar ikhlas memperjuangkan Islam. Isu ‘aqidah (keimanan) yang diketengahkan oleh para tok-tok guru dalam PAS adalah sesuatu yang paling layak dikemukakan. Rasul Allah s.a.w. dalam menyampaikan dakwahnya meletakkan ‘tauhid kepada Allah s.w.t. sebagai dasar dakwahnya. Abu Jahal dan Abu Lahab serta puak-puaknya diseru supaya mentauhidkan Allah s.w.t. Ramai para sahabat yang syahid dalam melaksanakan tuntutan tauhid ini. Setiap mukminin baik di zaman mana mereka berada benar-benar rindukan kepada mati dalam memperjuangkan tuntutan tauhid itu. Tetapi apakah benar-benar perjuangan yang didokong oleh Fadhil Noor sekarang ini tertegak atas dasar itu atau hanya sekadar memperalatkan ‘isu aqidah’ demi untuk memancing simpati? Persoalan ini yang perlu dikaji oleh setiap pendokong PAS.

Muhayat di zaman kelantangan dan keceluparan mulutnya menghentam UMNO dan BN kerapkali diekori dan di temui oleh Polis Cawangan Khas. Anggota cawangan khas tersebut, kebanyakannya hanya memberikan nasihat dari

sudut keselamatan, dan kedapatan juga anggota cawangan khas itu menemui saudara mara Muhayat yang terhampir memberitahu mereka agar menasihati Muhayat supaya ‘slow down’ sedikit. Di antara yang didatangi oleh SB (Special Branch) ialah salah seorang abang ipar kepada Muhayat di Tanjung Karang dan abang kandungnya di Batang Berjuntai. Namun begitu Muhayat ketika itu telah dilatih agar jangan gentar kepada sesiapa pun. Akhirnya abang ipar dan abang kandung yang menyampaikan ‘salam SB’ tersebut naik ‘fed up’ dengan Muhayat. Di antara yang dipesanakan oleh pimpinan PAS kepada anak buahnya ialah agar setiap ahli PAS berhati-hati apabila berdepan dengan SB. Jangan beri maklumat yang tepat sekiranya mereka ingin mendapatkan maklumat parti. Polis tidak boleh dipercayai, kerana mereka adalah ejen UMNO. Perasaan membenci dan prasangka kepada anggota polis begitu menebal tersemat di kalangan hati orang-orang PAS ketika itu, tidak ketinggalan PAS telah berjaya mendidik anak buahnya dengan memandang serong kepada semua pihak yang berada di luar PAS.

Mungkin ada tertanya-tanya bagaimanakah Muhayat yang terkenal dengan sikap paling fanatik itu, tiba-tiba menjadi bahan kecaman para pimpinan PAS dan para penyokong APU. Muhayat yang dulu pernah tidak bertegur sapa dengan abang kandungnya yang bernama Hj. Ehsan kerana beliau (Hj. Ehsan) adalah penyokong kuat UMNO, tetapi kini menjadi penentang kepada Fadhil Noor dan rakan kongsinya. Apakah Fadhil Noor kini telah menjadi penyokong UMNO sehingga Muhayat tergamak menentang kepimpinannya?

Sebagai jawabannya Fadhil Noor tidak pernah masuk UMNO. Sebaliknya Fadhil Noor dan rakan-rakan kongsi politiknya bercakap tidak serupa bikin. Dulu kutuk UMNO cukup-cukup tetapi sekarang jilat sisa buangan UMNO. Aqidah tolak tepi, kerusi empuk yang diburu dan dicari.

Sebenarnya, kemasukan Fadhil Noor dan rakan kongsi nya dalam APU, merupakan kemuncak penentangan orang-orang seperti Muhayat terhadap pimpinan PAS. Bagi Muhayat titik tolak kesedarannya, bahawa sikap keterlaluan

atau fanatik tidak digalakkan oleh Islam bermula sejak ketewasan PAS di dalam Pilihanraya umum 1986. Hasil dari pengamatan serta pengalamannya selaras dengan peningkatan usia, bahawa masih terdapat malahan terlalu ramai manusia yang berada dalam PAS begitu mementingkan duniaawi. Walaupun perjuangan PAS itu didasarkan atas Islam, tetapi seolah-olah tidak ada perbezaan dengan lain-lain parti yang bukan Islam. Akhlak pimpinannya, sifat serta sikap ahli-ahlinya kadangkala tidak langsung meyakinkan yang mereka itu memperjuangkan Islam.

Setelah menerima pukulan hebat dalam pilihanraya umum 1986, cita-cita pimpinan PAS untuk mewujudkan negara Islam seperti yang digembar-gemburkan sebelumnya hancur berkecaci, situasi dalaman PAS kelam kabut. Timbul pelbagai tuduhan di antara pimpinan, masing-masing menyalahkan satu dengan lain, kononnya hanya ustaz Nakhaie sahajalah yang dipertanggungjawabkan di atas kekalahan teruk PAS dalam pilihanraya tersebut. Ustaz Nakhaei pada masa itu selaku Naib Presiden (YDP) PAS Pusat menerima tekanan daripada segenap penjuru. Apakah kesalahan tersebut hanya patut dibebankan kepada ustaz Nakhaie, sedangkan PAS bukanlah milik Nakhaie, atau telah menjadi satu tradisi di dalam PAS apabila sesuatu perancangan parti itu menampakkan kejayaan, masing-masing pimpinan akan cuba menonjolkan bahawa mereka lah yang memainkan peranan penting tetapi apabila perencanaan tersebut menemui kebuntuan atau kegagalan maka masing-masing akan cuba melarikan diri daripada masalah serta membebankan kesalahan hanya kepada individu yang tertentu atau hanya kepada satu-satu pihak. Apakah ini corak yang diajar oleh Islam ataupun ianya adalah ajaran tradisi yang dianuti pimpinan PAS?

PAS Kuala Selangor khususnya penulis bukanlah ingin membela ustaz Nakhaie, tetapi kepada manusia yang berfikiran waras Nakhaie adalah manusia biasa yang tidak dapat lari dari kesilapan namun begitu apakah Nakahie langsung tidak memberi sumbangan sepanjang pengelibatannya dalam

PAS? Soal beliau menyertai UMNO, adalah sesuatu persoalan lain, mungkin beliau menyertai UMNO kerana kecewa dengan sikap pimpinan PAS yang hanya pandai berceramah me-wujudkan 'budaya kagum' tetapi dari sudut perencanaan dan penyusunan organisasi kucar kacir. Semuanya serba mungkin. Namun begitu penulis tidaklah menyokong langkah beliau menyertai UMNO, tetapi tetap menghormati langkah beliau yang tidak mahu berpura-pura mendabik dada sebagai jaguh Islam, sebagaimana tokoh-tokoh lain yang berapi-api menyuarakan Islam namun segi praktiknya hanya ingin memperalatkan politik Islam demi mengejar kerusi.

Era 1987-89 menampakkan sekali lagi sebagaimana kawasan-kawasan lain PAS Kuala Selangor terpaksa menggembalikan semula keyakinan ahli terhadap perjuangan. Barangkali inilah stail kerja dalam PAS, setiap kali bermasalah, yang dicetuskan sendiri oleh pimpinan, maka setiap kali jugalah 'grassroot' ditugaskan untuk menyelesaikannya. PAS Kuala Selangor secara tebal muka mahu tidak mahu bekerja sekadar mampu memulihkan keyakinan ahli-ahli PAS terhadap perjuangan Islam yang murni ini. Bekerja tanpa rungutan dan bukan sekadar itu malahan kadangkala terpaksa mempertahankan kesilapan yang telah dilakukan oleh pimpinan. Bermati-matian tetap menyata dan menjelaskan kepada ahli juga masyarakat bahawa pimpinan dan ulama' PAS adalah pimpinan terbaik.

Kesetiaan pimpinan peringkat bawahan serta ahli-ahli PAS terhadap pemimpin mereka adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Mereka sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Qur'an dan Sunnah Rasul s.a.w. Pimpinan berjaya meyakinkan ahli bahawa mereka benar-benar menjunjung kedua-dua pusaka yang ditinggalkan oleh Rasul Allah itu. PAS Kuala Selangor dalam era 1987-89 sebagai salah satu unit di dalam PAS sememangnya menaruh sepenuh keyakinan terhadap pimpinan. Setelah menyedari bahawa pimpinan PAS juga adalah manusia biasa, maka secara tidak disedari sebagaimana ahli-ahli PAS lain mereka mula mempertikaikan tindak-tanduk pimpinan yang kadangkala tindakan

pimpinan tidak seperti dengan apa yang dilafazkan.

Musim sessi 1987-89 ini menyaksikan PAS setelah kecewa dengan keputusan pilihanraya 1986, pimpinan mula menekankan bahawa ketaatan semestinya ditumpukan penuh kepada pimpinan ulama', barangkali pimpinan telah mula menyedari mereka akan dipertikaikan, desas desus kecaman, kritikan dan rasa tidak puas hati mula kedengaran. Pimpinan ulama' PAS mula gelisah tetapi kegelisahan mereka dapat di selamatkan apabila situasi politik negara bergoncang, akibat wujudnya Kem A dan Kem B dalam UMNO. Pimpinan PAS berjaya mengeksplot isu UMNO tanpa disedari ahli-ahli PAS menumpukan semula usaha untuk memulihkan kekuatan parti mereka. Pimpinan mendakwa bahawa doa ahli-ahli PAS yang selama ini dizalimi oleh UMNO telah dimakbulkan Allah. Hasilnya UMNO berpecah dua. Tidak dapat dinafikan UMNO telah pecah dua di saat itu, tetapi persoalan nya samada ianya hasil dari doa ahli-ahli PAS atau telah di taqdirkan demikian, kesemuanya adalah di dalam pengetahuan Allah s.w.t. Walau bagaimanapun hasil yang diperolehi oleh pimpinan PAS akibat perpecahan UMNO, mereka dapat menyelamatkan diri dari dipersoal oleh ahli pimpinan PAS berjaya membuat dakwaan kepada masyarakat bahawa mereka lah pimpinan alternatif yang patut diketengahkan mengambil aleh pimpinan negara. Apakah dakwaan pimpinan PAS bahawa mereka berhak dipilih sebagai pimpinan alternatif ini sebagai dakwaan yang benar lagi berasas. Atau sekadar cebisan dari babak-babak pengelipurlara yang didendangkan agar ahli-ahli PAS terus hanyut dibuai khayalan? Tepuk dada tanya iman.

Berbalik kepada PAS Kawasan Kuala Selangor yang mana sessi 1987-89 telah menyaksikan kelicinan perubahan pimpinan kawasan tanpa sebarang masalah. Dalam Muktamar Agungnya pada tahun 1987 Sdr. Hj. Jamil bin Hj. Nawawi telah dipilih untuk mengetuai PAS kawasan ini, menggantikan Imam Rosnan bin A. Rahim. Penulis sekali lagi dilantik menjadi Setiausaha. Tiada sebarang peristiwa menarik sepanjang 1987, jika ada program pun umpamanya ceramah,

usrah dan kuliah pengajian, kesemuanya berjalan dalam keadaan paling minima. Penekanan menumpukan ketaatan pada pimpinan adalah sesuatu yang diwajibkan pada setiap program yang disebutkan. Perasaan seronok sendiri (syok sendiri) terhadap pertelingkahan dalam UMNO A dengan UMNO B kerapkali juga mengambil tempat di dalam setiap pertemuan, perbualan, program PAS. Barangkali beginilah sifat orang Melayu yang terlalu seronok apabila setiap kali timbul isu walaupun kadangkala mereka tiada punya pengetahuan yang tepat tentang isu namun mereka tidak mahu ketinggalan memanjangkan mulut mereka yang berkesudahan dengan hilai ketawa dan cemuh yang tidak kesudahan.

Di antara isu yang agak mengaibkan PAS pada tahun 1987 ialah isu Darul Mal. Pada mulanya isu Darul Mal ini cuba sedaya upaya disembunyikan oleh pimpinan PAS dari-pada ahli peringkat bawahan, tetapi setelah beberapa orang ahli PAS yang mencarum dalam Darul Mal ini mendedahkan kepada umum penyelewengan pengurusannya maka ianya tidak dapat dinafikan lagi. Pendedahan itu dibuat dalam akhbar Utusan Malaysia, tetapi oleh kerana PAS ketika itu menganggap bahawa akhbar tersebut bersikap putar belit tambahan pemulauan akhbar tersebut telah dikuatkuasakan oleh PAS sejak tahun 1986, maka sekali lagi pimpinan PAS agak terselamat dari isu penyelewengan Darul Mal ini. Darul Mal untuk pengetahuan pembaca adalah lebih mirip kepada koperasi yang tujuan utamanya menggalakan ahli membuat tabungan bagi memudahkan urusan haji. Kempen pelancaran Darul Mal ini jika tidak silap, dilancarkan sekitar 1982-83. Pimpinan PAS Pusat merestui penubuhannya, turut menyarankan dengan penuh kesungguhan bahawa setiap ahli PAS sewajarnya mencarum atau menabung wang di dalam Darul Mal. Konon ianya sebagai alternatif kepada institusi kewangan sedia ada yang bercanggah dengan syara'. Yang anehnya menurut pengetahuan penulis. Darul Mal ini suatu institusi kewangan yang tidak didaftarkan, apabila dikemukakan oleh ahli mengapa Darul Mal tidak didaftarkan, pimpinan menjawab sekiranya didaftarkan dikhuitiri kerajaan akan

merampasnya jika PAS satu hari kelak diharamkan. Pimpinan memberi contoh bagaimana harta gerakan Ikhwanul Muslimin Mesir dirampas dan dibekukan oleh Kerajaan Mesir setelah ianya diharamkan. Apakah benar alasan ini? Atau sengaja tidak mahu bertanggungjawab apabila Darul Mal, menempuh kegagalan? Tanyakanlah kepada pimpinan PAS yang mengecenangkan slogan ‘Kepimpinan Ulama’.

Sambutan ahli PAS terhadap Darul Mal ini agak menggalakkan. Penulis juga pernah mencarum tetapi sekadar \$10.00 sahaja, kerana penulis tidak punya wang. Perjalanan Darul Mal ini agak lancar ditahun permulaan ianya dilancarkan, begitu juga di tahun kedua, jemaah haji yang menunaikan fardhu kelima rukun Islam di bawah Darul Mal ini begitu puas hati akan perkhidmatannya. Hasilnya semakin ramai ahli PAS menyertai Darul mal, telah menjadi adat alam bahawa setiap sesuatu gerak kerja sekiranya proses perlaksanaannya dilakukan dalam keadaan yang tergopoh-gapah dan kurang pengetahuan maka kesudahan hasilnya ialah kegagalan. Begitu juga Darul Mal, apabila segelintir pimpinan dan segilintir ahli yang bijak mengampu pimpinan mula memasang angan-angan Mat Jenin, maka berlakulah pengeluaran wang simpanan bakal-bakal haji dan ahli PAS itu kononnya ingin dilaburkan untuk projek-projek tertentu. Di Selangor umpamanya puluhan ribu ringgit, telah disalurkan untuk projek setesen minyak yang melibatkan ahli PAS Kuala Langat, Kuala Selangor puluhan ribu ringgit juga dikatakan terbenam untuk projek menternak kerang di Perak dan barangkali puluhan ribu juga dibenamkan untuk Projek Estet PAS Temerloh. Lantaran projek-projek tersebut mene-mui kegagalan kerana pengurusan yang kurang cekap maka pulangannya adalah kosong. Akibatnya ramai bakal-bakal haji yang terkandas. Pada mulanya, bakal-bakal haji dan pencarum yang terlibat masih dapat menahan kesabaran, tetapi sebagai manusia biasa kesabaran mereka ada hadnya, akhirnya berlakulah apa yang telah berlaku. Demi menjaga maruah PAS kononnya, Pimpinan PAS Pusat telah menge-luarkan arahan bahawa setiap PAS Perhubungan Negeri

di seluruh Malaysia diwajibkan mengumpul sejumlah \$10.000.00 ringgit bagi menutup Skandal Darul Mal, yang mana jika PAS gagal menyelesaikan penyalahgunaan wang yang ditabung oleh pencarum (kebanyakannya bakal-bakal haji) menjelang Disember 1987, maka PAS akan diheret ke-mahkamah. Pengarang sendiri terlibat di dalam menerima arahan ini di mesyuarat Perhubungan PAS Negeri sekitar Oktober 1987. Kedapatan juga beberapa orang ahli per-hubungan Negeri yang cuba mempertikaikan arahan tersebut, namun dipertahankan oleh Pengerusi (Pesuruhjaya) dan para pengampunya dengan memberikan alasan bahawa ianya adalah masalah yang harus ditanggung bersama oleh parti. Ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan juga dilarang mendedahkan skandal ini kepada ahli bawahan kerana ditakuti akan menimbulkan kegawatan. Negeri memutuskan bahawa setiap AJK Perhubungan diwajibkan membayar \$200.00 bagi menampung jumlah \$10.000.00 tersebut. Mahu tidak mahu pimpinan peringkat kawasan terpaksa melaksanakan arahan tersebut, yang mana Kuala Selangor sendiri terpaksa menge-luarkan \$800.00 walaupun terpaksa membohongi ahli peringkat bawahan dalam mencapai maksud tersebut. Per-soalannya, adakah Islam mengajar bahawa setiap kecuaian dan kesilapan pimpinan itu harus disembunyikan malahan risikonya ditanggung oleh orang bawahan? Apakah Islam mengajar pengurusan harta itu dibuat sambil lewa? Bagaimana jadinya nanti hendak menguruskan harta negara sekiranya pengurusan yang lebih kecil dari itu tidak mampu dilaksanakan. Jawablah wahai pimpinan!

Tahun 1987 menyaksikan Muktamar Agong Tahunan PAS bertemakan "Ke Arah Tajdid Hadhori (Ke Arah Pemulihan Tamaddun) di ketengahkan. Motif tema tersebut mengarahkan seluruh ahli PAS berusaha dan bekerja memulihkan suasana masyarakat yang telah terhakis tamaddun keislaman-nya. Pimpinan PAS dan para juak mereka mula memukul gendang agar setiap pejuang Islam (ahli PAS) muncul di tengah-tengah masyarakat, mendampingi mereka, menangani setiap permasalah masyarakat dan jangan sekali-kali timbul-

kan suasana negatif. Saranan tersebut memang sedap didengar, mungkin ianya adalah hasil daripada kesedaran sikap pimpinan yang sebelum daripadanya; mengambil jalan pendekatan ala konfrantasi dalam menyampaikan mesej perjuangan PAS yang hasilnya negatif. Atau apakah saranan perubahan ini mempunyai maksud tertentu... mungkin ada udang di sebalik batu? Penulis serahkan pada pembaca untuk membuat tafsiran.

PAS Kuala Selangor menerima saranan ini dalam delima. Adalah sesuatu yang agak rumit untuk muncul semula dengan bermanis muka di tengah-tengah masyarakat setelah sekian lama pimpinan mengajar ahli PAS mengamalkan dasar ala konfrantasi. Ahli PAS telah dididik sebelumnya, solat mesti berimankan orang PAS, UMNO itu parti jahiliyyah, Ustaz ustaz UMNO semuanya penentang Islam, penerapan nilai Islam adalah rencana Yahudi, Bank Islam? Universiti Islam adalah tempelan, songkok hitam seboleh-bolehnya jangan dipakai kerana UMNO sahaja yang berhak memakai... ahli PAS kenalah pakai kopiah, ahli PAS mestilah menonjolkan dirinya sebagai PAS tanpa sebarang keraguan dan bermacam-macam lagi. Siapakah yang harus dipersalahkan? Apakah sememangnya ahli PAS itu sendiri yang senantiasa menunggu bulan mengambang atau pimpinanlah yang berusaha mengerahkan purnama, lantaran sikap gopoh lagi gelojoh?

Di Kuala Selangor kawasan tradisi yang politiknya dikuasai oleh UMNO, maka setiap institusi desa sama ada JKK, Masjid, PIBG, dan sebagainya adalah dikuasai oleh ahli-ahli UMNO. Jika adapun ahli PAS yang terlibat ianya boleh dibilang dengan jari. Maka persoalan ini dibangkitkan kepada pemimpin peringkat pertengahan di dalam PAS. Apakah fatwa yang sebelum ini ahli PAS dilarang berimankan UMNO, ditegahkan berjurunukahkan Imam UMNO, tidak digalakan membayar fitrah kepada amil kerajaan, tidak digalakan malahan kadangkala dilarang daripada bersembahyang di masjid yang dibina oleh keajaan sudah terbatal? Pimpinan peringkat pertengahan menyerahkan kepada pimpinan tertinggi untuk menjawab persoalan tersebut. Jawapan pimpinan

tertinggi penuh kabur. Ada yang memberikan jawaban bahawa fatwa-fatwa tersebut umpamanya isu kafir mengkafir adalah hasil dari kesilapan pimpinan tertentu dan ada pula yang memberikan jawaban bahawa sah berimankan orang UMNO, berjurunikhkan orang UMNO, makan sembelihan orang UMNO yang tidak menentang Islam secara terang-terangan. Apakah ini jawapan atau pun tidak lebih dari pelarian permasalahan? Atau sekadar jawaban untuk memenuhi selera politik? Apakah penafsiran Qur'an dan Hadith oleh ulama-ulama PAS sebelum ini terbahagi kepada dua kelompok atau pun penafsiran tersebut boleh diubah-ubah sesuka hati. Di manakah pula letaknya Amanat Tuan Guru Hj. Abd. Hadi yang dilafazkan pada tahun 1981 yang tergantung kukuh di dinding-dinding hampir setiap rumah ahli PAS?

Di dalam situasi serba delima ini PAS Kawasan Kuala Selangor mahu tidak mahu merangkak dan menapak secara perlahan-lahan, menebalkan muka muncul kembali di tengah-tengah masyarakat. Di sekitar kawasan Ijok dan Bukit Badong Hj. Tohirin Ahmad selaku AJK Pas Kawasan mengatur kuliah-kuliah pengajian dan mendapat sambutan yang agak menggalakan, begitu juga di sekitar Sawah Sempadan Sdr. Saman bin Mat Ariff selaku Bendahari Kawasan giat mengajurkan usrah dan kuliah, tidak ketinggalan di sekitar Kg. Sungai Gulang-Gulang Sdr. Jamsari Kasman dan Sdr. Suhaimi Amnan selaku AJK PAS kawasan berjaya menganjurkan beberapa siri kuliah dan ceramah agama. Suasana berjalan dalam keadaan harmoni, sehingga sesuatu yang sememangnya telah diduga berlaku dan ianya merupakan titik tolak pertembungan di antara PAS Kawasan Kuala Selangor dengan Pusat dan Negeri, bab berikutnya akan Inysa'Allah memaparkan detik-detik peristiwa tersebut.

Muktamar Agong PAS Pusat 1988 mengenangkan Ucapan Dasar Yang DiPertua Pusat dengan tema 'Bertekad Membulatkan Jama'ah'. Tema ucapan Dasar itu sendiri memberi makna yang cukup mudah untuk difahami, oleh semua lapisan masyarakat. Seperti biasa, setiap kali tema baru muncul, maka pimpinan pun akan berkotak dengan irama

dan melodi yang sesuai dengan tema itu. Penekanan terhadap kepaduan, keseragaman tindak tanduk, pemikiran serta gerak kerja kerapkali diserapkan kepada ahli peringkat bawahan melalui seminar, ceramah, usrah dan sebagainya. Matlamat yang diharapkan ialah agar parti dari peringkat pimpinan agung hingga ke peringkat ahli bawahan benar-benar bulat, sebulat simbol PAS — Bulan Purnama.

Persoalan yang ingin dikemukakan oleh Penulis, adakah ketika itu PAS sudah tidak bulat ataupun mata pimpinan PAS sendiri yang sudah mula juling dipukau oleh puaka Semangat, ataupun sudah mula terpandang Roket akan naik ke Bulan..... Untuk tidak menyulitkan pembaca biarlah pengarang berikan jawapannya, tema tersebut semata-mata dijadikan sebagai jampi serapah dan ‘ubat bius’ para bomoh dan tabib politik dalam PAS yang sejak dari dulu lagi menguasai tok-tok guru. Bila jampi serapah telah meresap ‘ubat bius’ pula, mula menampakkan kesan maka senanglah para bomoh dan tabib politik tersebut mencucuk hidung grass root untuk dijadikan keldai tunggangan bagi mengangkut nafsu selera politik mereka yang gelojoh.

PAS Kawasan Kuala Selangor seperti PAS di tempat-tempat lain biasa menari mengikut paluan gendang usang yang dipukul oleh boss-boss besar, namun hasilnya tetap seperti sediakala. Pepatah orang tua kita menyebut ‘Setiap kali air bah, setiap kali pantai berubah’, siapapun tak boleh menafikan ketepatan maksud pepatah itu... tetapi berbeza dengan PAS (pimpinan) ‘Setiap kali tema diubah, keadaan tetap tak berubah’... akhirnya semua masuk tong sampah.

perang dingin PAS Kuala Selangor dengan Pesuruhjaya Perhubungan PAS Negeri Selangor ustaz Hj. Ismail bin Hj. Hashim, bermula di sekitar bulan Mei 1988. Seperti yang disebut pada bab kedua buku ini, perang dingin PAS Kuala Selangor telah pun bermula sekitar awal tahun 1983, apabila ustaz Ismail menerima keahlian 'payung terjun' dua manusia yang amat tidak disenangi oleh kebanyakan ahli PAS Negeri Selangor. Malangnya Pesuruhjaya PAS Negeri tiada mahu belajar daripada kesilapan, beliau terus melakukan kesilapan tanpa mahu atau bersedia menerima teguran.

## KRISIS DENGAN PESURUHJAYA

Krisis terbuka PAS Kawasan Kuala Selangor dengan Pesuruhjaya Perhubungan PAS Negeri Selangor ustaz Hj. Ismail bin Hj. Hashim, bermula di sekitar bulan Mei 1988. Seperti yang disebut pada bab kedua buku ini, perang dingin PAS Kuala Selangor telah pun bermula sekitar awal tahun 1983, apabila ustaz Ismail menerima keahlian 'payung terjun' dua manusia yang amat tidak disenangi oleh kebanyakan ahli PAS Negeri Selangor. Malangnya Pesuruhjaya PAS Negeri tiada mahu belajar daripada kesilapan, beliau terus melakukan kesilapan tanpa mahu atau bersedia menerima teguran.

Kampung Kuantan, Kuala Selangor adalah suatu kawasan yang terkenal sebagai kubu kuat UMNO. PAS tidak pernah bertapak sebelum tahun 1988, tetapi hasil usaha saudara Jamaluddin bin Abdullah yang kini sebagai AJK PAS Kawasan Kuala Selangor, maka tertubuhlah cawangan pada bulan Mei 1988. Adapun keanggotaan PAS di cawangan tersebut terdiri daripada penduduk tempatan, sebilangan besar ahli Ribattut Ta'lim Wat Tarbiyyah Islamiyyah (Pondok Pengajian dan Pendidikan Islam) bertempat di Bt. 7, Kampung Asahan. Ar Ribat ini adalah pecahan daripada Al Ansar

yakni perkampungan Islam yang diwujudkan pada tahun 1980 bertempat di kampung yang sama. Manakala Al Ansar adalah pecahan dari Al Arqam Sungai Pencala. PAS Kuala Selangor difahamkan bahawa perpecahan di antara Al-Ansar dengan Ar-Ribat ini berpunca daripada sikap diktator pimpinan.

AJK PAS Kuala Selangor pada saat itu menerima keahlian Ar Ribat sebagai keahlian yang sah, yang mana mereka mengemukakan permohonan menjadi ahli menerusi saluran perlembagaan parti yang sah.

Setelah tertubuhnya cawangan Kampung Kuantan, PAS Kuala Selangor menerima permohonan Al Ansar untuk menubuhkan cawangan. Menurut maklumat yang diterima, permohonan Al Ansar untuk menubuhkan cawangan ini adalah hasil daripada rencana dan rundingan sulit di antara pimpinan Al Ansar dengan seorang pemimpin PAS Negeri. AJK PAS kawasan Kuala Selangor tiada dapat menerima perkara ini, kerana Al Ansar yang mendakwa sebagai ahli PAS gagal menunjukkan bukti bahawa keahlian mereka tercatat di dalam daftar PAS Kawasan Kuala Selangor. Al Ansar difahamkan menjadi ahli PAS Cawangan Sementara Kawasan Kapar. Penulis ketika itu cuba menghubungi Setiausaha Kawasan Kapar. Penulis ketika itu cuba menghubungi Setiausaha Kawasan Kapar Cikgu A. Wahab bin Salleh tetapi beliau sendiri tidak mengetahui kedudukan keahlian Al Ansar. Ada desas desus yang menyatakan bahawa keahlian PAS Anggota Al Ansar seramai 27 orang itu berada di dalam simpanan Pesuruhjaya sendiri. Jika begitulah keadaannya PAS Kuala Selangor menganggap PAS ini tak ubah seperti pinggan mangkuk kampung yang tidak tertakluk kepada perlembagaan khusus.

Meskipun demikian selaku parti Islam, AJK PAS Kawasan Kuala Selangor masih bersedia menerima ahli-ahli PAS Al-Ansar dengan syarat mereka bergabung dengan Cawangan Kampung Kuantan yang baru ditubuhkan kerana menurut perkiraan politik PAS Kuala Selangor tidak bererti kalah wujud dua cawangan di dalam kawasan yang berhampiran,

jika didasarkan semata-mata ingin atau mempunyai niat-niat tertentu. Tambahan pula AJK PAS Kawasan mengharap se-kiranya dapat dipertemukan anggota Al Ansar dengan Ar Ribat yang telah sedia menjadi ahli dalam Kampung Kuantan maka lambat laun jalan perdamaian di antara dua kumpulan yang berpecah dapat diwujudkan.

Niat murni PAS Kawasan Kuala Selangor telah disalah ertikan oleh pimpinan Al Ansar. Pimpinan Al Ansar inilah PAS Kuala Selangor lebelkan sebagai ahli payung terjun. Ke-tidakpuasan hati Al Ansar ini diluahkan kepada Pesuruhjaya. Pesuruhjaya tanpa usul periksa menuduh bahawa PAS Kuala Selangor menghalang penubuhan cawangan di Al Ansar. Berita disebarluaskan hingga ke peringkat PAS Pusat bahawa se-gala-galanya (penghalangan penubuhan cawangan Al Ansar) sebagai ‘permainan Muhyayat’. Sebagai tokok tambah penyedap sandiwara PAS Kuala Selangor dituduh sebagai memihak kepada Ar Ribat didalam pertelingkahan dengan Al Ansar. Ekoran kegeraman Pesuruhjaya terhadap Muhyayat (PAS Kuala Selangor), beliau secara terbuka dan secara resmi memberikan sokongan penuh terhadap penubuhan PAS Cawangan Al Ansar kepada PAS Pusat walaupun Perlembagaan PAS tidak memperuntukkan beliau berbuat demikian.

Ustaz Hj. Hassan Shukri ketika itu, selaku Setiausaha Agung berada dalam delima, yakni samada ingin menuruti kemahuan Pesuruhjaya yang dilantik oleh PAS Pusat sendiri atau memihak kepada PAS Kuala Selangor. Mahu tidak mahu Setiausaha Agung terpaksa tunduk kepada kehendak Perlembagaan PAS yang sememangnya memihak kepada Kuala Selangor, walau pun barangkali di hatinya memihak kepada Ismail Hashim. Beginilah suasana politik pimpinan, yang berteriak, melaung mampu memerintah negara tetapi teriakan itu adalah laungan kosong... adalah paling memalukan sekiranya seorang Pesuruhjaya jika PAS memerintah menjawat-jawatan Menteri Besar, buta kepada undang-undang tubuh parti sendiri, adakah layak untuk mentadbir negeri? Penulis menganggap kanak-kanak sekolah Tadika pun mampu menjawabnya.

Mengapa Al Ansar sungguh-sungguh ingin menubuhkan cawangan, mengapa Ismail Hashim beria benar menyokong Al Ansar? Jawabannya mudah, Al Ansar ingin memperalatkan PAS untuk menghidupkan semula perkampungan mereka yang kian hari kian malap, sementara Ismail Hashim kagum dengan mudir Al Ansar yang digelar sebagai Tuan Guru di samping kedangkalan Ismail Hashim sendiri di dalam perhitungan politik.

Dendam PAS Pusat dan Ismail Hashim terhadap Kuala Selangor adalah dendam yang tidak kunjung padam. Kesemuanya dapat dilihat apabila PAS Kuala Selangor dengan kerjasama PAS cawangan Kampung Kuantan menganjurkan Seminar Penerangan dan Majlis Ceramah sempena perasmian PAS Cawangan Kampung Kuantan. Program tersebut dirangka oleh PAS Kawasan pada pertengahan bulan Julai 1988. AJK PAS Kawasan menyerahkan mandat kepada Biro (Lajnah Penerangan) PAS Kawasan untuk mengendalikannya. Penulis bertindak selaku Pengurus Penyelaras program ini. Setelah kesemua persiapan diatur dan setelah mendapat restu dari pihak perhubungan Negeri dan Perhubungan Negeri sendiri menganggap bahawa program tersebut adalah program kawasan yang sememangnya digalakan, maka kawasan mengarahkan semua cawangan memberikan kerjasama, jemputan kepada kawasan-kawasan lain juga dihantar untuk turut menjayakan majlis tersebut.

Pembentang kertas kerja dan Penceramah yang telah menyatakan kesanggupan untuk menghadirkan diri ialah Sdr. Subki Latiff AJK PAS Pusat? Sdr. Hj. Abu Bakar Chik Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat dan Hj. Nik Abdullah bin Arshad AJK PAS Pusat merangkap Ahli Parlimen Pengkalan Cepa. Persiapan akhir telahpun diatur, seluruh ahli dan AJK PAS Cawangan Kampung Kuantan serta AJK Lajnah Penerangan bertungkus lumus membersihkan kawasan yang dipilih sebagai tempat berlangsungnya program yakni di kawasan yang agak semak bersebelahan dengan perkampungan Al Ansar. Anehnya satu minggu (akhir minggu bulan Ogos 1988), suatu keputusan mengejut telah dibuat di dalam mesyuarat PAS

Negeri yang mengambil keputusan mengejut telah dibuat di dalam mesyuarat PAS Negeri yang mengambil keputusan bahawa majlis itu adalah majlis anjuran Perhubungan Negeri yang mana PAS Kuala Selangor hanya bertindak sebagai tuan rumah, dan tempat yang dijadualkan program itu berjalan mestilah dipindahkan ke Masjid Baroh Kg. Sungai Tengi Kanan. Arahan ini diberitahu secara lisan kepada penulis oleh Timbalan Pesuruhjaya Ustaz Abd. Razak bin Dawami dan Hj. Jamil bin Nawawi YDP PAS Kawasan yang menghadiri mesyuarat tersebut. Penulis selaku AJK Perhubungan Negeri tidak dapat hadir di dalam mesyuarat negeri berkenaan, kerana urusan di Pejabat Agung PAS pada hari itu.

Arahan hasil dari keputusan negeri tersebut, dianggap sebagai usaha-usaha sabotaj, lantas penulis tiada dapat memutuskan jawaban sebelum memanggil mesyuarat tergempar AJK Penerangan PAS Kawasan serta AJK PAS Cawangan Kampung Kuantan. Mesyuarat tergempar yang dibuat di rumah penulis di sebelah malam setelah menerima arahan negeri di sebelah petangnya memutuskan bahawa arahan PAS Perhubungan Negeri tidak akan dilayan. Alasan yang diberi kerana kesuntukan masa, tambahan pula program tersebut adalah sempena perasmian PAS Cawangan Kampung Kuantan, maka tidak masuk akal sekiranya dibuat di luar Kampung Kuantan. Keputusan membantah arahan PAS Negeri Selangor itu disampaikan secara lisan kepada mereka berkenaan. Adalah dipercayai bahawa terdapat individu tertentu yang terlalu kasihkan Tuan Guru Al Ansar di PAS Pusat, mempengaruhi PAS Negeri bertindak demikian di samping kehendak Pesuruhjaya sendiri.

Walaubagaimanapun program Seminar Penerangan tersebut tetap berjalan lancar apabila tiba waktu yang ditetapkan. Sambutan dari ahli-ahli PAS Kawasan Kuala Selangor dan kawasan-kawasan lain amat menggalakkan. Seperti yang dijadualkan Sdr. Hj. Subky Latiff membentangkan kertas kerja di sebelah pagi dan di sebelah petangnya Sdr. Hj. Abu Bakar bin Chik. Dalam pembentangan kertas kerja Subky sikit sebanyak angin-angin gagasan Perpaduan Ummah telah

ditiupkan. Insya'Allah janji dan cakap dari mulut Subky berhubung dengan Perpaduan Ummah ini akan disebutkan kemudian. Setelah sesi sebelah pagi dan petang selesai maka giliran perasmian pada sebelah malam pula mengambil tempat. Apa yang terjadi? Mungkin saudara pembaca tiada pernah menduga perkara ini akan berlaku. Jika sebelum ini kerap kali kedengaran bahawa UMNO dan JKK kerap kali membuat sabotaj agar ceramah anjuran PAS di satu-satu tempat gagal diadakan. Maka pada malam tersebut Setiausaha Agung PAS yang bertanggung jawab mengagalkan ceramah perasmian PAS Cawangan Kampung Kuantan dengan menghalang Nik Abdullah Arshat daripada menghadirinya. Namun begitu majlis perasmian tersebut tetap berjaya dengan kehadiran sukarela Ustaz Hj. Abd. Samad bin Abd. Kadir selaku YDP PAS Kawasan Tanjong Karang merangkap AJK Perhubungan Negeri Selangor. Apakah kerja kotor sebegini rupa diharuskan oleh Islam? Bukankah dengan sendiri menunjukkan bahawa permainan politik pimpinan PAS itu kadangkala lebih kotor daripada permainan politik pimpinan UMNO yang pimpinan PAS anggap jahiliyah. Pernahkah pimpinan UMNO yang pimpinan PAS anggap sebagai kotor itu menggagalkan program sendiri. Wahai pemimpin PAS jawablah soalan ini dengan peniuh keikhlasan.

Kesan sabotaj pimpinan PAS Negeri dan PAS Pusat terhadap program perasmian PAS Cawangan Kampung Kuantan, penulis bersama sebilangan besar AJK PAS Kuala Selangor bertambah sedar bahawa pimpinan yang kerap mendabik dada sebagai juara Islam, mestilah ditegur atau disergah agar nafsu mereka tidak berterusan ditunggangi syaitan. Cakap mesti serupa bikin. Jangan cicak dikatakan buaya dan jangan keledai dikatakan unta. Cicak tetap disebut sebagai cicak manakala keledai tetap ditarif dengan keledai.

Bermula dari saat tersebut, di setiap majlis kecil kecilan, mesyuarat dan sebagainya penulis dan beberapa AJK yang telah sedar mula menekankan bahawa pimpinan PAS bukanlah pimpinan yang suci lagi maksum. Pimpinan PAS adalah pimpinan politik, sama seperti ahli-ahli politik lain..... tidak

lari dari sifat inginkan kemasyhuran, pangkat dan kedudukan, maka ahli-ahli PAS Kuala Selangor kerap di peringkatkan agar jangan dijadikan alat permainan politik pimpinan. Perbezaan di antara pimpinan politik PAS dengan pimpinan parti-parti lain ialah kerana dasar PAS itu sendiri, Islam yang suci murni. Keberkesanan dari ingatan itu nampaknya memberikan hasil yang positif kepada sebilangan besar AJK dan ahli PAS Kuala Selangor. Namun begitu yang bebal tetap bebal, keledai tetap keledai walaupun puluhan tahun memikul kitab namun kenal atau faham kepada kandungan kitab tidak sekali. Begitulah hal dengan sebilangan kecil AJK dan ahli PAS Kuala Selangor yang buta dan tuli kepada peraturan politik pimpinan PAS, samada di peringkat negeri dan Pusat.

memberikan lampu hijau kepada Tuan Guru Al Ansar yang dikagumi untuk mengundang Hj. Abd. Hadi Awang Naib YDP PAS Pusat ketika itu. Tujuan Al Ansar mengundang Hj. Abd. Hadi bukanlah semata-mata kerana sokongan terhadap PAS, tetapi untuk mempopularkan kembali perkampungan yang didakwa sebagai perkampungan Islam dari hanyut ditelan arus. Program tersebut dijadual berlangsung akhir bulan Disember 1988. Menyedari hakikat ini PAS Kuala Selangor yang bermaruah, tidak mahu tokoh PAS diperalatkan oleh individu, tambahan pula Perhubungan PAS Negeri Selangor telah menetapkan peraturan bahawa setiap pimpinan Pusat yang diundang ke kawasan-kawasan PAS yang melibatkan ahli PAS, ianya mestilah mengikut saluran dari peringkat negeri, kawasan dan cawangan. Tuan Guru Al Ansar adalah ahli PAS meskipun beliau tidak diterima dan daftarkan di Kuala Selangor, tetapi beliau tetap terikat dengan peraturan. AJK PAS Kawasan Kuala Selangor bermesyuarat dipengerusikan sendiri oleh penulis kerana YDP Hj. Jamil Nawawi tidak dapat hadir (barangkali takut), memutuskan menghantar bantahan terhadap program tersebut.

Telegram di hantar kepada Hj. Abd. Hadi meminta beliau membatalkan kehadirannya ke Al Ansar. Sementara telegram kepada Pesuruhjaya PAS Negeri Selangor, Setiausaha Per-

hubungan PAS Negeri Selangor dan Setiausaha Agung PAS Pusat Hj. Hassan Shukri, membantah sekeras-kerasnya program Hj. Abd. Hadi di Al Ansar yang menyalahi peraturan. Jika program itu diteruskan seluruh AJK PAS Kawasan Kuala Selangor akan meletak jawatan beramai-ramai. Keputusan tersebut adalah sebulat suara. Khabarnya, Pesuruhjaya, sewaktu telegram itu dihantar berada di Kedah, sebaik-baik menerima telegram beliau bergegas balik ke Selangor dan terus menemui Hj. Mohsinon Tahir selaku Setiausaha Perhubungan PAS Selangor jam 8.00 pagi. Malangnya Hj. Mohsinon difahamkan tidak ada di rumah. Akhirnya menjelang subuh Pesuruhjaya dimasukkan ke Hospital Besar Kelang, kerana serangan sakit jantung. Jika tidak silap penulis, beliau terlantar selama dua minggu di wad sakit jantung.

Adalah difahamkan, Hj. Abd. Hadi sendiri di dalam de-lima sama ada ingin menuruti kemahuan Pesuruhjaya dan Tuan Guru Al Ansar atau pun memihak kepada PAS Kuala Selangor yang mengingatkan pemimpin agar mematuhi peraturan yang dibuat. Banjir besar yang melanda Pantai Timur ketika itu menjadi sebab Hj. Hadi tidak dapat menuhi hasrat Pesuruhjaya dan Al Ansar. Maka berlangsunglah majlis di Al Ansar tanpa Hj. Abd. Hadi dan Pesuruhjaya, sedangkan poster telah diedarkan canang telah dipalu keseluruhan negeri. Malahan penulis mempunyai bukti yang kukuh bahawa Al Ansar menggunakan kemudahan pejabat PAS Negeri Selangor ketika membuat siaran ke setiap kawasan PAS agar menghadiri program yang diatur. Apabila didesak, Sdr. Shahrom Setiausaha Kerja PAS Selangor memberitahu bahawa Pesuruhjaya memberi izin Al Ansar menggunakan kemudahan PAS Negeri.

Kemenangan memihak sekali lagi kepada PAS Kuala Selangor, tindakan yang disifatkan agresif oleh sesetengah pihak ini disokong oleh sebilangan besar pimpinan PAS Selangor. Tanyalah Timbalan Pesuruhjaya Abd. Razak Dawami, Hj. Mohsinon, Tuan Guru Hj. Salleh... mereka menyokong tindakan Kuala Selangor ini.

Kemenangan memihak sekali lagi kepada PAS Kuala

Selangor, tindakan yang disifatkan agrasif oleh sesetengah pihak ini disokong oleh sebilangan besar pimpinan PAS Selangor. Tanyalah Timbalan Pesuruhjaya Abd. Razak Dawami Hj. Mohsinon, Tuan Guru Hj. Salleh... mereka menyokong tindakan Kuala Selangor ini.

Peraturan mestilah dihormati dan dilaksanakan, jangan sekali-kali dicabuli kerana kepentingan diri, Islam mengajar penganutnya berbuat demikian. Jika dari awal lagi pimpinan yang mengaku memperjuangkan Islam gagal mematuhi peraturan mereka putuskan sendiri, apakah mereka layak diberi amanah untuk memegang teraju negara? Jika peraturan kecil pun gagal dipatuhi, bagaimana pula untuk menghadapi permasalahan yang wujud apabila memerintah. Amat di-khuatiri jika diberi kuasa kelak pemimpin sebegini rupa akan lebih rakus dari pada Marcos.... akhirnya yang menjadi mangsa adalah kemurnian Islam itu sendiri. Wahai pemimpin PAS! periksalah diri kamu terlebih dahulu sebelum kamu berangan-angan ingin mengambil tempat UMNO untuk memerintah negara... Ditakuti nanti kamu akan lebih rakus dari UMNO yang kamu dakwa mabuk kuasa.

Bebal tetap bebal sepitimana musang tetap bernama musang hingga hari kiamat.



senyum aja, dah isi borang umno, dari masuk apu baik masuk umno

## **APU MERASUK KUALA SELANGOR**

**M**ungkin pembaca kurang yakin apabila penulis menyebut bahawa kedapatan dua jenis APU telah merasuk Kuala Selangor. Kedua-duanya punya sifat yang sama yakni penjenayah. Orang ramai tentu akan tertanya-tanya siapakah kedua-dua APU tersebut. Adakah orang tertanya-tanya siapakah kedua-dua APU tersebut. Adakah orang ataupun hantu puaka atau naga kepala dua.

Bagi mengelakkan keraguan biarlah dijelaskan bahawa, APU jenis pertama adalah APOO (dilafazkan sebagai APU) seorang pemuda keturunan India berumur lingkungan akhir dua puluhan, penjenayah yang kini masih menjadi buruan polis apabila dipercayai terlibat dalam kes pembunuhan seorang murid sekolah. Mangsa pembunuhan APOO (APU) belajar di Sekolah Menengah Agama Seri Desa Tanjong Karang. Mayat murid lelaki tersebut difahamkan ditemui disekitar penghujung Kampung Parit Serong. Kejadian yang berlaku pada tahun 1987 itu, sedikit sebanyak mengegarkan Kuala Selangor.

Sementara APU jenis kedua adalah singkatan daripada Angkatan Perpaduan Ummah yakni gabungan membabitkan

parti-parti politik PAS, Semangat 46, Hamim dan Berjasa... akhir-akhir ini masuk tumpang sekaki DAP. APU jenis ini pun berperanan sebagai penjenayah, tetapi tidaklah menjadi buruan polis kerana APU yang satu ini dikategorikan sebagai penjenayah terhormat. Mengapa dia digelar sebagai penjenayah terhormat? Jawabnya amat mudah kerana bos-bos yang menerajui kumpulan ini terdiri daripada Yang Berhormat, Bekas-bekas Yang Berhormat, Yang Kecewa kerana tidak dapat menjadi Yang Berhormat dan yang tergila-gila untuk menjadi Yang Berhormat.

APOO (APU) yang pertama, melakukan pembunuhan membabitkan murid sekolah agama, tidak dapat diagak apakah motif pembunuhan itu, mungkin kerana terdesak, mungkin kerana geram, mungkin takut rahsia bocor semuanya serba mungkin, yang pasti jenayah itu membabitkan sesuatu disebut agama. Sementara APU jenis nombor dua tidak melakukan sebarang pembunuhan fizikal, sebaliknya memperdagangkan AD DEEN (agama) sebagai alat untuk mendapatkan kuasa. APOO (APU) nombor satu bunuh seorang penuntut sekolah agama sementara APU nombor dua merasuk sanubari semua jenis manusia di Kuala Selangor dan seluruh negara dengan slogan agama, jadi yang mana satu lebih berbahaya?

Kepada para peminat dan penganalisa politik tanahair, gagasan Perpaduan Ummah desiran anginnya mula bertiup di sekitar awal 1988 dan dapat pula dikesan imbuannya di dalam pilihanraya kecil yang melibatkan Parlimen Johor Baharu, Parit Raja dan Ampang Jaya. Dalam ertikata lain, gagasan itu persis kandungan yang berumur sembilan bulan (sudah cukup bulan bagi wanita yang hamil) sebaik-baik sahaja Team B UMNO jatuh tersungkur. Yang paling nyata di Kuala Selangor ini, babak mula APU merasuk ialah pada program Seminar Penerangan PAS Kuala Selangor di Kampung Kuantan Julai 1988. Pembentang kertas kerja yang pertama bertopikkan isu semasa Hj. Subky Abd. Latiff, Ketua Penerangan PAS Pusat ketika itu, beria benar memberitahu kepada peserta Seminar bahawa Team B UMNO meng-

atas pengaruh atau lebih kuat dari UMNO Kumpulan Dr. Mahathir.

Subky Latiff dilihat begitu optimis bahawa gagasan perpaduan ummah (jalinan kerjasama di antara PAS dengan UMNO Lama S 46) akan tetap wujud. Para peserta begitu peka dengan gagasan tersebut, lantas mengemukakan soalan-soalan berikut:

- a. Seandainya Perpaduan Ummah menjadi nyata serta dibерikan kepercayaan oleh rakyat untuk mentadbir negara, adakah dua perkara suara majoriti di Parlimen dapat diraih bagi menggubal Perlembagaan negara kepada perlombagaan Islam?
- b. Apakah rupa bentuk atau kaedah yang mengizinkan PAS bekerjasama dengan Semangat 46 dari sudut syara?
- c. Bagaimanakah cara kerjasama itu akan dilaksanakan?

Kepada persoalan pertama Subky memberi jawapan adalah tidak mustahil untuk meraih dua perkara majoriti kerusi Parlimen bagi menggubal Perlembagaan ke arah Islam. Jika keadaan tidak mengizinkan, beliau menambah tidak salah sekiranya memadai perlombagaan digubal kepada yang pro Islam. Nampaknya Subky sendiri pun tidak begitu yakin dengan jawabannya sendiri atau beliau telah ada kira bicara dengan orang roket yang anti kepada penubuhan negara Islam. Kepada persoalan kedua beliau menjawab bahawa Semangat 46 mengakui menerima Islam sebagai AD DEEN, di samping PAS dapat mengurangkan musuh politik di dalam usaha untuk menjatuhkan BN. Persoalan ketiga dijawab dengan memberi pengakuan bahawa gagasan tersebut terlebih dahulu akan dibahaskan di dalam Muktamar Khas sebagaimana kehendak Perlembagaan PAS sendiri (sama seperti PAS ketika ingin menyertai BN), jika muktamar menerima maka ianya akan dilaksanakan sebaliknya jika muktamar menolak pimpinan pusat akan meletakkan jawatan. Begitulah kurang lebih jawaban Ketua Penerangan PAS Pusat ini.

Sekilas ikan di air sudah tahu jantan betinanya, kesemua jawaban Subky memberi erti grassroot mahu tidak mahu terpaksa menerima gagasan ini samada bertentangan dengan

perlembagaan PAS atau bertentangan dengan syara'. Ahli tidak perlu mempertikaikan kerana pimpinan lebih arif tentang segala-galanya. PAS Kuala Selangor mahu Subky menjawab, di mana letaknya janji 'Muktamar Khas'. Pernahkah Muktamar khas diadakan bagi membincangkan APU hingga ke saat buku ini ditulis? Biawak Allah jadikan dengan lidah yang bercabang sementara manusia Allah cipta dengan sebaik-baik kejadian, oleh itu jangan manusia cuba-cuba memakai lidah biawak. Biawak bila sudah menemui ajalnya tamatlah riwayatnya tetapi manusia, maut adalah permulaan kepada hidup yang abadi, Ingat-ingatlah balasan hari akhirat terhadap para penabur janji yang curang, jangan asyik sibuk dengan propaganda APU sahaja.

Suasana dalaman politik PAS Kuala Selangor, mula menampakkan perubahan selepas program seminar tersebut, perpaduan ummah mula disebut-sebut walaupun di dalam nada berbisik-bisik, AJK nampaknya berbelah bahagi tetapi majoriti tetap memihak kepada penentangan. Perbalahan kecil-kecilan mula berlaku di kalangan ahli bertopikkan isu APU, tuduh-menuduh tidak menumpukan ketataan kepada pimpinan mula kedengaran di sana sini. Babit-babit keretakan ini bukan sekadar dirasai di Kuala Selangor malah di tempat-tempat lain, namun begitu situasi masih dapat dikawal kerana tangkal orang PAS masih lagi kuat menahan rasukan Semangat. Tangkal yang bertakhta di hati iaitu Iman. Keimanan yang kuat adalah senjata sejati di dalam menghadapi pusaka Semangat yang mewarisi suku sakat syaitan. Tangkal hikmat tetap teguh dipakai oleh grassroot meskipun mula terserlah satu dua bos peringkat atasan dan pertengahan diresapi Semangat Parit Raja dan Ampang Jaya.

Setiap pemakai tangkal ada pantang larangnya, jika terlanggar pantang atau sengaja melanggar maka tangkal itu sudah tidak lagi mujarab. Perlanggaran pantang pemakaian tangkal itu bermula apabila beberapa bulan kemudian suatu taklimat khas yang melibatkan Ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri Selangor dan Wilayah dengan Pemangku YDP PAS Pusat YB. Tuan Guru Hj. Fadhli Nor berlangsung

di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat. Tajuk taklimat khas adalah APU. Konon-kononnya pementas sandiwara berlakon pada hari itu, hanya pelakon-pelakon tertentu sahaja yang dibenarkan bercakap, sementara Pemangku Bos Besar bertitah kerjasama PAS dengan Semangat 46 sudah tidak boleh dipertikai-kan dan dibantah. Grassroot kena terima perintah bos, jangan banyak soal, kalau teringin sangat hendak bercakap cuma yang boleh disebut hanyalah di sekitar menyatakan perasaan bimbang, tidak lebih dari itu. Titah apakah ini? Islam? Demokrasi atau Diktator Terhormat?

Mesyuarat Khas Perhubungan Negeri Selangor membincangkan titah dan perintah Pemangku Boss Besar, berakhir dengan penuh kontroversi. Rata-rata AJK Perhubungan tidak dapat menerima titah keramat itu. Ustaz Abd. Samad Kadir YDP Tanjung Karang terang-terang menuduh bahawa taklimat khas APU di Markaz Tarbiyyah PAS hanya dikuasai oleh kumpulan tertentu sahaja, Ustaz Umar Hashim Ketua Dewan Ulama PAS Selangor merasa kesal mengapa Dewan Ulama dibelakangkan, Tuan Guru Hj. Salleh mengemukakan dalil syara yang melarang persepakatan dengan Semangat sementara Ustaz Roslan bin Ahmad terang-terang menentang dengan alasan politik dan syara'. Ketegangan terjadi di antara Pengurus (Abd. Razak Dawami) bersama Mustafar Kader dan Hj. Mohsinon dengan sebahagian besar ahli Perhubungan. Alasan Ustaz Abd. Razak bahawa tanda-tanda penerimaan AD DEEN oleh Semangat 46 ialah di dalam ceramah-ceramah beberapa pimpinan 46, mereka telah mula berselawat ke atas Nabi s.a.w. di dalam muqaddimah ceramah mereka. Masya' Allah... inikah bentuknya alasan yang diberi oleh pimpinan negeri dalam membincangkan isu penting begini rupa. Jika selawat ke atas Nabi dijadikan ukuran maka Abdullah bin Ubai Bos Munafiq pun berselawat ke atas Nabi tetapi hanya sekadar lisan sedangkan hatinya tetap memusuhi Rasul Allah. Hj. Mohsinon dan Sdr. Mustafar Kader pun turut mempertahankan titah keramat Pemangku Bos Besar, namun tetap tidak berkesan. Kesudahannya mesyuarat memutuskan agar titah keramat itu dipanjangkan ke peringkat kawasan bukan

untuk dibahaskan tetapi hanya mengumpul maklumat-maklumat rasa kebimbangan grassroot.

PAS Kuala Selangor gagal dalam melaksanakan titah keramat tersebut, apabila sebilangan besar AJK menolak terang-terangan. AJK mahukan pimpinan supaya turun ke padang memberi penjelasan. Kehadiran Setiausaha Perhubungan Negeri Hj. Mohsinon Tahir ke Kuala Selangor disambut baik oleh AJK namun titah keramat tetap ditolak dengan alasan pengalaman masa lalu dan alasan syara'. Dalam ertikata lain kehadiran Hj. Mohsinon tidak memberi sebarang kesan.

Di dalam beberapa siri mesyuarat Badan Perhubungan PAS Selangor sesudah 'Mesyuarat Khas Titah Keramat Bos Besar', mempamerkan perubahan AJK Perhubungan terhadap APU. Sebilangan besar AJK Perhubungan telah mula diresapi Semangat. Ada yang baru diresap dan ramai juga yang telah meracau dan sasau. Penulis menyaksikan perubahan ini dengan penuh tandatanya. Apakah tangkal azimat yang dipakai oleh PAS selama ini telah dihumban ke dalam longkang? Atau PAS telah memakai tangkal anugerah bomoh dan pawang Semangat. Namun begitu Kuala Selangor masih memakai dan memegang erat tangkal azimat mereka, Semangat tetap ditolak.

Kehadiran Dr. Daeng Sanusi bin Daeng Mariok (AJK PAS Pusat) yang telah terpilih sebagai YDP sepanjang Sesi 1989/91, dalam Perhubungan PAS Selangor menambahkan lagi 'rasa keberahian' Perhubungan PAS Selangor terhadap Semangat. Dr. Daeng Sanusi selaku salah seorang wakil PAS Pusat dalam perundingan dengan Pimpinan Tertinggi Semangat 46 menjelaskan kepada Perhubungan PAS Selangor bahawa beberapa siri rundingan di antara Bos-Bos Besar PAS dengan Bos-Bos Besar 46 telahpun berjalan dengan penuh harmoni. Perhubungan Negeri diberitahu bahawa hasil rundingan tersebut amat positif. Semangat 46 telah menerima tanpa soal jawab, terhadap cadangan PAS agar menjadikan Islam sebagai AD DEEN. Manakala PAS pula menerima cadangan 46 supaya sistem demokrasi dikekalkan, menjun-

jung dan mempertahankan kedaulatan Raja Berperlembagaan serta menyokong dan mengiktiraf untuk menghidupkan UMNO Lama. Ramuan rempah ratus inilah yang dijadikan asas kepada kerjasama PAS dengan 46 yang bermatlamatkan menegak keadilan dengan membentras kezaliman serta perpecahan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir (BN), konon ceritanya. AJK Perhubungan PAS benar-benar terpesona dengan penjelasan tersebut. Terpesona sepihama kagum dan terhiburnya penuntun bangsawan di zaman Mak Enon menjadi Primadona beberapa dekad yang silam.

Di dalam mesyuarat Perhubungan Negeri Selangor sekitar pertengahan bulan Ramadhan 1409/1989 Dr. Daeng Sanusi yang telah naik pangkat menjadi Naib Yang Di Pertua PAS Pusat Sessi 1989/91, menampakkan sedikit kemarahannya kepada Semangat 46, dengan menyebut bahawa UMNO (S 46) tetap UMNO (S 46) isi dan kulit, luar dan dalam masih tak berubah. Kepercayaan hanya boleh diberi 5 persen sahaja kepada 46. Namun begitu untuk melunakkan suasana Dr. Daeng tetap mempertahankan kerjasama tersebut dengan alasan PAS mestilah mengurangkan musuh politik untuk mencapai cita-cita mengambil alih teraju negara. Untuk menyedapkan lagi cerita Daeng Sanusi menambah bahawa hasil rundingan hingga saat itu, bahawa 46 sedia menyerahkan Negeri Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis kepada PAS manakala PAS bersetuju 46 menerajui negara di peringkat Pusat, bagi memudahkan proses menghidupkan UMNO Lama. Sekali lagi AJK Perhubungan PAS terpukau dan terpesona hingga mulut luas ternganga. Mujurlah lalat tidak menyelinap masuk, kalau masuk lalu tertelan maka terbatallah puasa kebanyakan AJK Perhubungan PAS Selangor ketika itu.

Selepas mesyuarat Perhubungan Negeri pada bulan Ramadhan 1409, penulis mendapat tahu daripada beberapa orang ‘pengampu’ yang rapat dengan bos-bos besar PAS berhubungan dengan pendirian pimpinan PAS Pusat terhadap APU. Hasilnya maklumat yang diperolehi menyebut bahawa tidak semua bos besar PAS mencapai kata sepakat dalam hal

ini. Adalah dipercayai sewaktu APU dijadikan agenda dalam mesyuarat-mesyuarat tertinggi mereka, ada kalangan pimpinan (bos-bos besar) PAS lebih mirip atau lebih bersetuju bekerjasama dengan Dr. Mahathir, ada pula yang sukaan Tengku Razaleigh dan ada di antaranya yang mengambil sikap siapa yang mampu beri lebih laba, (samada UMNO atau 46) itulah yang layak diberikan kerjasama. Kononnya, setelah puas di perbahaskan dan sesudah ditinjau dari segenap sudut maka mereka (bos-bos besar) memutuskan untuk berkerjasama dengan Semangat 46, walaupun tidak wujud kebulatan dalam mencapai keputusan tersebut. Bertolak dari sinilah timbulnya faedah ‘Secara peribadi tidak bersetuju tetapi secara jamaah bersetuju.

Dr. Daeng Sanusi bin Daeng Mariok termasuk di dalam golongan yang mengamalkan kaedah tersebut. Maklumat ini di terima daripada beberapa orang yang sangat rapat dengan beliau. Kaedah sasau ini jugalah yang kini sedang melanda kebanyakan pimpinan peringkat pertengahan dan bawahan dalam PAS serta sebahagian grassroot dalam menghalalkan hubungan dengan 46. Apakah yang telah diterapkan dalam kotak fikiran orang PAS ini? Adakah kaedah itu barangkali diambil daripada Chief Sitting Bull, Ketua Red Indian yang masyhur di ‘era cowboy’ Amerika abad 19 dulu? Sesungguhnya kaedah ini adalah ‘virus yang paling merbahaya’ menyerang sanubari orang. Virus AIDS pun tidaklah sebahaya kaedah sasau ini. Kaedah yang tidak masuk akal ini tidak akan diterima oleh manusia yang normal terkecualilah yang empat per enam 4/6 ataupun yang tiga suku 3/4.

Pimpinan dan grass root PAS yang telah dirasuk Semangat jika kita beri contoh paling mudah, biawak (bukan-nya dhab) adalah haram dimakan dan haram hasil (jualan dsb.)nya. Allah dan RasulNya Muhammad s.a.w. yang mengharamkannya kepada setiap orang yang mengaku beriman berkecualilah di dalam keadaan paling dharurat. Persoalannya, bolehkah katakan Ahmad (Muslim) berkata “Ana secara peribadi memang tak makan biawak tetapi secara jamaah tak jadi masalah untuk ana memakannya”. Apakah dakwaan

bahawa keputusan parti itu wajib dihormati melebihi kerajaan? Wajib mengatai Allah dan Rasul? Parti adalah penting kerana ia adalah wadah perjuangan tetapi harus diingat bahawa Allah dan Rasul adalah terlebih penting di taati dan diimami dari segala-galanya di alam maya ini. Mementingkan jamaah (parti) melebih Allah dan Rasul bererti menjadikannya sebagai agama dan pimpinannya sebagai berhala-berhala yang disembah dan dipuja. Ingatlah! Bani Israel sesat berpunca daripada pendita-pendita dan rahib-rahib mereka yang merubah, menyembunyikan, menjual, memutar belitka ayat-ayat Allah di dalam Taurat, Tabur dan Injil, begitulah yang termaktub di dalam Al-Qur'an.

Insan hanya boleh merancang, manakala penentu adalah Allah s.w.t. Begitulah Kuala Selangor dalam situasi menolak titah keramat (kerjasama dengan Semangat) secara tidak disedari, PAS Kuala Selangor perlahan-lahan diresapi Semangat Samada tangkal yang dipakai sudah tidak mujarab kerana melanggar pantang atau terpesona dengan kegagahan dan ketampanan Semangat yang telah mula meresap di beberapa kawasan PAS yang lain, hanya Allah sahajalah yang Maha Mengetahui.

PAS Kuala Selangor secara mendadak berjaya menganjurkan dua ceramah bersama Semangat 46 di sepanjang bulan Ramadhan dan Syawal 1409/1989. Penulis sendiri terlibat menganjurkan program tersebut. Mungkin pembaca akan mempersoalkan mengapa penulis terlibat? Jawabnya, penulis pada masa itu selaku Setiausaha Kawasan, bertugas di bawah perintah Yang Dipertua dan AJK. Penulis tetap tidak bertemu. Untuk pengetahuan pembaca, Ceramah pertama dilangsungkan di Masjid Baroh pada pertengahan bulan Ramadhan yang melibatkan Sdr. Ibrahim Ali mewakili 46 manakala Hj. Mohsinon mewakili PAS. Ceramah kedua bertempat di Ijok di mana Setiausaha Agung PAS dan Dato Sanad Said, Timbalan Pengurus Perhubungan S 46 Selangor, dijemput sebagai penceramah undangan. Dari penilaian beberapa orang AJK yang menentang kerjasama itu, berdasarkan kepada dua ceramah yang diprogramkan S 46 tidak mendapat sambutan

langsung di kawasan Kuala Selangor. Dipercayai program siri ceramah tersebut merupakan titik mula krisis sesama sendiri PAS Kuala Selangor. Hakikat ini tiada dapat dinafikan kehadiran S 46 bukanlah mendatangkan menafaat kepada PAS sebaliknya menimbulkan mudharat. InsyaAllah yang dikenang tercicir yang dikejar tidak dapat.

## MATAWAI KATIK

**T**erdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peristiwa krisis PAS Kuala Selangor pada tahun 1989. Faktor-faktor tersebut adalah sebagai berikut;

- 1. Perkembangan politik dalam parti**
- 2. Pengaruh politik luar negara**
- 3. Pengaruh politik dalam kerajaan**
- 4. Pengaruh politik dalam masyarakat**
- 5. Pengaruh politik dalam media massa**
- 6. Pengaruh politik dalam dunia akademik**
- 7. Pengaruh politik dalam dunia industri**
- 8. Pengaruh politik dalam dunia agama**
- 9. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 10. Pengaruh politik dalam dunia ekonomi**
- 11. Pengaruh politik dalam dunia sosial**
- 12. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 13. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 14. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 15. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 16. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 17. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 18. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 19. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 20. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 21. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 22. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 23. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 24. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 25. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 26. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 27. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 28. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 29. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 30. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 31. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 32. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 33. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 34. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 35. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 36. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 37. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 38. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 39. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 40. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 41. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 42. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 43. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 44. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 45. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 46. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 47. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 48. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 49. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 50. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 51. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 52. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 53. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 54. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 55. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 56. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 57. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 58. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 59. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 60. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 61. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 62. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 63. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 64. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 65. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 66. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 67. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 68. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 69. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 70. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 71. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 72. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 73. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 74. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 75. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 76. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 77. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 78. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 79. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 80. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 81. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 82. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 83. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 84. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 85. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 86. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 87. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 88. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 89. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 90. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 91. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 92. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 93. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 94. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 95. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 96. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 97. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 98. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 99. Pengaruh politik dalam dunia politik**
- 100. Pengaruh politik dalam dunia politik**

## **LETAK JAWATAN**

**T**arikh 6 Jun 1989, merupakan hari yang memeranjatkan seluruh dunia. Pada hari tersebut, Ayatullah Rohullah Khomieni Pimpinan Revolusi Republik Islam Iran kembali menemui tuhannya. Kepimpinan Allah-yarham diiktiraf oleh timur dan barat sebagai tokoh yang ulung di abad 20. Pemecatannya sukar dicari ganti. Seluruh dunia menyaksikan bagaimana semasa hayat beliau mengajar ummah agar jangan takut kepada sesiapa melainkan Allah. Beliau berjaya menebus kembali maruah umat Islam yang sekian lama tertindas.

Pada tarikh yang sama juga seluruh AJK PAS Kawasan Kuala Selangor melepaskan jawatan mereka. Apakah ada kaitan dengan kematian Allahyarham Khomeini atau meratapi pemergian Allahyarham sebagaimana seluruh Muslimin di Republik Islam itu berada dalam suasana penuh duka? Sesiapapun tidak dapat menafikan, kesedihan terhadap pemergian pemimpin Islam yang terulung diabad ini, tersebar merata, khususnya kepada pencinta-pencinta Islam termasuklah PAS Kuala Selangor. Khomeini adalah makhluk Allah s.w.t. setiap yang bermasya pasti menemui ajal. Sebenarnya, perletakkan jawatan seluruh AJK PAS Kuala Selangor tidak

ada kaitan dengan pemergian Khomeini cuma secara kebetulan berlaku pada hari yang sama. Punca tindakan yang mengoncangkan PAS Selangor dan PAS Pusat ini adalah kerana kebebasan pimpinan yang tidak pernah sedar mereka itu bebal.

Insiden yang sama berlaku di Kuala Selangor sepetimana sebelumnya. Tuan Guru Hj. Abd. Hadi bin Hj. Awang Timbalan Yang diPertua PAS Pusat memenuhi kehendak Al Ansar tanpa menghormati PAS Kuala Selangor. Dalang utama yang memainkan peranan terhadap program Hj. Abd. Hadi di Ansar ialah Ismail Hashim Pesuruhjaya PAS Selangor dan orang kanan PAS Pusat, yang menaruh dendam kesumat berpanjangan kepada PAS Kuala Selangor. Mesyuarat AJK PAS Kawasan Kuala Selangor pada 30.5.1989 memutuskan untuk menghantar bantahan terbuka kepada Hj. Hadi, Fadhil Noor, Daeng Sanusi, Halim Arshat, Subky Latiff (ke semuanya bos-bos peringkat Pusat), Ismail Hashim dan Fauzie Shafie (bos-bos peringkat Negeri). Telegram bantahan itu memberi maksud minta dibatalkan Program Hj. Hadi, demi perpaduan dan maruah PAS Kuala Selangor khususnya dan PAS Selangor amnya. Malang, bantahan tidak diendahkan walaupun disebut bahawa perletakkan jawatan akan berlaku sekiranya bantahan diabai. Lalu terjadilah apa yang seujarnya berlaku. Hj. Hadi datang ke Ansar pada 3.6.1989, AJK PAS Kuala Selangor letak jawatan pada tanggal Jun 1989.

Sebelum menghantar bantahan melalui telegram pengarang sendiri telah menghubungi Hj. Hadi secara peribadi melalui telefon menyarankan agar beliau membatalkan hasratnya memenuhi kehendak Pesuruhjaya dan Al Ansar tetapi jawaban dari beliau agak memeranjatkan. Beliau bertegas akan tetap hadir kerana tiada mahu berbohong banyak kali. Begitu jugalah jawaban yang diberikan oleh Hj. Hadi kepada Sdr. Nazeri Mohd. Zain Setiausaha Cawangan Kampong Kuantan sewaktu dihubungi melalui telefon, di samping menambah jika Nazeri kurang puas hati terhadap Al Ansar rujuklah perkara tersebut kepada Ismail Hashim

dan Hassan Shukeri Naib YDP PAS Pusat.

Jawaban Hj. Hadi itu, mengakibatkan kredibilitinya sebagai pemimpin berkarisma (ulama' yang disegani) dipertikai-kan oleh AJK PAS Kuala Selangor. Apakah Hj. Hadi selama ini seorang pembohong atau beliau mudah dibohongi, atau beliau menganggap PAS Kuala Selangorlah yang selalu ber-bohong dalam memberi maklumat bahawa Al Ansar hanya ingin memperkudakan PAS? Semuanya serba mungkin. Manusia selalunya mudah lupa siapakah sebenarnya diri mereka. Oleh itu marilah sama-sama kita ingat mengingatkan diantara satu dengan lain. Tidak semestinya tok guru sen-tiasa betul manakala anak murid sentiasa salah, adakalanya anak murid kena memperingatkan tok guru kerana tok guru bukanlah malaikat. Tok guru kenalah berbahasa sesuai dengan martabatnya, janganlah pulak tok guru berbahasa seperti 'drebar lori kontrak' nanti anak murid akan berbahasa seperti jurujual barang lelong di pasar-pasar. Hj. Hadi memang dikagumi sebagai ulama' yang berkalibar tetapi tentang poli-tik PAS Kuala Selangor, budak Kuala Selangorlah yang lebih arif, tololnglah hormat sikit.

Ramai orang PAS menganggap perkara Hj. Hadi datang ke Al Ansar adalah perkara kecil yang tidak boleh dijadikan sebab AJK PAS Kuala Selangor meletak jawatan. Mereka (golongan yang kontra dengan tindakan Kuala Selangor) juga berkata bahawa Hj. Hadi bukanlah hak PAS semata-mata, Hj. Hadi adalah hak semua orang Islam kerana dia tok guru. Sekali imbas memang cakap-cakap demikian ada lojiknya, tetapi sekiranya akal yang matang digunakan untuk menilai maka cakap-cakap itu adalah cakap-cakap golongan yang cetek dikiran. Jika perkara kecil pun Hj. Hadi tidak mampu mematuhi (peraturan PAS) bagaimana pula nanti beliau hendak berhadapan dengan perkara-perkara lebih besar jika ditakdirkan kelak memerintah negara. Memang benar, Hj. Hadi hak semua orang Islam di negara ini, kerana beliau tok guru, tetapi Hj. Hadi harus sedar andainya beliau tidak menyertai PAS kemungkinan beliau tidak dapat mencipta nama dalam arena politik negara. Masjid Rusila mungkin akan

jadi seperti masjid-masjid biasa yang kurang meriah bila tok guru mengajar. PAS yang memasyhurkan Hj. Hadi bukan Hj. Hadi, kerana PAS ditubuhkan pada tahun 1951 pada waktu itu barang kali Hj. Hadi sedang belajar di Darjah satu sekolah melayu. Oleh itu Hj. Hadi kena sedar tanpa PAS beliau tidak akan sampai ke mana tetapi PAS tanpa beliau tetap akan meneruskan perjuangan.

Pemimpin bijak, adalah pemimpin yang peka kepada setiap permasalahan yang wujud di dalam parti atau negara dipimpinnya. Pemimpin mestilah memahami kemahuan dan citarasa orang bawahan bermati-matian bekerja untuk kepentingan parti atau negara. Orang bawahan menganggap pemimpin adalah contoh yang mesti diambil tauladan daripadanya. Manakala pemimpin bebal, adalah pemimpin yang pekak dan buta terhadap permasalah dan citarasa orang bawahan.

Analisis PAS Kuala Selangor itu amat mudah, semudah mencongak dua kali lima, jika Hj. Hadi mudah dipesongkan oleh Al Ansar suatu perkampungan Islam yang tidak masuk 'buku' (itu pun kalau perkampungan Islam, tetapi kalau perkampungan ala Islam sahaja macam mana) maka tidak mustahil orang nombor dua di dalam PAS akan mudah dipesona dan diratah hidup-hidup oleh pemimpin Semangat 46 yang terkenal dengan kelicikan berpolitik. Siapa dia Zakaria Ansari (Bos Al Ansar yang digelar Tuan Guru walaupun tidak berhak menerima gelaran itu), Hj. Ismail Hashim dan Hj. Hassan Shukri jika dibandingkan dengan YB Rais Yatim dan Tengku Razaleigh. Saham yang diberikan oleh Hj. Hadi dan lain-lain yang terlibat dalam Kes Kuala Selangor adalah besar, sejarah tidak akan membohongi fakta.

## **PERISTIWA SEPANJANG PERLETAKAN JAWATAN**

**P**erletakan jawatan seluruh AJK-PAS Kuala Selangor adalah tindakan politik, yang ditujukan kepada pimpinan. Jika penulis menghujah bahawa UMNO lebih peka kepada ‘tindakan politik’ ahli bawahannya mungkin orang ramai akan membuat kesimpulan bahawa penulis mula cenderung kepada UMNO. Penulis tidak pernah berniat untuk menyertai UMNO, namun dari pengamatan dan pengalaman, realiti ini tidaklah dapat dinafikan. Sebagai contoh paling mudah, pernah seluruh AJK sebuah cawangan UMNO di Kuala Selangor meletak jawatan kerana protes terhadap kelewatan pembinaan sebatang jalan di Sawah Sempadan sekitar akhir tahun enam puluhan. Pemimpin UMNO hanya mengambil masa kurang daripada 48 jam untuk memujuk agar kesemua AJK cawangan tersebut menarik semula perletakan jawatan mereka. Lain halnya dengan PAS (pimpinan) yang mengaku memperjuangkan Islam terpaksa mengambil masa hampir 180 hari untuk menyelesaikan kes yang membabitkan satu kawasan (bahagian).

Soal UMNO mengambil kaedah material di dalam penyelesaian ‘tindakan politik’ ahlinya, adalah perkara lain, kerana UMNO tidak pernah mengisyiharkan parti tersebut sebagai

juara Islam. Ahli-ahli PAS Kuala Selangor tidak pernah meminta agar pimpinan PAS menyelesaikan kes tersebut dengan membawa seguni wang atau setempayan emas, kerana ahli-ahli PAS dididik bukan berjuang untuk kebendaan tetapi untuk menuntut keredhaan Allah s.w.t. Ahli-ahli PAS Kuala Selangor sedar bahawa PAS parti miskin tidak mampu menyediakan emas dan wang, tetapi bekas-bekas AJK PAS Kuala Selangor menuntut agar penyelesaian dibuat berdasarkan pusaka yang nilai melebihi segala isi kandungan langit dan bumi iaitu pusaka peninggalan Rasul Allah, Qur'an dan SunnahNya. Apakah pimpinan PAS (Pimpinan Ulama') berjaya memenuhi tuntutan Kuala Selangor, atau tuntutan nafsu pimpinan yang lebih menonjol?

Tempoh hampir satu ratus lapan puluh hari itu, merakamkan tindak tanduk pimpinan PAS samada di peringkat negeri dan Pusat yang dipenuhi babak yang amat menjijikan. Wakil Perhubungan PAS Negeri Selangor, Hj. Abd. Razak Dawami, Timbalan Pesuruhjaya yang lemah-lembut itu, datang mene-mui bekas AJK PAS Kuala Selangor sebulan selepas perletakkan jawatan. Dalam rundingan itu Ustaz Abd. Razak mengakui bahawa beliau diberi amanah oleh PAS Negeri supaya memujuk agar AJK Kuala Selangor menarik balik perletakan jawatan tersebut. Bekas AJK memutuskan bahawa kes Kuala Selangor bukanlah kes yang melibatkan PAS Negeri, sebaliknya melibatkan Pesuruhjaya seorang, oleh itu bekas AJK meminta agar Pesuruhjaya dapat datang ke Kuala Selangor menemui bekas AJK untuk dapat penjelasan daripada beliau sendiri mengapa beliau (Pesuruhjaya) terlibat di dalam kes Hj. Hadi datang ke Al Ansar. Soal penarikan balik perletakkan jawatan akan dapat diputuskan setelah pertemuan tersebut dapat diadakan. Syarat tersebut diterima oleh Hj. Abd. Razak dan beliau berjanji akan menyampaikannya kepada pesuruhjaya.

Kata sesetengah orang, bahawa politik itu adalah 'seni serba mungkin', sejaухmana kebenarannya tidaklah pula diketahui, tetapi apa yang jelas, sesudah rundingan, bekas AJK Kuala Selangor dengan Ustaz Abd. Razak perpaduan bekas

AJK menampakkan keretakan. Sebilangan kecil daripadanya mahu agar penarikan balik jawatan dibuat tanpa syarat, manakala sebahagian besarnya masih tetap berpegang kepada syarat rundingan dengan Ustaz Abd. Razak Dawami. Bermula dari saat itulah wujud dua kem di kalangan bekas AJK Kuala Selangor. Kem pertama mengandungi tujuh orang bekas AJK diketuai oleh Hj. Jamil Nawawi (Bekas YDP Kawasan) sementara kem kedua terkumpul seramai 15 orang bekas AJK yang didakwa diketuai oleh penulis (Bekas Setiausaha Kawasan) sendiri. Secara kebetulan Kem Pertama terdiri dari pada golongan yang telah diresapi oleh Semangat manakala Kem Kedua tidak pernah diresapi oleh mana-mana Semangat baik dari gunung maupun hutan belantara.

Penulis dan rakan-rakan sehaluan tidak pernah mahukan wujud dua Kem di kalangan bekas AJK. Sebaliknya pemimpinlah yang mahukan agar ianya jadi begitu. Penulis mempunyai cukup bukti bahawa salah seorang Timbalan Pesuruhjaya PAS Selangor, selepas rundingan bekas AJK dengan Ustaz Abd. Razak, kerap kali menghubungi Hj. Jamil. Timbalan Pesuruhjaya berkenaan, bukanlah Ustaz Abd. Razak dan bukan juga Sdr. Mustafar Kader. Beliau ialah Hj. Mohsinon Hj. Tahir. Insan yang pernah mendabik dada mengaku untuk mencontohi YAB Dr. Hj. Abd. Ghafar Baba, TPM dan Timbalan Presiden UMNO. YAB En. Abd. Ghaffar Baba didakwa oleh Mohsinon sebagai tokoh politik yang mampu menyelesaikan setiap masalah yang wujud dalam UMNO dan parti-parti komponen BN walaupun beliau (En. Abd. Ghafar) hanya sekadar lulusan SITC. Muka tak malu! pemimpin UMNO tidak pernah didengar untuk mencontohi mana-mana pimpinan PAS, tetapi ‘politik’ PAS Selangor ini tidak segan-segan mengambil pimpinan UMNO sebagai contoh. YAB En. Abd. Ghafar Baba mempunyai grassroot yang cukup kuat di seluruh negara tetapi Hj. Mohsinon, PAS Kuala Langat (tempat kelahirannya) pun enggan menerima sebagai pemimpin dan Hj. Mohsinon tidakpun mengetuai mana-mana cawangan PAS di Negeri Selangor ini. Sedar diri sedikit, janganlah ular lidi cuba menyontohi naga.

Dipercayai guru politik Hj. Mohsinon ini adalah Hassan Shukeri Naib YDP PAS Pusat. Orang tua-tua pernah berkata kalau hendak kenal guru maka kenalilah muridnya terlebih dahulu. Hj. Mohsinonlah yang merasuk Hj. Jamil agar bersedia mengubah pendirian terhadap kes PAS Kuala Selangor. Belakang parang kalau diasah lagikan tajam inikan pula otak manusia, lebih-lebih lagi otak yang tidak punya urat saraf politik maka mudahlah jadi 'denak' pedagang politik. Hj. Mohsinon muhu mengambil kesempatan daripada krisis Kuala Selangor itu, untuk menaikkan lagi imej politiknya dalam Negeri Selangor, bila imej telah naik maka bos-bos pun sayang, grassroot pun kasih. Apabila kasih sayang sudah sebatik maka mudahlah pilih kerusi, lebih-lebih lagi Semangat sedang menanti-nanti menjanjikan gelaran YB!.

Hj. Mohsinon menganggap dirinya sebagai jaguh politik PAS Selangor, sewaktu menjawat jawatan Setiausaha Perhubungan PAS Selangor sessi 1987/89 konon-kononnya beliaulah merancang segala program, tetapi tanpa beliau se dari kebanyakkan AJK Perhubungan kurang senang terhadap tindak-tanduknya yang kadangkala keterlaluan. Bagi menghalang kerakusannya, maka dengan belas ehsan AJK Perhubungan beliau dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya yang hanya menjaga beberapa kawasan (bahagian) untuk sessi 1989/91. Dalam lain erti, kuasa Hj. Mohsinon telah dikurangkan tidak sepertimana sewaktu beliau menjawat jawatan Setiausaha. Di antara tiga orang Timbalan Pesuruhjaya, Hj. Mohsinonlah yang paling ketara kekurangan 'Ilmu Islam dan pencapaian akademiknya.'

Apabila Hj. Mohsinon menyedari kuasa politiknya telah dikurangkan, tambahan pula beliau tidak mempunyai grassroot di mana-mana kawasan dan cawangan, maka kesempatan yang terbuka diambil untuk mengekspolit 'Kes Kuala Selangor' bagi menonjolkan semula kewibawaannya. Hj. Mohsinon dipercayai membuat pengakuan di hadapan Setiausaha Agung PAS, bahawa beliau mampu menyelesaikan masalah yang melanda Kuala Selangor pada pilihanraya kecil Teluk Pasu. Hj. Mohsinon telah memilih orang yang tepat di kawa-

san Kuala Selangor untuk dijadikan kuda tunggangannya ialah 'kuda kayu' yang kaku (Kem Pertama).

Penulis dan bekas-bekas AJK yang sehaluan, mampu membaca dari A sampai Z siapa Hj. Mohsinon ini, kerana penulis pernah menjadi Naib kepada beliau di dalam Dewan Pemuda PAS Selangor 1983/85 dan Ketua Sekretariat DPP Negeri Selangor 1985/87

Jika penulis ingin menceritakan siapa Mohsinon di dalam PAS, mungkin akan mengambil masa yang panjang, lebih baik dirumuskan bahawa Mohsinonlah di antara yang bertanggung-jawab secara langsung di dunia dan di akhirat dalam mewujudkan 2 Kem dalam PAS Kuala Selangor.

Berbalik kepada pergeseran yang berlaku di antara dua puak bekas AJK Kuala Selangor, situasi kian meruncing dari hari ke hari. Fitnah mula dilemparkan oleh Kem Pertama bahawa Kem Kedua tidak taat kepada pemimpin, tidak mematuhi kehendak Islam, di samping dituduh berhasrat untuk menghancurkan PAS dan sebagainya. Fitnah dahsyat ini disebarkan ke seluruh negeri dan negara melalui broker-broker yang ditauliahkan oleh dalang-dalang dan bomoh-bomoh tertentu. Kem Kedua tiada menyerang balas terhadap segala fitnah yang dilemparkan, melainkan mengambil sikap defensif. Kem Kedua hanya mahu kebaikan, oleh itu sesiapa yang telah melakukan kesilapan kenalah akui kesilapannya. Adalah dipercayai bahawa Pesuruhjaya Hj. Ismail Hashim mengakui kesilapannya dalam penglibatan terhadap 'kes Hj. Hadi datang ke Al Ansar' tanpa mematuhi peraturan, tetapi apakah yang menghalang Hj. Ismail Hashim daripada datang menemui bekas-bekas AJK Kuala Selangor untuk membuat pengakuan secara terbuka? Mungkin Ismail Hashim telah dimomok oleh bomoh-bomoh tertentu bahawa bekas PAS Kuala Selangor khususnya Kem Kedua amat berpuaka.

Dalam situasi serba delima inilah Semangat mula merasuk Kem Pertama dan Kem Kedua. Sambutan terhadap kehadiran semangat ini diberitakan begitu baik oleh Kem Pertama. Manakala Kem Kedua hanya sekadar senyum memaniskan muka. Penulis menyaksikan bagaimana orang-orang PAS pada

saat itu benar-benar telah berada di puncak berahi terhadap Semangat 46. Teluk Pasu dijadikan dalil bahawa APU telah berjaya mengajar UMNO (BN). Hj. Hadi telah bersetuju dengan APU, maka seluruh ahli PAS wajib taat kepadanya. Harakah pula memainkan peranan seolah-olah perpaduan tulin telah wujud di antara PAS dengan 46, 46 itu PAS. Kesemuanya digambarkan begitu indah oleh bomoh-bomoh politik PAS, sehingga terdapat orang PAS yang menjadi penaja kepada penubuhan cawangan 46 dan ada pula yang mengepit borang PAS dan borang 46. Borang-borang tersebut disebarluaskan kepada umum, kaedah yang dipakau ‘jika tudak mahu masuk PAS masuklah 46’, tetapi yang melucukan hampir semua kerja itu dilakukan oleh orang-orang PAS. Akhirnya tertubuhlah cawangan 46 seperti cendawan di Kawasan Tanjong Karang, Kapar, Kuala Langat, Shah Alam dan di lain-lain tempat dalam Selangor.

Boss-boss PAS peringkat pertengahan dan peringkat tertinggi begitu giat berceramah, suara takbir mula bercampur aduk dengan tepukan tangan apabila para pengelipur lara dapat mengenangkan cerita-cerita yang mempersonakan. Ayat-ayat Al Qur'an telah diselangselikan dengan pantun seloka. Persoalan Negara Islam kian hilang gemanya, sebaliknya hidupkan UMNO lama mula diceritakan penuh semangat dan bertenaga. Kenapa semua ini terjadi? Apakah PAS telah mula terhakis identiti? Ya tepat sekali, ketulinan PAS sedikit demi sedikit tertanggal kerana berdakap dengan 46. Ceramah PAS diganti dengan nama ceramah APU, cakap PAS telah mula merapu, 46 diangkat dan diampu, maki hamun UMNO bertalu-talu, akhirnya besi dikatakan kayu.

Pernah dalam satu ceramah atas tiket APU, yang dianjurkan oleh PAS Sabak Bernam di sekitar September 86, penulis dan dua orang rakan dapat melihat bagaimana Pemimpin Semangat 46 YB. Fahmi Ibrahim seakan-akan menasihati penceramah PAS sebelum daripada beliau (Fahmi) agar jangan terlalu menekankan persoalan negara Islam. Pen-ceramah PAS Sdr. Muhammad Sabu Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, barangkali tersinggung dengan saranan pim-

pinan 46 itu. Mungkin ia mungkin tidak, namun penulis beranggapan 46 keterlaluan, walaupun alasan yang diberi oleh 46 agak lojik, yakni orang bukan Islam akan merasa takut bila disebut negara Islam, (kerana kurang faham) lantas mereka tidak akan memberikan sokongan kepada APU.

Pemimpin 46 menekankan agar memadailah dalam setiap ceramah APU diketengahkan ‘konsep keadilan’ yang kononnya menjadi teras perjuangan APU. Beginilah keadaannya, di sebelah pantai barat semenanjung ‘jurujual-jurujual’ agama ini akan bercakap sesuai dengan ‘environment’, manakala di sebelah pantai timur mereka akan tetap memperkatakan persoalan negara Islam dengan penuh lantang. Pimpinan PAS nampaknya mematuhi kemahuan ‘saudara baru’ mereka, lantas meninggalkan sementara ‘Negara Islam’, tetapi lebih menumpukan kepada nasihat ‘ulama-ulama jelmaan’ yang keluar daripada pondok pengajian AD DEEN Semangat.

Pilihanraya kecil Sungai Besar menjadi saksi bagaimana PAS telah sebatи dengan kemahuan saudara baru mereka. Negara Islam tidak disentuh, hanya keadilan yang diutarakan, namun hasilnya tidak memberi apa-apa pengertian. Penambahan undi sekitar empat ratus memberi erti bahawa perjuangan corak baru di antara PAS dan Semangat 46 tidak dapat diterima rakyat.

Bila kita berbicara atas tajuk ‘keadilan’, taarifnya amat luas. Hindu bercakap fasal keadilan, Kristian pun begitu, komunispun mendakwa mendokong keadilan malahan Tok Tok batin orang asli pun tidak mahu ketinggalan dalam melaksanakan keadilan terhadap anak buahnya. Mahatma Ghandi, bapa kemerdekaan India terkenal dengan sifat-sifatnya yang mulia, merendah diri, cekal dan berani dalam perjuangannya. Mendiang Mahatma Ghandi adalah seorang tokoh yang memperjuangkan kebenaran dan keadilan, tetapi adakah Islam mengiktiraf bahawa mendiang adalah pejuang sebenar? Jawabannya TIDAK! alasannya Mahatma Ghandi tidak beriman kepada Allah dan Rasul. Mendiang hanya berjuang atas dasar kemanusiaan semata-mata.

Islam mengajar penganutnya supaya segala sesuatu yang

dilakukan, bermula dari persoalan individu, rumah tangga, masyarakat, negara dan sebagainya mestilah berdasarkan kepada 'Ubudiyah' (Pengabdian) kepada Allah s.w.t. Konsep 'pengabdian kepada Allah s.w.t.' itulah yang membezakan di antara perjuangan Islam dengan perjuangan bukan Islam. Tanyakan perkara ini kepada Tuan Guru Nik Hj. Abd. Aziz, Ketua Dewan Ulama PAS Pusat, nescaya beliau akan menjawab 'YA'.

Ingatlah wahai! pimpinan PAS, janganlah kamu terlalai atau terlena dalam menghadapi putar belit manusia yang berbagai-bagai rupa terutamanya manusia yang sedang tersepit, kerana mereka akan sanggup berbuat apa sahaja untuk melepaskan diri daripada tersepit dan apabila mereka telah dapat melepaskan sepitan nanti InsyaAllah mereka akan menggigit jubah dan serban kamu dan seterusnya melapah daging-daging kamu.

Tidak keterlaluan, jika dikatakan sokongan 'grassroot' PAS terhadap APU, bukanlah berdasarkan kepada kefahaman mereka tetapi lebih berteraskan kepada 'kepercayaan mereka' kepada apa pimpinan mereka kata. Tanyalah kepada 'grassroot' mengapa mereka menyokong APU, jawaban mereka amat mudah, pimpinanlah yang lebih tahu, tetapi apabila ditanya lagi tolong berikan dalil-dalil syara' yang menghalalkan persefahaman (kerjasama) PAS dengan APU yang bukan parti Islam, maka mereka mula menggelabah dan merapu akhirnya mereka menyokong tetapi penuh ragu. Buatlah bincian, InsyaAllah majoriti 'grassroot' PAS berpendirian begitu.

Satu peristiwa yang sukar dilupakan sepanjang tempoh perletakkan jawatan AJK PAS Kuala Selangor itu, ialah apabila penulis dan dua orang rakan mengunjungi seorang sahabat yang bertugas di Pejabat Agung PAS. Kejadian itu berlaku sekitar Oktober 1989. Kunjungan tersebut bukanlah bertujuan untuk menemui mana-mana pucuk pimpinan di pejabat Agung tetapi sekadar menemui Ustaz Suarin bin Ibrahim Pegawai Penerangan Pejabat Agung PAS. Tanpa diduga kunjungan tersebut telah mencetuskan pertikaman lidah

dengan Naib Yang DiPertua PAS Pusat Hj. Hassan Shukri.

Hj. Hassan Shukri pada hari itu, beria benar ingin membincangkan ‘Kes Kuala Selangor’ dengan penulis. Beliau pada mulanya seolah-olah tidak tahu apa yang terjadi di Kuala Selangor, tetapi akhirnya meletakkan segala kesalahan kepada bekas-bekas AJK yang degil dan keras kepala. Beliau cuba menuduh bahawa bekas AJK Kuala Selangor tiada mewujudkan pimpinan. Penulis dan dua orang rakan terpaksa menafikan segala tuduhan yang dilemparkan oleh NYDP PAS Pusat itu dan bertanyakan kepada beliau atas dasar apakah tuduhan itu dibuat. Hj. Hassan Shukri mendakwa beliau menerima banyak maklumat dari orang-orang tertentu (pastinya para pengampun).

Pertikaman lidah di antara penulis dan dua orang rakan Hj. Hassan Shukri itu telah menampakkan bagaimana akhlak dan pimpinan kanan PAS ini. Dari segi percakapan jelas Hj. Hassan tidak memberi peluang untuk kami bercakap, kerana setiap percakapan dan penjelasan kami akan cepat-cepat dipotong. Hj. Hassan pada ketika itu seolah-olah sedang berlakon dalam sebuah filem Tamil yang heronya sedang berhadapan dengan musuh ketat. Biasanya, hero filem Tamil tidak akan beri peluang kepada ‘crook’ untuk membela diri sebaliknya akan terus menghukum ‘crook’ tersebut dengan membela musuhnya hingga maut. Hero filem Tamil membuat demikian, kerana pengarah filem menghendakki begitu bagi memuaskan hati penonton tetapi Hj. Hassan Shukri bertindak demikian atas arahan siapa? Mungkin Sivajee Ganesan hero filem Tamil yang terkenal, tidak bersikap sebagaimana sikapnya di dalam filem. Mungkin Sivajee Ganesan memberi peluang seluas-luas kepada para peminat untuk bermesra dengannya di luar layar perak. Kita tidak berniat untuk menyamakan Hassan Shukri dengan Sivajee Ganesan, tetapi janganlah berkelakuan seperti Sivajee Ganesan apabila hero filem Tamil ini menghukum musuhnya dalam filem.

Sikap yang ditunjukkan oleh pemimpin kanan PAS itu jelas, membenarkan dakwaan para veteran PAS bahawa Hj. Hassan Shukri adalah seorang pemimpin yang angkuh dan

bongkak. Sekali pandang, orang tiada menyangka beliau mempunyai sikap negatif lantaran senyuman senantiasa terukir di bibirnya, tetapi kepada sesiapa yang telah berhadapan dengan beliau, maka ketika itulah terserlah siapa Hassan Shukri sebenarnya. Tidak hairanlah Hj. Hassan Shukri hilang wang pertaruhan apabila beliau bertanding di Parlimen Batu pada tahun 1986!

Setelah menyedari bahawa pengarang dan rakan tiada melayani saranan penuh prejedis Hj. Hassan Shukri, maka di puncak kemarahannya bos kanan PAS ini dengan nada penuh angkuh berkata beliau tidak akan merasakan apa-apa sekiranya PAS Kawasan Kuala Selangor dibubarkan. Menurut beliau PAS Kuala Selangor tidak akan mempunyai peluang untuk memenangi sebarang kerusi dalam pilihanraya, beliau yakin, tidak ada satupun kawasan DUN dan Parlimen yang boleh dimenangi oleh PAS di Selangor pada pilihanraya akan datang. Jika pembaca kurang percaya apa yang ditulis, silalah bertanyakan Ustaz Suarin Ibrahim kerana beliau turut sama dan rakan dalam pertikaman lidah itu.

Begitulah ‘realiti’ akhlak pimpinan PAS, bikin tidak serupa cakap. PAS Kuala Selangor tidak dapat menafikan bahawa peluang untuk memenangi sebarang kerusi adalah tipis dalam setiap pilihanraya, tetapi adakah PAS ini parti pilihanraya semata-mata. Sedangkan di setiap program PAS, bos-bos PAS kerap menyebut bahawa pilihanraya hanya merupakan salah satu di antara pelbagai cara, dalam menyampaikan matlamat PAS yang berhasrat untuk menjadikan negara ini sebagai negara Islam. Namun daripada kata-kata penuh penghinaan orang kanan PAS terhadap PAS Kuala Selangor khususnya dan PAS Selangor amnya itu, membenarkan dakwaan UMNO bahawa PAS adalah parti pilihanraya, bukannya gerakan Islam yang tulin.

Dari segi lojiknya dakwaan UMNO itu memang benar, kerana setiap menjelang pilihanraya maka setiap kali PAS diserang penyakit yang sama tahun 1986 merakamkan PAS sanggup bermaufakat dengan parti-parti nyamuk yang hanya tinggal ‘nyawa-nyawa ikan’ sahaja. Untuk pilihanraya akan

datang (1990/91) menyaksikan PAS sanggup bersekedudukan dengan Semangat 46 (sisa buangan UMNO) DAP, Hamim dan Berjasa (dua parti yang diumpamakan seperti melukut di tepi gantang).

Apakah khayalan para pengelipur lara ini akan menjadi kenyataan atau sekadar penerusan dari impian yang tidak pernah menjadi nyata? Hanya takdir yang akan menentukan. Walau bagaimanapun tanda-tanda awal menunjukkan bahawa impian pengelipur lara itu tidak akan menjadi nyata kerana PAS telah terbelah dua. PAS Kuala Selangor dan PAS Islam mewakili suara grassroot yang tetap tidak berganjak dengan dasar PAS manakala Fadhil Noor mewakili PAS yang sudah tidak lagi tulin (berkhawat dengan parti-parti yang bukan Islam).

## **ULAMA PAS KAFIRKAN AHLI**

**S**ikap tegas sebilangan besar bekas AJK PAS Kawasan Kuala Selangor benar-benar memeningkan kepala sebahagian dari pimpinan PAS Negeri dan Pusat. Bekas-bekas AJK PAS Kuala Selangor tetap berpegang teguh kepada syarat rundingan terdahulu, iaitu jalan penyelesaian krisis hanyalah dengan kehadiran Pesuruhjaya PAS Selangor, Hj. Ismail Hashim ke Kuala Selangor. InsyaAllah kalau pada ketika itu beliau hadir maka dalam tempoh lima minit krisis akan berakhir.

Kerbau tetap kerbau walaupun seluruh tubuhnya dibaluti dengan emas. Untuk menyelamatkan maruah Pesuruhjaya maka para pengampu yang terdiri dari golongan ‘pedagang politik’ telah berjaya mencorakkan suasana seakan-akan PAS Kuala Selangor berkrisis dengan PAS Perhubungan Negeri Selangor. Pedagang-pedagang politik yang tidak mempunyai harga diri ini berbuat begitu dengan memasang niat sekiranya mereka berjaya menyelesaikan krisis Kuala Selangor, maka keharuman nama mereka akan menjulang naik.

Keharuman nama yang mereka cipta, akan dijadikan tiket untuk melobi Pesuruhjaya dan boss-boss pusat bagi mendapatkan kerusi pada pilihanraya akan datang. Pedagang

politik tersebut sanggup berbuat apa sahaja untuk memenuhi hasrat mereka, walaupun terpaksa memutarbelitkan maksud ayat al-Qur'an.

Bagi memenuhi hasrat yang membara, PAS Perhubungan Negeri telah memutuskan agar Pesuruhjaya memohon cut daripada tugas-tugas resmi mulai 15 Ogos hingga 14 Oktober 1989. Ekoran daripada itu surat arahan resmi telah dihantarkan kepada semua bekas-bekas AJK meminta mereka hadir dalam pertemuan dengan Wakil Perhubungan pada 20hb. Ogos 1989.

Untuk menguji keberkesanan arahan Perhubungan Negeri itu, maka satu pertemuan peringkat sesama bekas AJK telah diadakan atas permintaan Bekas YDP Kawasan Hj. Jamil Nawawi. Pertemuan tersebut, adalah pertemuan yang dirancang sendiri oleh pedagang-pedagang politik yang memperkuakdakan bekas YDP. Hasil pertemuan itu dengan jelas menampakkan kewujudan dua Kem di kalangan bekas AJK. Satu pihak masih bertegas dengan syarat tersebut di atas manakala satu pihak telah terperangkap dengan mainan perdagang politik.

Apabila pedagang-pedagang politik itu, menyedari ‘kuda tunggangan mereka tidak dapat berfungsi, maka Ustaz Abd. Razak Dawami, Timbalan Pesuruhjaya telah meminta jasa baik penulis agar dapat mengatur satu lagi pertemuan tidak resmi sebelum pertemuan 20 Ogos 1989. Pertemuan tidak rasmi peringkat kedua itu berlangsung pada 18hb. Ogos 1989. Ustaz Hj. Abd. Razak Dawami, Hj. Mohsinon Tahir dan Tuan Guru Hj. Salleh mewakili Perhubungan Negeri manakala kesemua bekas-bekas AJK PAS Kawasan mewakili Kuala Selangor.

Ustaz Hj. Abd. Razak Dawami bertindak selaku pengerusi. Perbincangan yang pada mulanya berjalan agak harmoni, meskipun sebahagian besar AJK masih menuntut agar Pesuruhjaya lah yang berhak menyelesaikan krisis. Bekas-bekas AJK tidak mahu ada golongan lain yang cuba bertindak sebagai ‘proksi’ kepada Pesuruhjaya. Ustaz Razak menjelaskan bahawa beliau sendiri telah memujuk Pesuruhjaya agar memenuhi tuntutan Kuala Selangor, namun Pesuruhjaya tetap

berdegil. Ustaz Abd. Razak juga memberitahu bahawa Pesuruhjaya telah mengakui kesilapannya, tetapi memberi alasan ‘takut’ untuk berhadapan dengan sebahagian besar bekas AJK.

Keadaan yang pada mulanya agak terkawal itu, akhirnya tercemar apabila Hj. Mohsinon cuba memaksa agar bekas-bekas AJK memansuhkan syarat yang termaklum. Hj. Mohsinon mendesak agar bekas AJK menerima balik jawatan mereka, dan setelah keadaan pulih (bekas AJK menarik balik perletakan jawatan) beliau menyarankan agar Kuala Selangor mencadangkan undi tidak percaya kepada kepimpinan Pesuruhjaya ke Perhubungan Negeri Selangor. Itulah Hj. Mohsinon, bercakap dalam nada yang berbeza-beza, bila berdepan dengan Pesuruhjaya beliau bermanis muka apabila berada di belakang, Pesuruhjaya dikutuk dan dinista. Hj. Mohsinon ini jugalah yang terlibat di dalam ‘kempen’ ke seluruh negeri Selangor agar menghantar memorandum ke PAS Pusat supaya Hj. Ismail Hashim jangan dilantik semula ke jawatannya untuk sesi 1989/91.

Paksaan dan saranan Hj. Mohsinon tidak dapat diterima. Rancangan buruknya tetap ditolak, maka berlakulah pertikaman lidah yang dahsyat di antara bekas-bekas AJK dengan Hj. Mohsinon Ustaz Abd. Razak selaku pengurus hanya terkebil dan terpinga-pinga. Tembok tetap tembok, walaupun disapu dengan ‘Cat Delux paling berkualiti’. Cat yang menutupi kekasaran permukaan tembok tidak dapat menahan kotoran daripada menghinggapinya (tembok). Begitulah ‘jaguh poilitik’ ini, tetap merayu agar bekas AJK menarik balik perletakan jawatan, biar nama negeri Selangor harum semerbak di pusat. Pesuruhjaya dicutikan dua bulan, krisis dapat diselesaikan. Siapa yang menyelesaikan? Siapa lagi... maka harumlah namanya naiklah sahamnya dan mudah-lah memilih kawasan yang selamat untuk ditandingi. Itulah barangkali hasrat yang tersemat dihati. Bekas-bekas AJK PAS Kawasan Kuala Selangor, khususnya, golongan yang disebut daripada Kem Kedua bukanlah buta kayu malahan terang mata mereka seterang sinaran purnama.

Langkah terakhir yang diambil oleh wakil Perhubungan Negeri agar bekas-bekas AJK mematuhi hasrat hati mereka, adalah merupakan sesuatu yang tidak pernah diduga. Tuan Guru Hj. Salleh AJK Dewan Ulama' PAS Selangor lantas membacakan ayat 133 dan 134 Surah Ali Imran.

Ayat yang memberi maksud 'Dan bersegeralah kamu kepada ampunan Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa, yaitu orang-orang yang menafkahkan (hartanya) baik di waktu lapang maupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan', dijadikan dalil atau hujjah memaksa bekas-bekas AJK menarik balik perletakan jawatan.

Ugutan halus yang diajukan kepada bekas-bekas AJK oleh wakil Dewan Ulama PAS Selangor itu, memberi pengertian, sekira bekas-bekas AJK beriman dengan ayat-ayat yang dibacakan maka terimalah balik jawatan. Seandainya masih berdegil tidak mahu menerima balik jawatan adalah sebaliknya (tidak beriman atau pun kafir) dengan ayat-ayat Allah tersebut.

Sebahagian besar bekas AJK benar-benar terkejut dan tergamam. Mujurlah Hj. Chamsari (Bekas Naib YDP Kawasan) dan Hj. Tohirin Hj. Ahmad berupaya mengeluarkan hujjah bahawa setiap perselisihan di kalangan mukminin hendaklah dirujuk kepada Allah dan Rasul, di mana pihak yang melakukan kesalahan hendaklah mengakui kesalahan-nya di hadapan orang yang dilakukan kesalahan ke atasnya. Maaf memaafkanpun semestinya begitu. Pesuruhjaya Hj. Ismail Hashim tidak pernah mengakui kesilapan yang dilakukannya dan tidak pernah memohon kemaafan kepada bekas-bekas AJK PAS Kuala Selangor. Apakah Pesuruhjaya terkecuali di dalam hal ini?

Pertemuan tersebut berakhir dengan kehampaan wakil perhubungan Negeri. Sebilangan besar bekas-bekas AJK masih mahukan Pesuruhjaya sendiri menyelesaikan kesnya. Pertemuan dengan Perhubungan Negeri 20hb. Ogos tetap di-

tolak.

Apabila menyedari kegagalan missi mereka, pedagang-pedagang politik tersebut, memutuskan bahawa satu mesyuarat agung khas akan diadakan bagi memulihkan kabinet PAS Kuala Selangor.

Persoalannya apakah insiden di atas suatu realiti yang telah sebat dengan pimpinan PAS? Atau ianya adalah suatu penerusan kesilapan pimpinan PAS di dalam menangani sesuatu permasalahan? Terpulanglah kepada pembaca untuk mentafsirkan. Jika komen penulis diminta, jawabannya mudah, pimpinan PAS selalunya tergopoh-gapah dalam berbuat sesuatu dan hasil daripada kegopohan itulah kadangkala meninggalkan kesan negatif yang berpanjangan di dalam perjuangan PAS.

Penulis percaya bahawa Tuan Guru Hj. Salleh bukanlah ulama yang mudah melatah, tetapi barangkali beliau ketika itu agak kurang menyedari telah ‘diprogramkan’ berbuat begitu. Pengatur program inilah yang disifatkan sebagai pedagang politik. Awas! para pedagang politik jenis inilah yang telah lama berkeliaran dan mengancam keutuhan PAS dari pada dalam. Ancaman paling besar, sekiranya para ulama’ PAS masih lalai, dikhawatiri PAS akan dijadikan alat oleh mereka (pedagang politik) untuk memenuhi citarasa mereka yang sentiasa bergelora. Pedagang-pedagang politik ini sedang mengatur strategi dari peringkat Pusat, Negeri, Kawasan dan cawangan-cawangan PAS di seluruh negara.

Semangat 46 Bahagian Kuala Selangor tiada mempunyai sebarang kekuatan di daerah ini. Faktor ketiadaan tokoh berwibawa di samping kekuahan UMNO Bahagian Kuala Selangor menyebabkan parti baru itu (S 46) hidup segan mati tidak mahu. Sedangkan PAS yang sudah established pun tidak mampu memberi saingan kepada UMNO di Kuala Selangor ini pula Semangat 46. Walau bagaimanapun PAS tetap wujud dan dikenali oleh rakyat Kuala Selangor.

Seperti yang disebut terdahulu, Semangat 46 mengambil kesempatan mempengaruhi ahli-ahli PAS yang telah ‘tersasau’ akibat terpersona dengan keindahan ‘slogan perpaduan’ yang

dijeritkan oleh penglipurlara. Yang jelas kem Pertama telah dapat ditawan oleh pukauan Semangat. Kekuatan Kem Pertama yang tidak seberapa itu nampaknya menghalang Semangat 46 Bahagian Kuala Selangor dari terus mengembangkan sayapnya. Kem Pertama (yang disebut sebagai denak pimpinan Negeri dan Pusat), dipercayai telah berjaya mengadakan pertemuan tidak resmi dengan S 46 Kuala Selangor dan di antara persetujuan yang telah dicapai ialah tentang pembahagian kerusi di pilihanraya akan datang. PAS hanya diberi kerusi DUN Sungai Tinggi, manakala Parlimen Kuala Selangor, DUN Permatang dan Sri Cahaya diserahkan kepada S 46.

Begitulah sebahagian daripada kerja gila yang dilakukan oleh golongan yang kurang bermaruah, baik PAS mahupun S 46 Bahagian Kuala Selangor, di sepanjang tempoh menanti kabinet 'kabinet PAS Kuala Selangor' wujud semula. Adalah dipercayai para pedagang politik PAS di peringkat negeri berkeyakinan bahawa Kem Pertama akan dapat menguasai 'kabinet PAS Kuala Selangor' yang bakal diwujudkan melalui satu Muktamar Agung Khas. Barangkali keyakinan negeri itu lah yang dijadikan 'perangsang' oleh puak-puak yang sudah lama mabuk dan yang baru belajar mabuk untuk menjalin kasih (Kem Pertama dengan S 46) walaupun di dalam keadaan 'haram'.

Berita memang tersebar luas di segenap penjuru negeri bahawa, pedagang-pedagang politik itu (pimpinan negeri) memasang niat untuk menyantap kesemua bekas AJK dalam Kem Kedua, PAS Kuala Selangor. Pedagang-pedagang politik tersebut telah mengetahui menerusi amalan nujum-nujum mereka bahawa Kem Kedua anti-Semangat, keras kepala dan bakal 'melawan taukeh'.

Muktamar Agung Khas pemulihan kabinet PAS kawasan Kuala Selangor menyaksikan bagaimana 'design' dan hasrat pedagang-pedagang politik tersebut hancur berkecari. Tidak ada seorang pun daripada kalangan bekas AJK Kem Pertama yang terpilih. Malahan orang harapan mereka iaitu bekas YDP Kawasan Hj. Jamil pun tidak mendapat sebarang tempat

kerana siang-siang lagi telah terkeluar daripada senarai apabila pencalonannya sebagai YDP tiada mendapat sebarang sokongan. Penulis telah dipilih oleh perwakilan menerajui 'kabinet baru' PAS Kuala Selangor.

Kehadiran bomoh besar (Pesuruhjaya) PAS Selangor pada tanggal 25 November 1989 itu, sedikit pun tidak dapat mengubah hasrat para perwakilan. Meskipun dalam ucapan perasmian bomoh besar telah mempergunakan setiap kepkaran (tentunya jampi serapah, asap kemiyan di samping puji-pujian kepada Semangat), tetapi para perwakilan tidak mudah termakan pukau.

Kegelisahan jelas terbayang di wajah dan tindak-tanduk bomoh besar sepanjang proses pemilihan berjalan. Kerap kali bomoh besar cuba mengganggu kelincinan perjalanan muktamar. Sikap yang ditunjukkan oleh bomoh besar itu, menyerahkan kejahilannya terhadap pantang larang dalam PAS. (Peraturan dan Perlembagaan PAS).

Dalam ucapan penangguhan YDP baru dipilih, mengingatkan para perwakilan bahawa tidak ketaatan yang membabi buta kepada pimpinan. Pimpinan disegenap peringkat mestilah bersedia untuk dikritik. Secara jelas, YDP baru meminta pimpinan Pusat turut ke kawasan Kuala Selangor untuk memberi penjelasan terhadap kerjasama PAS dengan Semangat 46. PAS Kawasan Kuala Selangor tidak akan menerima sebarang saranan dari mana-mana pihak tanpa mempunyai pengetahuan yang jelas. Selagi pimpinan tiada dapat memberikan penjelasan maka kerjasama dengan 46 tetap ditolak. Mungkin bomoh besar dan dua orang apit lempangnya, terkilan dengan ucapan penangguhan YDP Baru ini.

Keputusan telah ditentukan oleh perwakilan itu rupanya dijadikan 'isu penuh kontroversi'. Para pedagang politik yang kurang puas hati, mula memanangkan muncung mereka 'seperti kambing jantan' miang. Berita tersebar luas keseluruhan negari bahawa Kabinet Baru PAS Kuala Selangor adalah kabinet yang lahir daripada 'Grand Design'. Kalaulah pedagang-pedagang politik ini benar-benar bijak, mengapakah design' yang mereka rancang hancur berkecaci, sehingga

'ayam-ayam tambatan' mereka mengelupur terkapai-kapai. Penulis tidak menafikan bahawa sesuatu telah dilakukan dalam rangka memulihkan kabinet PAS Kuala Selangor sepetimana pedagang-pedagang politik tersebut merangka untuk menyantas kesemua pihak yang tidak mahu akur kepada selera nafsu mereka. Adat berpolitik mesti berencana, bila rencana lawan tidak menjadi takdirlah yang akan menentukan siapa menang siapa kecundang. Kesimpulannya tidak timbul soal 'Grand Design' sebagai mana yang gembar-gemburkan.

## **SEMANGAT 46 MENGHINA PAS**

**S**emangat 46 adalah sebuah parti yang tidak dapat lari dari perbuatan keji ini, kerana kelahiran parti itu sendiri berasaskan kepada sifat besar diri. Jika mereka menyedari bahawa ahli UMNO sendiri menolak kepimpinan mereka, maka jalan yang paling baik untuk mereka adalah menerima hakikat kekalahan.

Kekalahan di dalam satu-satu persaingan adalah perkara yang lumrah. Hanya manusia yang bongkak sahaja enggan mengakui realiti tersebut. Oleh itu tidak ada apa yang boleh diharapkan daripada golongan yang bongkak. Hidung yang tinggi akan menghalang sepasang mata dari melihat dan menjangkau keadaan sekeliling dari skop yang lebih luas. Pimpinan PAS sengaja menempah bencana apabila mereka menerima puak-puak yang sompong bongkak ini sebagai teman rapat yang amat dipercayai.

Biasanya hanya golongan yang bongkak sahaja akan menerima golongan yang sama sebagai teman seiring jalan. Begitu jualah halnya bos-bos PAS. Lembu akan tetap ber-kawan dengan lembu walaupun kambing sama-sama memakan rumput. Bos-bos PAS ternyata kesombongan apabila menganggap bahawa segala pendapat mereka tidak boleh di-

pertikaikan. Bagi mereka pandangan atau kritikan ahli-ahli bawahan yang menentang kehendak mereka, akan dilebal-kan sebagai ‘pendapat kaki lima’. Bos-bos PAS lupa bahawa tanpa sokongan puak kaki lima mereka tidak akan dapat kedudukan di dalam PAS.

Sejak akhir-akhir ini, nampaknya bos-bos PAS lebih berminat mencerca ahli-ahli bawahan yang menentang mereka dengan melupakan Semangat 46, yang telah pun terang-terang menghina PAS ustaz Ibrahim Azemi Hassan salah seorang Naib Presiden Semangat 46 telah mengeluarkan kenyataan dalam akhbar Watan keluaran September 1989, yang menghina pimpinan PAS secara halus. Ustaz 46 ini, dalam kenyataan tersebut menyebut bahawa Fadhil Noor memang layak menjadi Menteri Besar Kedah. Khabarnya kenyataan tersebut dibuat semasa Ustaz 46 itu berceramah dengan Fadhil Noor di Kedah.

Dari satu sudut kenyataan tersebut merupakan pujian, tetapi bagi orang-orang yang berfikir ianya merupakan penghinaan. Orang politik janganlah hanya sekadar membaca apa yang tersurat tetapi yang lebih penting bacalah apa yang tersirat. Jika YDP PAS Pusat (Bos No. Wahid) hanya layak jadi Menteri Besar maka bos-bos yang lain tentunya berkedudukan lebih rendah daripada itu. Dalam erti lain, bos-bos PAS tidak berkelayakan menjadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kabinet. Yang layak menjawat jawatan penting negara ialah pimpinan Semangat 46 dan DAP.

Penulis kemukakan kenyataan Ustaz 45 ini, bukanlah penulis meyakini bahawa APU (?) akan menang, tetapi sekadar mengingatkan ahli-ahli PAS bahawa 46 telah terang-terang memperkecilkan PAS. Jika 46 yang tidak punya kekuatan sanggup berbuat demikian, bagaimana nanti ditakdirkan mereka mempunyai sedikit kekuatan? Lupakanlah pimpinan yang telah mabuk dengan kemenangan (walaupun belum lagi menang), tinggalkanlah mereka kerana yang terlebih utama adalah menyelamatkan PAS daripada kehancuran.

Satu lagi kenyataan lisan pimpinan 46 ialah berhubung dengan pembahagian kerusi dalam pilihanraya akan datang, khususnya di Negeri Selangor. Mazlan Harun Bendahari Semangat 46 Selangor dalam akhbar Watan Mach 1990 telah dilaporkan sebagai berkata bahawa PAS Negeri Selangor hanya diberikan satu atau dua kerusi DUN sahaja, kerana kedudukan parti itu yang tidak kuat. Pedagang-pedagang politik dan kaum penjilat (penyokong kuat 46) PAS Selangor nampaknya membisu seribu bahasa terhadap kenyataan Mazlan Harun ini. PAS Kuala Selangor telah membala kenyataan Mazlan itu di akhbar Mingguan Kota dan akhbar Watan.

PAS Kuala Selangor tidak dapat menerima pendapat Mazlan yang telah menghina PAS Selangor. Walaupun PAS Selangor ini, tidaklah menjadi ancaman kepada BN, namun jika dibandingkan dengan Semangat 46 Selangor PAS tetap lebih kuat daripada mereka. Penulis yakin, jika tidak dengan usaha gigih (walaupun bodoh) dari kalangan orang-orang PAS maka 46 tidak akan dapat bertapak di Negeri Selangor. Kawasan-kawasan Parlimen Tanjung Karang, Sabak Bernam, Shah Alam, Kuala Langat, Ulu Langat dan Sepang adalah contoh paling jelas bagaimana usaha gigih (bebal) ahli-ahli PAS di dalam melahirkan bahagian-bahagian 46 di kawasan-kawasan tersebut. Sementara Ulu Selangor dan Selayang tidak menampakkan kelahiran 46 secara terang-terangan kerana PAS di kawasan-kawasan itu pun tidak mempunyai kekuatan.

Semangat 46 mendabik dada bahawa mereka kuat di Negeri Selangor jika dibandingkan dengan PAS. Lantaran itu, penulis mencabar mereka supaya bertanding secara sendirian tanpa menagih simpati orang lain. PAS Kuala Selangor telah mengajar betapa 46 yang tidak punya malu itu, terkapai-kapai menagih simpati tanpa jemu walaupun parti itu sedar tidak akan mendapat layanan. Pembahagian kerusi pilihanraya akan datang di antara komponen(?) atau kongsi-kongsi APU (?) jelas menampakkan pimpinan PAS Selangor khususnya sebagai golongan yang telah hilang maruah. Adalah diperdayai bahawa PAS telah menerima pembahagian kerusi

tersebut berdasarkan kepada kekuatan 46. Pimpinan PAS Negeri Selangor mengakui 46 lebih kuat dari mereka. Inilah akibatnya kepada puak yang tidak yakin kepada diri sendiri. Memanglah wajar pimpinan PAS Selangor khususnya dan seluruh negara amnya menerima penghinaan dari 46, kerana mereka (pimpinan) PAS telah menerjunkan diri ke lembah penghinaan secara rela tanpa paksa.

Kekuatan PAS bukanlah terletak pada kekuatan lahiriah semata-mata. Kekuatan PAS tertegak di atas keyakinan kepada kemuliaan Islam. Sekiranya pimpinan PAS dan ahli-ahlinya yang bebal (kumpulan taat membabi buta kepada pimpinan) telah merubah keyakinan mereka terhadap kemuliaan Islam, maka tunggu sahaja saat kehinaan yang lebih dahsyat.

Seperti yang telah penulis sebutkan di bab terdahulu buku ini, bahawa Tengku Razaleigh telah pun bertindak sebagai jurucakap PAS di hadapan penyokong DAP. Tengku Razaleigh sanggup memberitahu masyarakat Cina (penyokong) DAP bahawa negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS hanyalah ‘slogan’ kerana beliau yakin Fadhil Noor tidak akan berani menegur beliau. Tengku Razaleigh telah berjaya memprogramkan Fadhil Noor dan para pedagang politik dalam PAS. Fadhil Noor tidak pernah berkata bahawa perjuangan 46 sebagai perjuangan slogan, sebaliknya memuji habis-habisan bahawa perjuangan kumpulan sisa buangan UMNO itu, sebagai perjuangan terbaik untuk menegakkan keadilan.

Nik. Hj. Abd. Aziz Ketua Dewan Ulama PAS Pusat pun, tidak kurangnya mengampu Tengku Razaleigh. Ketua Ulama PAS ini memberi fatwa jika ahli-ahli PAS tidak menyokong atau menerima 46 sebagai rakan seperjuangan hukumnya adalah haram. Ahli-ahli PAS akan berdosa jika enggan menerima 46, begitulah maksud Ulama PAS ini. Fatwa pimpinan PAS akhir-akhir ini adalah fatwa merapu. Fatwa yang tidak bertunjangkan Qur'an sebaliknya fatwa yang lahir daripada keghairahan bahawa 46 adalah penolong sejati yang akan memberi kemenangan.

Begitulah situasi sebenar yang berlaku di dalam PAS.

Pimpinan PAS kerap kali mendakwa bahawa di antara matlamat persefahaman dengan 46 adalah untuk berdakwah di samping tujuan politik. Sejauh mana keberkesanannya dakwah bos-bos PAS terhadap 46 belumlah nampak hasilnya. Apa yang dapat dilihat ialah 46 telah berjaya mendakwahkan pimpinan PAS yang hanya membisu apabila 46-DAP bersekedudukan, bos-bos PAS begitu berminat mencantas mana-mana pimpinan bawahan yang kontra kepada persefahaman... bukanlah ini terbalik kot namanya?

Pimpinan PAS kerap kali menuduh tokoh-tokoh UMNO sebagai golongan pengampu pimpinan tertinggi mereka. Di antaranya, penyusunan semula Kabinet selepas ketewasan UMNO Team B (sekarang Semangat 46) disifatkan oleh pimpinan PAS sebagai penyusunan pengampu terbaik. Menteri-menteri kabinet yang terbabit dalam penyusunan semula itu dianggap sebagai tokoh-tokoh yang tidak berwibawa. Penulis tidak berhajat untuk memihak kepada menteri-menteri tersebut, tetapi menteri-menteri (khususnya tokoh UMNO) berkenaan mengampu Dr. Mahathir kerana keadaan memerlukan mereka berbuat demikian. Mereka beroleh kedudukan yang baik hasil daripada kerja mengampu yang dikatakan oleh pimpinan PAS.

Fadhil Noor, Nik Hj. Abd. Aziz, Daeng Sanusi, Hj. Abd. Halim Arsat dan lain-lain pimpinan PAS apakah yang mereka dapat hasil daripada pengampunan terhadap Tengku Razaleigh? Mereka belum dapat kerusi dan kedudukan yang baik. Mereka (pimpinan PAS) hanya dapat memasang angan-angan kerana mengampu. Tidak mustahil bos-bos PAS ini nanti akan menjadi 'super pengampu' jika Tengku Razaleigh berjaya mencapai hasratnya menjadi PM. Itu pun kalau berjaya, jika sebaliknya, penulis percaya manusia penjilat ini (pimpinan PAS yang mabuk kuasa) akan terus menjadi juara pengampu selagi mana Tengku Razaleigh masih menerima Islam sebagai Ad Deen.

Golongan yang berpegang teguh kepada perjuangan Islam tidak akan merelakan diri mereka memuja tokoh yang hampir muflis dalam politik. Pimpinan 46 adalah puak yang muflis

perjuangan politik mereka. Sedangkan perjuangan Islam tidak akan muflis sehingga hari kiamat. Jika ada orang yang tidak yakni dengan kekuatan Islam, sedangkan mereka mengaku menerajui perjuangan Islam, eloklah mereka bersara daripada medan perjuangan sebelum dilaknat oleh penduduk langit dan bumi. Fadhil Noor dan rakan-rakan pedagang politiknya termasuk Hj. Abd. Hadi Awang eloklah segera mendaftarkan diri sebagai ahli Semangat 46 jika mereka masih bernafsu untuk memimpin. Dengan memasuki Semangat 46, maka pedagang-pedagang politik PAS ini tidak akan dihina lagi, jika sepenuh ketataan dan pengampuan ditumpukan kepada Tengku Razaleigh.



*peruntukkan lebih sikit tok, depa tak mau bagi derma la ni  
muhayat dok kacau, islah dok kacau!*

Foto Nusantara

## FADIL NOR GILAKAN 46.

**P**enulis selaku YDP Kawasan yang baru, sempat menghadirkan diri pada Mesyuarat AJK Perhubungan Negeri Selangor pada 2.12.1989, selepas pemulihan semula PAS Kawasan. Di dalam mesyuarat tersebut, sekali lagi penulis meminta supaya pimpinan PAS Pusat dapat datang ke Kuala Selangor untuk memberi penjelasan berhubung dengan kerjasama PAS dengan Semangat 46. Permintaan tersebut dicatat oleh Setiausaha Perhubungan PAS Negeri di dalam minit mesyuarat. Permintaan PAS Kuala Selangor, disokong oleh Setiausaha PAS Kuala Langat. Sdr. Maseri Jasman Setiausaha PAS Kuala Langat ketika menyokong permintaan PAS Kuala Selangor, menyatakan rasa terkilannya, terhadap pimpinan PAS Pusat, cuai menjelaskan masalah kerjasama PAS dengan 46, kepada ahli bawahannya.

Lain diminta lain pula yang diperolehi, lain diharap lain pula yang datang. Begitulah yang terjadi kepada PAS Kuala Selangor. Di dalam suasana ternanti-nanti kehadiran pimpinan Pusat, tiba-tiba tersebar berita bahawa Bos No. Wahid PAS Pusat Hj. Fadhlil bin Mohd. Noor akan hadir ke Kuala Selangor. Hadir bukan kerana PAS, tetapi hadir untuk melayan kemahuan 'kekasih baru' Semangat 46.

Cinta itu buta, begitulah kata sesetengah orang. Teruna yang dilamun cinta akan berbuat apa sahaja untuk menjaga hati sidara. Si teruna tetap menyatakan bahawa dara idamannya putih melepak walaupun kebanyakannya orang melihat dara tersebut sebenarnya hitam legam. Lebih dahsyat jika yang dilamun cinta itu suami orang yang telah beranak pinak. Si suami tetap menyatakan bahawa janda yang sedang berasmara dengannya, adalah wanita yang terbaik pernah di temui, meskipun semua orang tahu bahawa sijanda adalah bekas isteri kepada 'benggali kain'.

Bos No Wahid PAS ini telah diperingatkan oleh Kumpulan Islah PAS bahawa janda yang sedang berhubung kasih dengannya ialah janda yang telah dicera'i 'talak tiga' oleh UMNO. Kumpulan Islah memperingatkan bahawa janda UMNO itu adalah pembawa kuman Aids. PAS Kuala Selangor pun melihat janda yang digelar Semangat 46 itu, badannya dipenuhi kurap dan kudis buta. Kuman Aids, adalah pembawa penyakit paling berbahaya yang para tabib belum lagi menemui 'formula' memeranginya. Kumpulan Islah amat takut sekiranya PAS akan diserang penyakit 'Aids' kerana tindak tanduk pemimpinnya. Sementara PAS Kuala Selangor masih mahukan penjelasan daripada pucuk pimpinan mengapa 'janda kurap dan berkudis buta' yang digilakan.

Hj. Fadhil Noor tetap tidak mengindahkan ingatan yang diberikan oleh kumpulan Islah, malahan menyingkir mereka jauh-jauh daripada PAS. Hj. Fadhil dan rakan-rakannya telah mengambil keputusan untuk sehidup semati dengan janda UMNO-Semangat 46. Hj. Fadhil serta para apit lempangnya begitu yakin S 46 sahajalah layak dijadikan pasangan (ber poligami), untuk memenuhi citarasa yang bergelora serta nafsu politik yang membara.

PAS Kuala Selangor, dengan penuh kesedaran memutuskan bahawa sesuatu tindakan mestilah diambil untuk menghalang pimpinan PAS dari terus dilamun cinta dan dilambung khayalan indah yang tidak punya titik kesudahan. Khayalan dan cinta yang akan membinasakan PAS. Tindakan yang di

ambil adalah dengan memulaukan kedadangan Hj. Fadhil Noor ke Kuala Selangor, di samping membuat aduan polis terhadap Semangat 46 Bahagian Kuala Selangor yang terang-terang mencabuli lambung PAS pada poster-poster undangan ke ‘Ceramah Agung Perpaduan’ yang diadakan di Assam Jawa pada 27hb. Disember 1989.

Perlembagaan PAS Fasal 73 (3) dan (4) yang menyebut bahawa lambang atau bendera PAS hanya boleh digunakan di dalam perayaan-perayaan, majlis-majlis anjuran PAS atau PAS turut sama menyertainya.

Satu lagi aduan polis dibuat selepas aduan pertama, yang menyebut bahawa Semangat 46 Bahagian telah menyalah-gunakan simbol PAS pada papan tanda bergandingan dengan simbol S 46 memberi maksud Angkatan Perpaduan Ummah yang bertempat di lokasi yang sama (Assam Jawa). Aduan pertama dibuat pada 20.12.1989 dan aduan kedua pada 21.12.1989.

PAS Kuala Selangor memulaukan Fadhil Noor kerana beliau membelaikan PAS Kawasan di dalam memenuhi undangan Semangat 46 Bahagian Kuala Selangor. Adalah dipercayai bahawa undangan tersebut telah dibuat oleh Timbalan Ketua Bahagian S 46 Kuala Selangor sebulan sebelum tarikh ceramah. Konon-kononnya Timbalan Ketua Bahagian S 46 itu menemui sendiri Bos No. Wahid PAS sewaktu menghadirkan diri pada majlis ceramah PAS di Taman Melewar. Ceramah adalah sempena lawatan YDP dan Timbalan YDP PAS Pusat ke Pakistan menyertai perhimpunan gerakan Islam Sedunia. Penulis berkesempatan menghadirkan diri bersama tiga orang teman pada majlis tersebut dan pada malam itu penulis dapat saksikan bagaimana gerai-gerai menjual buku di Taman Melewar (sudah menjadi tradisi bahawa di setiap majlis besar anjuran PAS akan dibuka gerai-gerai untuk menjual makanan, bahan bacaan dll) mula dicemari kuman Aids. Jika sebelum persefahaman dengan S 46 terjalin, gerai-gerai buku hanya mempamer dan menjual ‘bahan bacaan yang Islamik’, maka pada malam itu pengarang terserempak dengan gerai buku yang menjual bahan bacaan

remaja, (novel asmara dan seks) URTV, Gila-Gila dsb. Siapa yang menjual?

Kedua-dua aduan polis dibuat oleh PAS Kawasan Kuala Selangor adalah bermaksud untuk mengajar Semangat 46 Bahagian Kuala Selangor betapa nilai budi bahasa itu masih lagi menjadi pegangan dan amalan orang Islam dan Melayu. Sikap biadab bukanlah anutan orang Islam melainkan amalan orang yang tidak bertamaddun atau hilang pegangan.

Semangat 46 Bahagian Kuala Selangor haruslah sedar bahawa mereka tidak berhak sama sekali menggunakan simbol PAS, kerana belum ada kerjasama yang diberikan oleh PAS Kuala Selangor kepada mereka, tidak ada sebarang rundingan dan perbincangan. Kalau hidung tak mancung jangan pula pipi tesorong-sorong.

PAS Kuala Selangor, memahami bahawa sikap biadab Semangat 46 Kuala Selangor itu, bukanlah atas kehendak mereka sendiri tetapi turut direstui oleh para pedagang politik dan ‘gurkha-gurkha’ PAS yang barangkali telah termakan budi dan termakan janji yang ditaburkan.

Khabarnya, majlis ‘ceramah Agung Perpaduan Ummah’ anjuran Semangat 46 Bahagian Kuala Selangor itu kurang mendapat sambutan. Dianggarkan sekitar tiga atau empat ratus orang sahaja yang hadir dan kebanyakannya adalah pendatang luar dari Kuala Selangor. Boss No. Wahid PAS pun hanya diberi peluang berucap selama dua puluh minit sahaja kerana kehabisan tempoh yang diizinkan oleh Pihak Berkuasa. YB. Dato Rahmah Osman dan Dato Hj. Harun Idris Pengurus Semangat 46 Selangor diberitakan telah mengambil masa yang panjang di majlis tersebut sebelum mengizinkan Bos No. Wahid PAS memberikan ceramahnya.

Sama ada insiden itu disengajakan atau pun tidak, penulis beranggapan ianya telah memberikan satu pengajaran untuk iktibar oleh Ustaz Fadhil. Apakah mesej yang boleh disampaikan oleh seorang ‘tokoh’ di dalam tempoh dua puluh minit? Ingatlah... hukum adat telah menetapkan bahawa setiap kali angin bertiup maka pokok akan bergoyang, walau-pun hukum syara belum pasti menetapkan begitu. Tidak ke-

terlaluan jika pengarang katakan, bahawa kehadiran Ustaz Fadhil tidak begitu diperlukan pada malam itu, kerana PAS Kawasan Kuala Selangor telahpun membuat kenyataan akhbarnya yang pertama berhubung ‘aduan polis’ 5 hari sebelum majlis ceramah diadakan. Para peminat politik tanahair begitu terkejut dengan tindakan Kuala Selangor, adakah Ustaz Fadhil tidak merasakan apa-apa?

Hutan lipur tempat berkelah,

Menjadi tumpuan di hari minggu,

Tinggal Kuala Selangor buang Islah,

Kerana 46 sedang menunggu.

Tinggal Kuala Selangor buang Islah,

Kerana 46 sedang menunggu,

Prinsip tergadai bersama maruah,

Akhirnya termenung menongkat dagu.

Prinsip tergadai bersama maruah,

Akhirnya termenung menongkat dagu,

PAS dipandu tak tentu arah,

Wahai Fadhil mengapa begitu?

Kenyataan akhbar PAS Kawasan Kuala Selangor yang dibuat di akhbar Watan pada Disember 1989 adalah hasil keputusan Mesyuarat Dewan Harian PAS Kawasan Kuala Selangor.

Kenyataan tersebut mestilah difahami oleh semua pihak bahawa ianya tidak lari dari motif politik. PAS Kuala Selangor tidak menyangka jerat dipasang begitu mudah bingkas. Hasilnya pada 26hb. Disember 1989 terpaparlah di dada akhbar Watan kenyataan balas dari seorang ‘jaguh’ yang bukan juara sebenar. Hj. Mohsinon mula menampakkan ‘latahnya’, barangkali hatinya begitu terhiris kerana ‘buah hatinya’ (Semangat 46) seolah-oleh terhina oleh tindakan PAS Kuala Selangor. Penulis dapat bayangkan dialog di antara Hj. Mohsinon dengan buah hatinya (Semangat 46) sewaktu memadu kasih (berkhawat) seakan-akan begini:

Sri Semangat: Abang..., anak buah abang di Kuala Selangor telah menghina Sri...

Hj. Mohsinon: Sri... percayalah bahawa abang akan sehidup semati dengan Sri. Abang sanggup terjun bersama-sama Sri walaupun di lautan api. Tentang anak buah abang di Kuala Selangor itu, abang akan ajar mereka cukup-cukup.

Sri Semangat: Kalau begitu bagai dikata... Sri percaya pada abang, Sri serahkan segala-galanya pada abang...

Lantas berpeluk-pelukan keduanya di dalam ‘keghairahan’. Sebagai bukti cinta suci (walaupun sebenarnya kotor) kepada Semangat 46, Hj. Mohsinon telah mengeluarkan kenyataan balas yang penuh ‘provokasi’. Dengan nada yang meluap-puap Hj. Mohsinon memberitahu Watan bahawa tindakan disiplin akan dikenakan kepada PAS Kuala Selangor kerana membuat aduan polis. Tindakan tersebut, adalah termasuk memecat mereka yang berkenaan. Rentak dan laku Hj. Mohsinon pada waktu itu tidak membayangkan langsung akhlak pimpinan Islam melainkan sebagai ‘Bos gangster’ yang terkenal dengan keganasannya.

Kesan daripada kenyataan ‘boss gangster’ yang sedang dilamun cinta berahi itu, kegelisahan mula melanda ahli-ahli PAS Kuala Selangor. Mereka (ahli-ahli PAS Kuala Selangor) baru dikejutkan dengan berita pemecatan kumpulan Islah di Kelantan kini menular pula ke Kuala Selangor. Ahli-ahli PAS Kuala Selangor mula tertanya-tanya inikah kaedah yang diajar oleh Islam dalam menyelesaikan masalah. Sebahagian daripada mereka, mula mengira-ngira bahawa UMNO lebih bijak dalam menyelesaikan masalah, lebih baik masuk UMNO.

Pimpinan PAS Kuala Selangor terpaksa bertindak menyerang balik kenyataan balas Hj. Mohsinon itu. Pimpinan PAS Kuala Selangor menganggap bahawa Hj. Mohsinon tidak berhak membuat kenyataan kerana Kuala Selangor bukanlah kawasan jagaannya. Kenyataan Hj. Mohsinon adalah kenyataan peribadinya tanpa dirujuk kepada perhubungan negeri

terlebih dahulu. Khabarnya Pesuruhjaya PAS Selangor dan Naib Yang DiPertua PAS Pusat Hj. Hassan Shukri tidak begitu gemar dengan tindakan ‘biul’ jaguh politik Selangor itu. Namun segala-galanya telah berlaku... terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata tunggulah padahnya. Serangan balas pimpinan PAS Kuala Selangor dibuat di dalam akhbar Watan bertarikh 2.1.1990. Di hari yang sama juga PAS Kuala Selangor mengeluarkan kenyataan akhbar di Berita Harian bahawa Semangat 46 bahagian akan disaman kerana ‘mencabul’ simbol PAS.

Tarikh 3.1.1990 pula memperlihatkan bahawa ‘penyakit latah’ telah menjangkiti PAS Pusat. Hj. Subki Latiff, Ketua Penerangan PAS Pusat menjawab dalam Berita Harian bahawa kerjasama PAS dengan Semangat telah wujud di semua peingkat. PAS Pusat telah memberitahu semua peringkat termasuk Perhubungan Negeri dan Kawasan. Beliau di antara lain mendakwa bahawa PAS Kuala Selangor juga telah diberitahu menerusi Perhubungan Negeri mengenai ceramah Semangat 46 di Assam Jawa yang melibatkan Fadhil Noor. Hj. Subky seterusnya menjelaskan beliau hanya mengetahui hasrat PAS Kuala Selangor untuk mengenakan tindakan mahkamah terhadap S 46 Bahagian melalui akhbar.

PAS Kuala Selangor agak terkejut dengan kenyataan Subky itu. Pertama beliau telah melakukan satu pembohongan dengan mendakwa kerjasama dengan Semangat telah diberitahu oleh PAS Pusat kepada semua peringkat organisasi PAS. Kedua pembohongan yang sama dibuat apabila beliau menyatakan bahawa PAS Kawasan Kuala Selangor telah dimaklumi oleh PAS Pusat menerusi Perhubungan Negeri berhubung ceramah 46 di Assam Jawa. Ketiga, PAS Kuala Selangor merasa hairan, mengapa Hj. Subki yang mewakili PAS Pusat membuat kenyataan dan membaca akhbar Berita Harian sedangkan akhbar itu telah dipulaukan oleh PAS sejak 1986. Cakap tak serupa bikin!

Pimpinan PAS Kuala Selangor sekali lagi terpaksa membalas kenyataan Subky (Pegawai Propaganda APU) untuk mengelakkan kekeliruan. Di dalam Berita Harian bertarikh

5.1.1990, pimpinan PAS Kuala Selangor menasihatkan Subky jangan cakap bohong dan mencabar beliau agar menunaikan janji yang pernah ditabur di Kuala Selangor supaya muktamar khas diadakan berhubung pakatan PAS dengan Semangat 46.

Rupa-rupanya latah melatah ini telah menjadi asam garam orang-orang politik. Kalau sekadar melatah, ianya boleh berhenti dalam sedikit masa sahaja, kadangkala tidak sampai pun lima minit, tetapi bagaimana kalau ‘latah’ itu berterusan sehingga ke tahap ‘mengamuk’?

Hj. Abd. Halim bin Arshat, Setiausaha Agung PAS, nampaknya benar-benar mengamuk di dalam akhbar Watan bertarikh 4.1.1990. Mengapa beliau mengamuk? Adakah hati hampir remuk atau Semangat telah merasuk. Imejinasi penulis merakamkan bagaimana tatkala pertemuan sulit di antara Hj. Abd. Halim Arshat dengan Puan Sri Semangat seperti berikut:

Puan Sri Semangat: Kekanda! Apakah benar kanda kasihan dinda?

Hj. Halim: Duhai adinda! mengapakah demikian katamu sayang! Adakah ragu terhadap kasih yang tersemat di kalbu? Bermadahlah dinda! Punca apakah dinda ragu?

Puan Sri Semangat: Jika adinda bermadah, mungkin kanda akan murka, atau kanda akan serba salah, ditelan pahit diluah sayang.

Hj. Halim: Demi cinta kanda pada dinda! Kanda sanggup berbuat apa saja, berilah tahu apa hajatmu!

Puan Sri Semangat: Kerabat kanda di Kuala Selangor seakan-akan mahu menghalang cinta yang terjalin di antara kita. Dinda amat khuatir seandainya kasih kita musnah di tengah jalan.

Hj. Halim: Sememangnya kerabat kanda di Kuala Selangor itu berlaku kurang sopan. Janganlah dinda bimbang kanda punya kuasa untuk memusnahkan mereka. Demi purnama dan keris bersilang! Kuala Selangor akan kanda hapuskan.

Setiausaha Agung PAS itu, menyifatkan bahawa Muhayat

sebagai ‘pengacau’, apabila beliau diminta oleh Akhbar Watan menjelaskan pendirian PAS Pusat terhadap tindakan PAS Kuala Selangor yang akan menyaman Semangat 46 Bahagian kerana menggunakan lambang (penyalahgunaan) PAS tanpa kebenaran kawasan.

Hj. Abd. Halim menambah bahawa tindakan Muhayat membuktikan bahawa dia (Muhayat) cuba mengugat kerjasama di antara PAS dengan Semangat 46. Menurutnya lagi PAS Pusat memandang serius tindakan Muhayat dan telah mengarahkan Perhubungan Negeri Selangor supaya memanggil dan menasihati Muhayat untuk menyelesaikan ‘kes’ tersebut.

Begitulah lumrahnya sifat pemimpin PAS. Sifat yang diwarisi zaman berzaman, mengambil dan memandang remeh setiap permasalahan ‘grassroot’. Pimpinan PAS Kuala Selangor mahukan pimpinan Pusat memberikan penjelasan berhubung kerjasama PAS S 46. Hasrat PAS Kuala Selangor itu disalurkan melalui akhbar setelah saluran parti gagal memenuhi tuntutan. Apakah permintaan yang begitu mudah, terlalu berat untuk ditunaikan? Atau terlalu sibuk dengan kekasih baru (46), yang belum tentu hujung pangkal.

Perhubungan PAS Negeri Selangor bukanlah saluran yang layak menyelesaikan tuntutan Kuala Selangor, kerana kewibawaannya telah tercabar apabila gagal dalam menyelesaikan kes yang kerapkali berulang. (Kes Hj. Hadi datang ke Al Ansar tanpa mengikut saluran dan kes perletakkan jawatan beramai-ramai AJK PAS Kawasan dari 4.6.1989 — 24.11.1989). PAS Kuala Selangor terlalu meragui kejujuran pimpinan utama negeri, lebih-lebih lagi setelah kenyataan ‘provokasi’ pedagang politik PAS Selangor pada 26.12.1989 di akhbar Watan begitu meninggalkan kesan kepada grass-root.

Lembu tetap lembu walaupun hari-hari diberi susu. PAS Negeri Selangor tanpa berunding dengan pimpinan PAS Kuala Selangor menghantar telegram yang mengarahkan agar ditarik balik aduan polis terhadap 46 dan menghentikan membuat kenyataan akhbar yang merugikan PAS. Pimpinan

PAS Kuala Selangor tidak dapat melayan tuntutan PAS Negeri Selangor.

Bos No. Wahid PAS Hj. Fadhil Mohd. Noor dalam kenyataannya di akhbar Mingguan Kota pada 7.1.1990, dengan nada sama menyerahkan 'kes Kuala Selangor' kepada Perhubungan PAS Selangor. Sayang Ustaz Fadhil! Enta telah terlajak... jika enta datang ke Kuala Selangor pada 27.12.1989 dahulu terus menemui PAS, tidaklah jadi begini, malangnya enta silap dalam membuat perhubungan, apabila enta menemui 46 tanpa menghiraukan kami.

Bagi mengesahkan penolakan arahan PAS Negeri dan menyanggah kenyataan akhbar PAS Pusat, maka pada 6.1.1990 dan 9.1.1990 di akhbar Watan serta 7.1.1990 dalam Mingguan Kota, pimpinan PAS Kuala Selangor menyatakan bahawa Kuala Selangor tidak akan berganjak dengan pendiriaannya yang akan mengenakan tindakan mahkamah terhadap 46 Bahagian. PAS Kuala Selangor juga dengan penuh kekesalan mempertikaikan gelaran 'pengacau' yang diberikan oleh Setiausaha Agung PAS terhadap Muhayat. Penolong Setiausaha PAS ketika itu menjelaskan gelaran tersebut tidak wajar diberi kepada Muhayat kerana setiap sesuatu yang dilakukan oleh PAS Kuala Selangor adalah atas keputusan mesyuarat Hj. Abd. Halim tegas, Suhaimi cuba mewujudkan satu budaya baru 'gelar mengelar' dalam PAS. Kesimpulannya Encik Suhaimi berkata jika Hj. Abd. Halim tergamak mengelarkan anggota PAS Kuala Selangor sebagai pengacau, maka Hj. Halim juga layak digelar 'pengecut' (Hanya berani menyalak dari jauh).

Kesimpulannya, kenyataan akhbar pertama yang memberitahukan bahawa PAS Kuala Selangor membuat aduan polis terhadap Semangat 46 Bahagian, adalah satu 'tindakan politik' berbentuk baru yang cuba diketengahkan oleh PAS Kuala Selangor. Salahkah PAS Kuala Selangor memberitahu pimpinan, ahli-ahli PAS dan seluruh lapisan masyarakat bahawa ada sesuatu yang tidak berapa betul sedang berlaku dalam PAS. Lambang PAS telah dicabul oleh satu parti yang tidak bermaruah.

Mungkin, kepada sesetengah orang, perkara tersebut remeh. Kecil bagi yang jahil tetapi besar bagi yang arif. Lihat sahaja Barisan Nasional yang berlambangkan dacing, mereka lebih bermaruah dari APU (Angkatan Perpaduan Ummah?). Kesemua parti-parti komponen BN punya lambang sendiri tetapi, tidak pernah dilihat lambang UMNO disandingkan dengan lambang MCA, MIC, Gerakan dsb. APU yang masih berada di alam ghaib (kerana belum pun didaftarkan) telah begitu berani menggandingkan lambang PAS dengan 46, Hamim dan Berjasa. Parti itu serta 46, kita tidaklah begitu hairan, kerana mereka boleh berbuat apa sahaja, tetapi PAS sebuah parti yang ‘established’ mengapakah lambangnya diizinkan untuk bersanding dengan 46?

Langkah PAS (sama ada pimpinan atau mana-mana kawasan yang terlibat) mengizinkan Bulan Purnama di sandingkan dengan Lambang Semangat 46, samalah seperti seorang bapa yang membenarkan anak gadisnya bergambar berdua-duaan dengan seorang teruna yang belum tentu jadi menantunya. Gambar tersebut digantung dan dipamerkan pada setiap penjuru dan simpang kampung, sedangkan si teruna merisik pun masih belum, apatah lagi meminang, jauh sekali menikah. Akhirnya dikhuatiri si teruna cabut lari, maka tinggallah dara seorang diri, meratap merayu setiap hari manakala bapa menanggung malu.

Tindakan PAS Kuala Selangor disalah erti, lantas pimpinan PAS Kuala Selangor dicap sebagai tidak taat kepada pimpinan. Benarkah pimpinan PAS Kuala Selangor seperti yang didakwa atau pimpinan yang sengaja memberi ruang supaya mereka tidak ditaati?

Al-Qur'an kitab Allah yang wajib diimani oleh seluruh mukminin dan mukminat mengingatkan kepada seluruh manusia bahawa perbuatan fitnah lebih dahsyat dari membunuh. Surah Al-Baqarah ayat 191 dan 207 menjelaskan bahaya fitnah. Fitnah boleh berlaku di mana-mana, bermula dari kalangan keluarga sendiri, sahabat handai, dalam masjid, di pejabat, dan di semua tempat yang dihuni oleh makhluk yang bernama manusia. Tidak ada seorangpun manusia yang

merestui penabur atau pembawa fitnah, baik di kalangan muslimin ataupun tidak beragama. Fitnah akan merosakkan kerukunan rumahtangga, kedamaian masyarakat dan keharmonian negara. Perbuatan keji ini adalah mainan syaitan yang ingin melihat manusia kucar-kacir dan kesudahannya menjadi penghuni neraka bersama mereka (syaitan).

Kalangan ahli politik yang tidak berteraskan Islam, biasanya telah lari dengan fitnah. Walaupun demikian mereka sentiasa berhati-hati menghadapinya. ‘Politician’ yang tidak berideologikan Islam seboleh-bolehnya menghindarkan diri dari memfitnah dan difitnah. Mereka sedaya upaya akan menutup lubang-lubang yang memberi luang untuk mereka memfitnah dan difitnah. Walau bagaimanapun mereka tidak dapat lari dari hakikat bahawa fitnah akan tetap mengambil tempat selagi hati manusia masih lagi dikuasai oleh rasa kedengkian, tamak, inginkan kemasyhuran.

Ahli-ahli politik Islam yang beriman kepada Al-Qur'an menolak sama sekali perbuatan fitnah-memfitnah. Mereka tidak pernah berkompromi dengan segala saluran dan ruang yang mengizinkan fitnah menyelinap masuk dalam parti atau jamaah mereka. Bagi menghindarkan gejala-gejala yang membawa fitnah di kalangan anggota parti, pimpinan parti akan mendidik anggotanya dengan ‘ilmu Islam, yang berteraskan aqidah murni. Anggota parti kerap kali diingatkan agar sentiasa memperbetulkan niat serta mengikhlaskan diri di dalam mendukung dan mengharungi liku-liku perjuangan Islam. Perjuangan Islam adalah tuntutan kepada setiap mukminin yang matlamatnya adalah untuk menuntut keredhaan Allah semata-mata. Pejuang-pejuang Islam tidak akan ditanya sejauh mana kemenangan yang dicapai tetapi akan ditanya oleh Allah s.w.t. di akhirat kelak sejauh mana mereka telah berjuang. Sifat-sifat inginkan kemasyhuran, pangkat dan mata benda mestilah dikikis daripada setiap sanubari pejuang Islam. Begitulah suci dan murninya perjuangan Islam.

Perjuangan Islam yang didokong oleh PAS adalah perjuangan Islam yang tulin. Tiada siapa pun yang dapat menafikan hakikat itu. Penulis akan mempertahankan mati-matian

sekiranya ada golongan yang mempertikaikan perjuangan Islam yang didokong oleh PAS, kerana dasar PAS itu Qur'an dan Sunnah Rasul Allah s.a.w. Walau bagaimanapun penulis beranggapan bahawa perjuangan Islam itu tidak terikat pada PAS. Sekiranya ada golongan yang cuba mengikat perjuangan Islam itu kepada PAS sahaja, bagaimana pula nanti sekiranya berlaku perubahan pada dasar? Di saat itu adalah wajib untuk para pejuang yang masih cintakan Islam meninggalkan PAS.

Rasa cinta dan sayang kepada PAS, telah sebatи pada setiap ahli yang benar-benar ikhlas, tetapi adakah keikhlasan ahli peringkat bawahan ini mendapat penghargaan yang wajar daripada pimpinan PAS? Peristiwa Lubok Merbau menyaksikan gugurnya seorang ahli PAS Allahyarham Othman Talib, Tragedi Memali menyaksikan 14 orang ahli PAS syahid, tetapi adakah pimpinan menginsafi bahawa peristiwa tersebut berlaku adalah kerana kecintaan mereka kepada perjuangan Islam?

Kebanyakan pimpinan PAS tidak pernah menginsafi dan menghargai pengorbanan ahli-ahli bawahan, kalau adapun tidak lebih dari menganjurkan hari-hari 'tertentu' sebagai tanda sekadar ingatan. Apakah itu sudah mencukupi untuk digelar pimpinan Islam? Berucap, berceramah, berpidato, berfalasafah malahan mahir dengan Qur'an dan Hadis pun belum tentu berkelayakan untuk mendapat gelaran pimpinan sekiranya tidak mempunyai nilai kepimpinan.

Dr. Daeng Sanusi Marick Naib yang Dipertua PAS Pusat yang terkenal sebagai cendiakawan Islam, pada tanggapan penulis tidak mempunyai atau memiliki nilai kepimpinan yang boleh dibanggakan. Penulis hanya meletakkan beliau sebagai pemimpin kepada parti Islam, bukan pemimpin Islam di dalam parti Islam. Daeng Sanusi Marick yang juga Pengurus Lajnah (Biro) Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat penulis sifatkan beliau sama seperti pemimpin yang tidak menjadikan Islam sebagai teras perjuangan. Tidak keterlaluan jika Daeng Sanusi ini adalah termasuk dalam golongan' penabur fitnah yang ulung.

Tuduhan Daeng Sanusi yang dilemparkan kepada pim-

pinan PAS Kuala Selangor sewaktu berceramah (bercengkerama) dengan sisa buangan UMNO (S46) di Taman Serbaguna Kelana Jaya adalah keterlaluan. Akhbar Harakah (lidah resmi PAS) pada 12.1.1990 menyiarkan tuduhan Daeng Sanusi bahawa pimpinan PAS Kuala Selangor didalangi oleh golongan tertentu dalam tindakan mereka membuat laporan polis terhadap Semangat 46 Bahagian Kuala Selangor. Penulis berpendapat bahawa ‘pendekar tua’ PAS Pusat ini berpotensi untuk menjadi ‘Bapa Fitnah’. Akhbar Harakah pula berpotensi untuk dijadikan lidah syaitan, kerana Ketua Pengarang Akhbar Harakah (yang kini telah mula merakah) adalah ‘pendekar tua’ PAS Pusat juga. Apakah Daeng Sanusi beranggapan bahawa beliau terkecuali dari peringatan yang Allah beri dalam Al-Qur'an bahawa fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh? Di manakah pula letaknya identiti Akhbar Harakah yang didakwa sebagai lidah resmi Parti Islam sekiranya akhbar ini juga melakukan kerja-kerja mungkar (menabur fitnah). Di manakah letaknya etika kewartawanan yang disarankan oleh Islam, di dalam longkang atau di dalam poket-poket pemberita? Menuduh orang lain melakukan kemungkaran adalah mudah, menuduh Berita Harian, Utusan Melayu, Straits Time, Nusantara dan RTM sebagai penyebar fitnah dan pemutar belit adalah paling mudah, tetapi sedarkan bahawa akhbar Harakah sendiri telah mengajar para pembacanya supaya menjadi jaguh fitnah.

Bila penulis menggelar Daeng Sanusi sebagai pendekar tua, tentu ada yang tertanya-tanya, kenapa begitu gelaran diberi. Untuk tidak meragukan pembaca biarlah penulis menyatakan bahawa Daeng Sanusi pernah menjawat-jawatan penting (jika tak silap penulis sebagai NYDP PAS Pusat) sewaktu PAS menyertai Barisan Nasional pada tahun tujuh puluhan. Apabila PAS ditendang daripada Barisan Nasional maka Daeng Sanusi meletakkan jawatan dalam parti kerana tertakluk kepada Akta Universiti. Kononnya beliau masih terlibat dengan pimpinan PAS di sepanjang perletakan jawatan tersebut sehingga beliau bersara dari profession Pensyarah di UKM pada tahun 1988. Memang beliau pada mula-

nya seorang pendekar, tetapi setelah hampir 12 tahun tidak tetap berada dalam gelanggang, maka sudah pasti sedikit sebanyak langkahnya sumbang dan kaku. Para bakal pendekar hanya membiarkan ‘pendekar tua’ ini membuka langkahnya, kerana ingin melihat sejauh mana dia mengingati jurus dan langkah yang tidak janggal. Rupa-rupanya pendekar tua yang mula ‘makan pencen’ pada tahun 1989 terlalu mengngada-ngada.

Jawatan Naib Yang DiPertua PAS yang diamanahkan oleh ‘grassroot’ kepada beliau, pada tahun 1989 dijadikan platform untuk menonjolkan diri sebagai jaguh. Tanpa beliau sedar bahawa kejaguhannya, menyerlahkan betapa kurang ‘bermoral’nya pimpinan PAS. Lajnah (Biro) Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat yang beliau pengurusikan tidak lebih nilainya dari pusat penyebar berita propaganda ‘Perpaduan Ummah’ yang dipenuhi kepura-puraan. Apakah yang diselidik dan apa pula yang diterangkan kepada masyarakat jika permasalahan dalam parti sendiri tidak mampu diatasi? Apakah ‘fitnah’ dijadikan sebagai formula untuk menyelesaikan masalah? Berapa ratus ribu ringgitkah yang pimpinan PAS Kuala Selangor perolehi daripada UMNO kerana aduan polis terhadap 46? Siapakah pula dalang-dalang yang disebutkan? Dato’ Abu Hassan? Tan Sri Muhammad Taib? Anwar Ibrahim? Dato Muhammad Rahmat? Pimpinan PAS Kuala Selangor meminta Daeng Sanusi menjawab persoalan ini di dunia dan di akhirat.

PAS tidak pernah mengajar mana-mana pimpinan dan ahli supaya ‘fitnah’ dijadikan jalan keluar apabila berdepan dengan masalah. Hanya pimpinan yang penuh ‘prejudis’ dan dungu sahaja menjadikan fitnah sebagai alat terbaik untuk melepaskan diri.

Di antara kejayaan pimpinan PAS dalam membentuk pemikiran ahli ialah mewujudkan kefahaman bahawa segala sesuatu yang dikemukakan oleh pimpinan adalah benar belaka. Bertolak dari situ maka rata-rata ahli PAS begitu Ta’sub kepada pimpinan mereka. Kesempatan ini digunakan oleh para ‘oportunis’ untuk mengawal dan memprogramkan

pemikiran ahli, sehingga akan tercetus tanggapan dalam pemikiran ahli bahawa jika ada suara-suara yang seakan-akan menyalahi kemahuan pimpinan, maka suara itu akan dianggap sebagai ‘suara luar padang’, lebih tepat lagi suara musuh Islam (UMNO). Budaya yang telah wujud begitu lama ini, hampir sebatи di kalangan ahli-ahli PAS. Inilah satu kesilapan paling besar yang dilakukan oleh pemimpin PAS yang mesti diperbetulkan segera bagi mengelakkan gejala ‘jumud’ (beku) berterusan di kalangan ahli. Sekiranya budaya ini tidak diperbetulkan ditakuti satu hari nanti PAS akan dipenuhi burung kekak tua dan burung belatuk yang hanya pandai mengangguk.

Pimpinan PAS Kuala Selangor, cuba merubah ‘budaya bebal’ ini, dengan satu tindakan yang menyalahi ‘adat yang telah lapuk’ itu. PAS Kuala Selangor sengaja membuat kenyataan akhbar yang mengkritik pimpinan secara terbuka, tetapi dituduh sebagai ‘membuka pekung di dada’. Apakah pimpinan PAS menganggap diri mereka terlalu suci atau sengaja mahu menyembunyikan pekung sedangkan masyarakat dapat menghidunya. Islam menggalakkan bahawa sesuatu permasalah itu segera diselesaikan, terutamanya masalah yang melibat jemaah atau organisasi. Penyelesaian terhadap masalah jemaah dengan sempurna adalah pra syarat kepada penyelesaian yang lebih besar (masalah negara jika diberi peluang untuk memerintah). Apakah dengan menutup pekung di dada boleh menyelesaikan masalah. Pekong kalau dibiarkan akan menjadi tokak dan kalau dibiarkan akan menjadi kusta, jika dibiarkan berterusan akan cacat anggota. Anggota yang cacat akan menyukarkan lagi untuk bergerak.. silap langkah akan menjadi cercaan masyarakat.

Barangkali kerana kadangkala pemikiran di kalangan pimpinan atau telah terlalu ghairah dengan bayangan kemenangan, maka kebangkitan PAS Kuala Selangor dianggap sebagai penentangan. Terpulanglah kepada pimpinan tetapi ingatlah... Hanya Jauhari yang mengenal manikam.

Dr. Daeng Sanusi barangkali tidak mahu dipersalahkan. Title ‘Dr’ sudah cukup untuk menempatkan Daeng Sanusi

sebagai tokoh yang dihormati, tetapi gelaran tersebut bukanlah merupakan satu ‘lesen’ untuk tidak mengakui kesilapan yang dilakukan. Kemungkinan besar Dr. Daeng Sanusi menerima maklumat yang salah tentang Kuala Selangor daripada ‘pedagang politik’ peringkat negeri, tetapi apakah yang menghalang beliau daripada menyelidiki apa sebenarnya terjadi di Kuala Selangor. Jarak di antara Kuala Lumpur (Pejabat Agung PAS) dengan Kuala Selangor hanyalah sekitar 80 kilometer sahaja bukanlah 8000 km.

Penulis berkeyakinan bahawa, perjuangan Islam yang didokong oleh PAS masih jauh dari ambang kemenangan. Jika kemenangan diberi ketika ini INsyallah kemenangan tersebut tidak akan dapat diisi dengan Islam yang tulin. Kemungkinan besar kemenangan tersebut hanyalah bersifat sementara kerana para pendokongnya masih belum matang. Durian yang telah cukup masak akan gugur sendiri. Penulis bukanlah berniat untuk memperkecil-kecilkan PAS, tetapi setelah menyedari sikap dan tindak-tanduk pimpinan PAS itu sendiri, maka adalah lebih baik PAS jangan diberi kemenangan buat masa sekarang.

Pimpinan PAS mesti segera sedar dari tidur mereka, bahawa kehadiran Semangat 46 tidak memberi apa-apa makna hakiki. Semangat 46 bukanlah ‘kuasa penentu’ untuk memberi kemenangan kepada Islam, sebaliknya ‘memperlambatkan’ langkah perjuangan Islam. Tidakkah Lajnah (Biro) yang dipengerusikan oleh Dr. Daeng Sanusi menyedari hal ini, atau apakah penyelidikan yang dibuat hanyalah berkisar di kalangan golongan yang di ‘cop’ sebagai penentang perpaduan (APU) sahaja? Jika begitu kira bicara, dicadangkan lajnah (Biro) tersebut ditukar kepada Lajnah Propaganda APU dan Penyiasat Penentangan.

Untuk membela diri, pimpinan PAS Kuala Selangor telah mengeluarkan kenyataan di akhbar Mingguan Kota pada 21.1.1990, merakamkan rasa penuh kesal terhadap tuduhan Daeng Sanusi yang tidak berasas, dan mencabar PAS Pusat supaya menubuhkan Jawatan Kuasa Penyiasat berhubung dengan dakwaan ‘pendekar tua’ ini bahawa pim-

pinan PAS Kuala Selangor didalangi oleh golongan tertentu untuk menggugat APU. Hingga ke saat buku ini ditulis, tidak ada sebarang reaksi daripada PAS Pusat, yang tetap berterusan adalah fitnah yang tidak berkesudahan terhadap PAS Kuala Selangor. Nyata Daeng Sanusi berjaya dalam memprojekkan fitnahnya.

Dalam kenyataan akhbar yang sama (Harakah) pada 12.1.1990, Daeng Sanusi disebut sebagai berkata bahawa langkah PAS Kuala Selangor membuat aduan polis terhadap 46 kerana penyalahgunaan simbol PAS adalah tidak wajar dilakukan. Beliau menambah hanya Setiausaha Agung PAS sahaja yang membantah dan melarang mana-mana pihak menggunakan lambang PAS. Bagi PAS kawasan Kuala Selangor tidak berhak berbuat demikian, kerana Semangat 46 Bahagian Kuala Selangor berbuat demikian adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan. Kaedah apakah yang digunakan oleh Dr. Ini, dan sejak bila beliau melantik diri sendiri atau dilantik sebagai peguam kepada Semangat 46 Bahagian? Jika benar dakwaannya bahawa Setiausaha Agung sahaja yang berhak berbuat seperti di atas, maka Hj. Halim Arshat tidak perlu bersusah payah berada di Pejabat PAS Pusat sebaliknya arahkanlah Setiausaha Agung itu menjadi Setiausaha kepada seluruh kawasan PAS di Malaysia. Pimpinan PAS Kuala Selangor tidak pernah mengiktiraf wujudnya hubungan di antara PAS dengan Semangat 46, lantaran itu penyalahgunaan simbol PAS oleh sisa buangan UMNO itu tetap tidak boleh dimaafkan.



siapa berkuasa dalam PAS ulama? pedagang politik? programers?

## **KERJASAMA PAS, S 46 DAN DAP SIAPA UNTUNG**

**S**urah Al Mujaadilah ayat 22 memberi peringatan kepada mukminin bahawa tidak ada kompromi di antara golongan yang memusuhi Islam dengan golongan yang beriman kepada Allah dan Rasul. Batas keimanan adalah melebihi batas-batas persaudaraan, kaum kerabat, bangsa dan keluarga. Bila bertembung di antara kepentingan peribadi, kaum keluarga, bangsa dan sebagainya dengan kepentingan Islam maka Islamlah yang mesti didahulukan. Perang Badar menyaksikan bahawa tentera Islam di bawah perintah Rasul Allah terpaksa berperang dengan golongan Musyrikin pimpinan Abu Jahal. Peperangan itu adalah merupakan pertembungan di antara Islam dengan Jahiliyyah.

Perang Badar mencatatkan peristiwa amat penting memberi pengajaran kepada muslimin. Rasul Allah s.a.w. dan tentera Muslimin di satu pihak, Abu Jahal dan tentera musyrikin di satu pihak, kedua-dua pihak berbangsa Arab. Ramai di antara tentera kedua belah pihak yang mempunyai hubungan keluargaan. Peperangan tersebut berakhir dengan kemenangan berpihak kepada Rasul Allah dan tentera Muslimin. Begitulah Al-Qur'an mengajar kita, bahawa pertembungan akan

tetap berlaku di antara golongan Islam dengan golongan bukan Islam.

Dasar Islam yang suci murni tidak pernah memberi ruang kepada musuh-musuh Islam untuk berkompromi di dalam hal yang melibatkan prinsip. Deen Nul Islam tetap tinggi dari segala ideologi dan agama.

Kepada golongan yang benar-benar menghayati Deen Nul Islam, tidak akan tergamak menyamakan tarafnya dengan ideologi lain. Semangat 46 nampaknya tidak peka kepada kesucian Deen Nul Islam, apabila mereka menempatkan Deen Nul Islam sama taraf dengan DAP. 46 berikrar bahawa parti itu akan bekerjasama dengan DAP sampai mati.

Kerjasama sampai mati bererti, sampai ke kubur kemudian ke alam akhirat. Apakah Ustaz Ibrahim Azemi Hassan sanggup bersama-sama Lee Lam Thye sampai ke alam kubur. Alam kubur adalah merupakan permulaan hidup yang abadi.

Keterlanjuran yang disengajakan oleh 46 ini, tidak pernah ditegur oleh pimpinan PAS. Semangat 46 dalam hal ini nampaknya lebih mengutamakan kemenangan pilihanraya dari kemurniaan Islam. Semangat 46 berkeyakinan bahawa tanpa DAP, Dr. Mahathir tidak boleh ditumbangkan. Sementara para pimpinan PAS lebih mengutamakan ‘menjaga hati’ 46 daripada ketegasan terhadap prinsip.

Kerjasama di antara Semangat 46 dan DAP, adalah sesuatu yang tidak dapat diberi maaf oleh orang Islam dan Melayu. DAP yang mengamalkan konsep Malaysian Malaysia warisan daripada parti seberang Selat Teberau, menentang pengwujudan Negara Islam. UMNO yang tidak Islamik pun, amat cemburu dengan tindak tanduk DAP. Apakah pimpinan PAS yang mengaku sebagai jurucakap ummat Islam tidak merasa apa-apa? Bagaimana pula dengan 46 yang mendakwa sebagai bapak kepada segala nasionalis?

Rasa cemburu perlu disematkan dalam sanubari, kerana cemburu itu tanda sayang. Haiwan pun mengenal erti cemburu. Kucing jantan akan bertarung dengan jantan lain yang cuba menganggu bininya. Alam binatang tidak serupa dengan alam insan, tetapi perasaan cemburu tetap mengambil tempat.

Penulis pernah diberitahu oleh seorang ustaz, bahawa bintang yang tidak kenal cemburu adalah yang bernama babi.

Bos-bos PAS janganlah cuba berdolak dalik dengan menyatakan bahawa DAP tiada kena mengena dengan PAS, walaupun parti itu (DAP) menjalin kerjasama sampai mati dengan 46. Hanya orang yang telah tanggal nyawa sahaja yang boleh mempercayai 'sandiwara' pimpinan PAS ini. Bagi orang yang masih bernyawa sifirnya amat mudah. PAS, 46, Hamim dan Berjasa duduk di dalam APU (?) Matlamat APU (?) ingin menumbangkan BN. DAP telah menyimpan benci dan dendam terhadap BN, niatnya pun sama ingin melihat Dr. Mahathir jatuh tersungkur. APU (?) rasa kurang bertenaga tanpa mengajak DAP dalam satu kumpulan. Maka 46 dilantik menjadi 'broker' menjemput DAP berganding bahu dengan APU (?).

Penulis ingin mengambil contoh yang amat mudah untuk difahami. Adunan di antara gula caster, tepung gandum, planta, telur dan bahan pewangi menjadi sekeping kek setelah dimasak di dalam ketuhar (oven). Gula casternya DAP, 46 tepung gandum, PAS jadi plantanya Hamim telurnya dan Berjasa bahan pewanginya, sementara ketuharnya adalah APU (?).

Pimpinan PAS janganlah cuba berbohong dengan grass-root. Fatwa sesat yang menghalalkan ahli PAS bekerjasama dengan DAP telah mula kedengaran di merata tempat. Di antaranya pada satu ceramah anjuran APU di Sungai Selangor dengan jelas memuji dan memuja DAP. Pedagang politik tersebut menyatakan bahawa DAP lebih baik dari MCA, kerana DAP mempunyai keahlian 30% bangsa Melayu, pimpinannya pun terdapat bangsa Melayu dan bahasa perantaraannya di dalam mana-mana mesyuarat pun Bahasa Malaysia. Bertolak daripada hujah 'bebal' itu, katanya, tidak salah PAS bekerjasama dengan DAP.

Hujah 'bebal' itu, hingga ke saat ini tidak pernah dinafikan oleh mana-mana pimpinan di peringkat negeri dan pusat. Maknanya, pemimpin pimpinan terlibat merestui hujah ter-

sebut. Apakah hujah tersebut dapat diterima oleh dasar PAS? Semangat 46 boleh menerima hujah tersebut kerana perjuangan mereka tidak berteraskan Islam.

Andainya kekeliruan yang sengaja diwujudkan lantaran hujah bebal itu tidak segera dibentersa, maka tidak mustahil satu hari nanti ahli-ahli PAS dihalalkan bekerjasama dengan komunis, sekiranya komunis mempunyai keahlian Melayu dan pimpinan Melayu melebihi 40%.

Perjuangan Islam, tidak ditegakkan atas dasar lojik. Ianya ditegakkan atas aqidah yang murni. Percubaan untuk melojikan perjuangan Islam adalah mewarisi ajaran Mustapha Kamal Ataturk (Bapak Sekular Turki). Beginilah yang terjadi kepada pada puak yang telah hilang pertimbangan. Demi mencapai kemenangan yang belum tentu tercapai prinsip sanggup digadaikan. Agama diperalatkan sewenang-wenang.

Sekiranya hujah bebal ini dapat diterima sebagai suatu yang lojik berdasarkan realiti, apakah yang menghalang PAS BEKERJASAMA DENGAN UMNO? UMNO seratus-peratus ahli dan pimpinannya Melayu, agamanya Islam, bahasanya Bahasa Melayu. Apakah PAS telah menganggap bahawa DAP lebih Melayu dan Islam dari UMNO?

Semangat 46 yang bertindak selaku broker mengundang DAP berganding bahu dengan APU (?) dengan niat yang tersendiri. Parti itu sewaktu berdepan dengan para penyokong DAP tidak pernah menyebut Deen Nul Islam yang diperjuangkannya (kononnya) Semangat 46 dengan tidak disedari oleh pimpinan PAS telah menghina PAS di hadapan penyokong DAP, ia memberitahu DAP bahawa Negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS adalah slogan sahaja. Benarkah Negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS hanya tinggal slogan atau S 46 kini telah bertindak selaku jurucakap PAS. Sejak bila pimpinan PAS menyerahkan kepada Semangat 46? Persoalan-persoalan tersebut tetap menjadi tandatanya yang tidak berkesudahan. Nyatalah, dari tindak-tanduk Semangat 46 itu terserlah hasrat ingin menjadi juara. PAS telah kecundang dan terbongkang lantaran permainan 46.

Semenjak menerima S 46 sebagai rakan kongsi politik

ternyata prestasi PAS kian menurun dari hari ke sehari. Tatkala anggota-anggota S 46 masih berada pada tahap terumbang-ambing (sebelum 46 diluluskan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan), ternyata PAS adalah satu-satunya parti pembangkang yang disegani. Semua lapisan hormat pada PAS walaupun tidak semua menyokong perjuangannya.

Keadaan mula berubah, apabila PAS memberi ruang kepada kumpulan sisa UMNO itu bergerak dengan menggunakan platform PAS. Buangan UMNO yang mulanya dianggap sebagai kumpulan bebas akhirnya berjaya menubuhkan Parti Semangat 46 dengan memperalatkan PAS. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pengasas Parti Semangat 46 bukanlah Tengku Razaleigh tetapi Fadhil Noor. Tengku Razaleigh dan para pengikutnya akan hanhut sekiranya Fadhil Noor tidak beri peluang kepada mereka berceramah dan bergerak untuk menampung populariti PAS.

Wujudnya APU (?) setelah lulusnya pendaftaran 46. Sesudah S 46 merasakan dirinya kuat (walaupun tidak kuat tetapi sekadar syok sendiri), maka parti itu mula mengorak langkah baru. Pimpinan sekular 46 berjaya meyakinkan pimpinan Ulama' PAS bahawa APU (?) mampu mengambil-alih teraju negara. Teori masyhur yang kerap kali disogokkan kepada PAS ialah congak atau sifir pencapaian undi oleh PAS pada pilihanraya 1986 sekitar 700,000. Angka keramat itu pula kononnya dicampur dengan 500,000 undi yang sedang menunggu S 46. Jumlah anggaran 1.2 juta undi itu didakwa akan melenyapkan kuasa UMNO dalam pilihanraya. Bomoh dan nujum 46-PAS meramalkan tidak memadai dengan membangunkan UMNO sahaja untuk mengambil alih teraju negara. BN keseluruhannya mestilah diusir, maka APU (?) perlu kepada undi DAP 900,000 undi DAP sedang menanti, lantas kehadiran DAP amat diperlukan. 2.1 juta undi sudah cukup untuk mengajar BN. Begitulah kurang lebih ceritanya.

Percaya kepada angka adalah khurafat. Mengira untung sebelum berniaga adalah amalan Mat Jenin. Malangnya kedua-dua parti Islam dan Melayu ini tidak mahu belajar dari 'ketololan Mat Jenin'. Penulis tetap menolak teori untung se-

belum bermiaga. PAS Kuala Selangor tidak percaya kepada angka. Kami berani meramalkan bahawa kekuatan 46-PAS bukanlah gabungan kekuatan dua parti Melayu-Islam tetapi ianya tidak lebih daripada kekuatan PAS sendiri.

Apa yang harus diingatkan kepada para pemabuk kuasa (APU), bahawa PAS hanya mempunyai kurang lebih 300,000 orang ahli. Pencapaian undi 700,000 pada pilihanraya 86 adalah dengan bantuan 400,000 undi penyokong PAS. Penyokong yang dimaksudkan terdiri daripada mereka yang hanya bersimpati dengan PAS, undi protes kepada UMNO, golongan yang memang meminati pembangkang dan sebagainya. Tidak mustahil 'penyokong' PAS itu jugalah yang sekarang ini menjadi ahli Semangat 46 ditambah dengan ahli-ahli PAS yang tidak tahu membezakan mana satu PAS dan mana satu S 46.

Penulis ingin memberi contoh di Kuala Selangor sendiri, yang mana kebanyakan ahli Semangat 46 bukanlah terdiri daripada bekas ahli-ahli UMNO lama. Ahli-ahli Semangat 46 Kuala Selangor kebanyakannya tidak pernah menyertai mana-mana parti sebelumnya. Sebahagiannya terdiri daripada bekas penyokong NasMa dan sebahagian kecilnya adalah bekas penyokong PAS yang dinenalpasti. Fenomena sebegini rupa adalah tidak mustahil berlaku di seluruh negara. Jika demikian, dimanakah letaknya gembar-gembur kegagahan APU (?) .

PAS Kuala Selangor amat khuatir persengkokalan 46-DAP-PAS ini akan menjerat leher orang-orang Islam dan Melayu sendiri. Penulis tidaklah berhajat mendahulukan takdir, tetapi sekadar memberi peringatan. Mungkin pakar politik APU (?) akan mentertawakan, terpulanglah kepada mereka. Hati kecil penulis tetap meyakini bahawa gagasan APU tidak akan beroleh kejayaan InsyaAllah. Sekiranya APU (?) mendakwa mereka boleh menang, penulis hanya berani menyatakan APU (?) mampu sekadar meraih lebih sedikit dari undi yang telah diperolehi PAS pada pilihanraya umum 1986.

DAP akan meraih undi melebihi daripada pencapaian mereka pada tahun yang sama. Mereka akan bertambah teguh

dan mengorak langkah lebih panjang, sementara APU (?) lah yang akan terkebil-kebil macam askar kalah perang. Pertambahan undi DAP dipilihanraya akan datang bukan sekadar dari undi bukan Melayu, malahan ditambah dengan undi Melayu yang terpesona dengan kenyataan-kenyataan pemimpin PAS dan 46 bahawa DAP telah mengubah dasarnya dari 'chauvanist satu bangsa' kepada yang lebih liberal.

Sehingga ke saat ini, kita belum pernah mendengar dari mulut pemimpin DAP sendiri bahawa mereka mengiktiraf ketuanan dan keistimewaan orang Melayu dan Islam. Hanya pemimpin PAS dan 46 sahaja yang mendakwa DAP telah berubah. Sejak bila pimpinan PAS dan 46 masuk DAP?

DAP sekarang tidak perlu lagi menjelaskan dasarnya secara langsung kepada orang Islam dan Melayu. Mereka tidak perlu pergi ke Kelantan dan Trengganu atau masuk kampung-kampung orang Islam dan Melayu, sebaliknya pimpinan Semangat 46 dan PAS telah bertindak selaku juru cakap DAP. Jelas, pusingan pertama telah dimenangi oleh DAP. Bagaimakah pusingan seterusnya?

Pimpinan PAS patut menyedari bahawa PAS sekarang tidak lagi hebat seperti dulu. Boss-boss PAS kenalah turun ke padang membuat kaji selidik. Janganlah hanya terlalak di pentas-pentas dan kagum dengan kehadiran ramai orang di setiap majlis ceramah. Pentas-pentas PAS bukanlah ukuran yang tepat terhadap kekuatan PAS. Kekuatan PAS terletak di peringkat grass root dan penyokong.

Barangkali pimpinan PAS tidak sedar bahawa para penyokong PAS (bukannya ahli) telah mula menjuih-juih bibir terhadap tindak tanduk PAS. Mereka telah mula tawar hati kepada PAS. Mereka sudah tidak merasakan 'kehebatan' wujud di dalam diri PAS seperti sebelum PAS bersekedudukan dengan Semangat 46 dan DAP. Awas mereka akan hukum kami wahai pimpinan PAS pada pilihanraya umum akan datang.

Orang Islam tidak pernah benci kepada PAS. Mereka mahu lihat PAS terus wujud dan kuat. Janganlah musnahkan sokongan mereka dengan pendirian yang tidak tegas. Pimpinan PAS mestilah bertanggung-jawab, mereka mestilah mengamal

kan setiap apa yang dikata.

Satu perkembangan yang terbaru di kalangan pimpinan PAS ialah mereka cuba memberitahu kepada grass root bahawa persefahaman di antara PAS — 46 — DAP adalah berbentuk sementara. Persefahaman atau kerjasama itu hanya untuk menumbangkan BN. Setelah BN tumbang, maka PAS akan menentang 46 dan DAP demi menegakkan Negara Islam tulin. Apakah benar dakwaan itu? Jika benar, penulis menganggap ianya sebagai pembohongan. PAS tidak berupaya menentang 46 — DAP, kerana PAS bukanlah parti yang terkuat di antara tiga parti yang bergabung.

Jika sekiranya PAS kuat sekali pun, ia masih memerlukan 2/3 majoriti untuk menggubal perlembagaan. Dari manakah sumber yang PAS akan perolehi untuk mencapai matlamat tersebut? Apakah PAS akan melancarkan revolusi? Jawaban yang paling mudah PAS akan terus duduk bersama-sama 46 — DAP di dalam negara sekular bukannya negara Islam tulin. (Itu pun kalau angan-angan APU — DAP jadi kenyataan). Pimpinan PAS tidak seharusnya menipu untuk mendapat restu grass root terhadap persengkongkolan mereka dengan 46 dan DAP.

Suatu hal yang barangkali grass root PAS kurang sedar ialah persefahaman di antara PAS dengan DAP telah terjalin secara tidak resmi (jika ada rundingan pun dijalankan secara rahsia). Penyelewengan Suruhanjaya Pilihanraya SPR yang kerap kali digembar-gemburkan oleh kedua-dua parti adalah bukti yang nyata bahawa DAP dan PAS mempunyai hubungan. Penyelewengan SPR ini, jika benar seperti yang didakwa berlaku di pantai Timur Semenanjung. Pantai Timur Semenanjung adalah tempat yang subur bagi PAS. Mengapa DAP beria turut menyelar SPR yang dituduh sebagai alat UMNO ini? DAP tidak akan berani berbuat begitu sekiranya tidak memperolehi laporan lengkap daripada PAS. Boleh jadi penyelewengan SPR ini berlaku juga di pantai Barat tetapi kadangnya mungkin tidak sehebat di pantai Timur.

Penyelewengan SPR jika benar seperti yang didakwa oleh PAS, patutlah ditegur oleh semua pihak. Tetapi untuk me-

bebankan kesalahan SPR itu kepada satu pihak dengan menghalakan kesemua muncung senapang kepada pihak itu adalah sesuatu yang keterlaluan. Mungkin UMNO tidak mengarahkan mana-mana bahagiannya untuk mengganggu urusan SPR. Mungkin jika ada satu atau dua bahagian UMNO di pantai Timur yang terlibat dalam hal itu adalah atas kehendak mereka sendiri.

Penulis tidak berhajat untuk membela mana-mana puak yang bersalah, tetapi menggunakan pendekatan secara konfrantasi dan disertai sifat penuh prejedis dalam menangani sesuatu masalah adalah tindakan yang kurang bijak. Masalah yang kecil akan jadi besar. Kesudahannya masa terbuang begitu saja. Masa yang sepatutnya digunakan untuk membincang hal yang lebih penting, diisi dengan perkara-perkara yang lebih mencari kesalahan satu-satu pihak. Akhirnya parlimen dijadikan gelanggang bertekak tidak punya kesudahan. Barangkali DAP, PAS dan Semangat 46 telah sebat dengan pendekatan berkonfrantasi dalam menyelesaikan masalah, kerana pendekatan tersebut mereka fikir lebih berkesan untuk mendapat simpati rakyat.

Kita tidak dapat bayangkan apakah bentuk kerajaan yang akan mereka (DAP, 46 dan PAS) tubuh jika angan-angan mereka menjadi nyata. Mungkin puak-puak ini akan terus mengamalkan sikap konfrantasi dalam melaksanakan dasar mereka. Atau barangkali mereka akan berkonfrantasi terlebih dahulu sesama mereka kerana masing-masing tidak sama dasarnya.

Tengku Razaleigh telah memberi jaminan bahawa PAS dengan DAP tidak akan bertembung dalam pilihanraya akan datang. Macam mana Tengku Razaleigh berani memberi jaminan begitu? Adakah Tengku Razaleigh telah membaca hati perut Lim Kit Siang atau Fadhil Noor? Jawabnya amat mudah. Tengku Razaleigh tidak akan berani buat jaminan jika sekiranya Fadhil Noor dan Lim Kit sebelum bertemu muka. Kedua-dua jaguh ini, penulis berani katakan telah bertemu di mana Tengku Razaleigh barangkali jadi orang tengahnya. Kenyataan Fadhil Noor bahawa Pulau Pinang termasuk

negeri yang akan jatuh ke tangan Angkatan adalah bukti yang jelas bahawa pertemuan PAS dengan DAP telah mengambil tempat. Semangat 46 tidak kuat di Pulau Mutiara itu, PAS pun lemah, yang berpotensi untuk menang ialah DAP. Dengan ini terbuktilah daripada mulut Fadhil Noor sendiri bahawa DAP adalah sebahagian daripada komponen Angkatan.

PAS dan 46 akan beri laluan kepada DAP di tempat-tempat yang PAS dan 46 tidak berpotensi untuk menang di pilihanraya akan datang. Semangat 46 tidaklah perlu kita tanya mengapa mereka mengizinkan ahli-ahlinya menyokong DAP, kerana mereka mengamalkan sikap membujur lalu melintang patah. Tetapi PAS kita wajib tanya mereka apakah dalil yang mengizinkan ahli-ahlinya memangkah DAP?

Masyarakat Islam pernah difahamkan oleh pimpinan PAS bahawa di antara tujuan PAS menyertai pilihanraya adalah untuk menyampaikan dakwah Islammiyah di samping menguji sejauh mana dasar parti dapat diterima oleh umum. PAS bertanding di Parlimen Batu dan Bandar Kelang dan di beberapa tempat yang tidak memungkinkan parti itu menang pada pilihanraya 1986 ialah untuk menyampaikan mesej Islam. Biar hilang deposit asalkan Islam dapat disampaikan. Adakah dasar ini telah dimansuhkan apabila kompromi dengan DAP telah berjalin?

Adakah kerjasama dengan DAP itu lebih mustahak dari menyampaikan dakwah Islam dan bolehkah ahli-ahli PAS memangkah calon DAP yang tidak berdasarkan Islam. Jika boleh, dimanakah dalil Qur'an dan Hadis Rasul Allah yang membenarkan mukminin mengangkat golongan yang tidak beriman menjadi pemimpin? Fadhil Noor, Nik Aziz, Hj. Abd. Hadi Awang kena jawab soalan ini berdasarkan Qur'an dan Hadis.

Penyokong DAP boleh mengundi calon PAS kerana mereka tidak punya aqidah. Penulis berani berkata begitu kerana tidak ada seorang Islam yang tergamak menyertai DAP jika ia benar-benar faham tuntutan aqidah Islam. Orang PAS yang berjuang atas dasar aqidah tidak dibolehkan sama

sekali mengundi DAP. Bukan sekadar DAP, Semangat 46 pun tidak boleh diberikan undi lantaran parti itu tidak berkiblatkan Islam.

Seperti yang penulis sebut, bahawa PAS telah terperangkap di dalam permainan politik Semangat 46. Pimpinan Semangat 46 bukanlah terdiri dari golongan yang ‘humble’. Golongan ini sanggup berbuat apa sahaja bagi memenuhi tuntutan dendam kesumat mereka kepada UMNO. Bagi mereka Dr. Mahathir adalah puaka paling besar yang mesti dihapuskan. Dr. Mahathir lebih merbahaya daripada Lim Kit Siang. Dr. Mahathir lebih ganas daripada Pairin Kitingan. Dr. Mahathir lebih jahat daripada Pope Paul, oleh itu beliau mesti dijatuhkan. Begitulah kurang lebih maksud mereka. Siapakah yang untung kalau Dr. Mahathir jatuh dan kuasa Melayu Islam hancur?

Pimpinan Semangat 46 bukanlah tidak menyedari bahawa stamina yang mereka miliki kian hari kian berkurangan. Langkah mereka kian hari kian longlai. Tetapi hati mereka tetap keras kerana mereka benci terlalu sangat kepada Dr. Mahathir. Semangat 46 sanggup kalah jadi abu menang jadi arang, asalkan hajat mereka tercapai. Tidak timbul DAP itu parti Malaysian Malaysia asalkan ianya boleh dijadikan rakan kongsi membela Mahathir. Pimpinan PAS pun tidak kurang meluatnya melihat Mahathir yang telah hampir satu dekad jadi Perdana Menteri. Mahathirlah musuh Islam paling utama di Malaysia yang menghalang cita-cita PAS. Mereka lebih percaya kepada CCC daripada Mahathir. Karpal Singh, pimpinan PAS tidak berapa benci jika dibandingkan dengan Mahathir. Oleh itu Mahathir mestilah ditumbangkan dan peluang terbuka luas kerana Tengku Razaleigh dan Lim Kit Siang telah siap sedia mengembeling tenaga bersama.

Jika Dr. Mahathir itu benar musuh Islam, sebagaimana dakwaan pimpinan PAS, bagaimanakah pula pimpinan DAP yang tidak Islam. Belum pernah kita dengan Lee Lam Thye mengucap dua kalimah syahadat. Orang yang tidak pernah mengucap dua kalimah syahadat itulah musuh Islam yang utama. Begitu jugalah puak-puak yang mengelilingi Dr.

Mahathir. Puak-puak DAP dan puak-puak yang tidak pernah mengucap dua kalimah syahadat yang duduk mengelilingi Dr. Mahathir itulah sebenarnya musuh Islam. Apa salahnya jika PAS dan 46, Hamim dan Berjasa beri idea kepada Dr. Mahathir bagaimana caranya mengawal golongan yang tidak percaya Islam itu daripada bertindak aggresif kepada muslimin. Semua orang Islam kenalah berfikir dengan fikiran yang waras sebelum nasi menjadi bubur. Membenci Dr. Mahathir tidak akan dapat mengangkat martabat Islam dan Melayu ke tempat yang sewajarnya.

Satu hal yang barangkali Fadhil Noor dan pedagang-pedagang politiknya melupai bahawa PAS menjadi saingan kepada UMNO selama ini, bukanlah berdasarkan kepada material. PAS tidak pernah memerintah negara. Kerusi Parlimen dan DUN PAS belum pernah menandingi kerusi-kerusi UMNO, tetapi PAS tetap memperolehi sokongan orang Islam dan Melayu. Apakah senjata sulit PAS, sehingga kini parti itu masih belum pernah undur dari gelanggang politik tanah air? Hanya prinsip keislaman yang PAS perjuangkan menjadi penyelamat kepada PAS.

Grassroot PAS tidak pernah menyesal kerana PAS belum berjaya memerintah negara. Keyakinan dan semangat mereka sentiasa berkobar-kobar. Mereka bangga menjadi pejuang Islam walaupun telah hampir 40 tahun berjuang tanpa sebarang kejayaan yang boleh dibanggakan, tetapi janganlah pimpinan PAS cuba mengkhianati harapan 'grassroot' dengan menggadai prinsip. Kemenangan dalam perjuangan adalah sesuatu yang dihajati oleh semua pihak. Pimpinan PAS haruslah tahu kemenangan yang diperolehi dengan menggadaikan prinsip adalah 'kemenangan yang dilaknat'.

Apa yang dikhuatiri, satu hari nanti akan tercatat di dalam sejarah bahawa Fadhil noor dan rakan politiknya terlibat dalam kerja-kerja menggadaikan maruah Islam dan Melayu kerana bekerjasama dengan DAP di akhir abad 20. Gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama begitulah pesan orang tua-tua.

As Syahid Ibrahim Libya (semoga ALLAH mencucuri rahmat ke atas rohnya) pernah berpantun sewaktu berceramah sekitar tahun tujuh puluhan di Gerik. Allahyarham pada masa itu belum aktif dalam PAS. Ceramah Allahyarham di atas platform pendakwah yang dibiayai oleh Kerajaan Libya. Penulis masih ingat pantun tersebut berbunyi begini:

BALIK PULAU, BAYAN LEPAS,  
DUNIA TERPELAU, AKHIRAT TERLEPAS,  
BAIK UMNO, BAIK PAS.

Penulis meminta para pembaca agar mengaitkan pantun tersebut dengan pergolakan politik masyarakat Melayu Islam dewasa ini, lebih-lebih lagi setelah hadirnya S 46 yang penulis sifatkan pembawa 'virus' berbahaya.

## **SIAPA PEDAGANG POLITIK DALAM PAS**

**D**i dalam beberapa bab buku ini, penulis kerap kali menyebut istilah ‘pedagang politik’. Siapakah sebenarnya pedagang politik dalam PAS? Pedagang-pedagang politik dalam PAS sebenarnya adalah golongan yang telah memperalatkan perjuangan Islam semata-mata untuk memenuhi cita-cita politik.

Latar belakang pedagang politik ini dikenalpasti sebagai tidak mempunyai asas agama teguh. Namun mereka mendapat kedudukan yang baik dalam parti kerana sikap mereka yang suka menonjol-nonjolkan diri. Mereka juga tidak punya maruah. Sifat ‘hipokrit’ yang mereka miliki dapat menyembunyikan bahawa, mereka sebenarnya golongan jahil yang tidak layak memimpin.

Pedagang-pedagang politik ini, berjaya mewujudkan rangkaian yang bersambungan daripada struktur tertinggi PAS hingga ke peringkat cawangan. Di antara kerja politik telah berjaya mereka lakukan ialah dengan memprogramkan beberapa slogan dan pimpinan tertentu, demi mencapai maksud politik yang tersemat di dada mereka.

Pedagang-pedagang politik PAS ini, banyak belakar dari pada kejayaan Revolusi Islam di Iran. Kejayaan revolusi Islam

di Iran adalah bergantung kepada kepimpinannya. Ulamalah yang memain peranan penting menggerakkan rakyat supaya bangkit menentang Regim Shah Iran yang ditunggangi Amerika. Perkembangan selepas kejayaan revolusi Islam di Iran memperlihatkan bagaimana calon-calon pedagang politik PAS ini, diberi peluang oleh keajaan Iran untuk berkunjung ke negara tersebut. Calon-calon pedagang politik PAS ini, belajar daripada kejayaan pejuang Islam di Iran dari sudut yang berbeza. Roh ‘revolusi Islam’ itu mereka eksplot bagi memperbaui wajah PAS.

Slongan kepimpinan ulama’ mereka (pedagang politik) sogokkan ke dalam PAS di samping menonjolkan tokoh tertentu sebagai ‘simbol’ yang paling unggul. Hj. Abd. Hadi bin Awang berjaya diprogramkan oleh para pedagang politik sebagai tokoh yang paling disegani dan dihormati dalam PAS. Hj. Abd. Hadi Awang, memanglah seorang tokoh ulama’ yang tidak dapat dinafikan ketinggian ilmu agamanya. Ketokohan yang dimiliki oleh beliau memudahkan lagi pedagang-pedagang politik ini memasukkan jarum mereka. Pedagang-pedagang politik tersebut, ternyata berjaya memprogramkan Hj. Abd. Hadi sehingga pada suatu waktu dalam pertengahan lapan puluhan Hj. Abd. Hadi pernah diberi jolokan ‘Khomieni Malaysia’.

Penulis ingin merakamkan sedutan daripada ucapan yang kerap kali diselitkan dalam setiap ceramah salah seorang pedang politik di Negeri Selangor. Di antara sedutan tersebut seperti ini: ‘Hj. Hadi pada saya (pedagang politik tadi) adalah umpama pemukul gendang yang menyeru supaya orang ramai mengenal perjuangan PAS. Di Trengganu sebenarnya kerja-kerja politik Hj. Hadi dibuat oleh geng-geng blues seperti saya (pedagang politik) yakni Mustaffa Ali dan Mutualib Embong’. Jika geng-geng blues ini tak buat kerja Hj. Hadi tidak akan menang di Rhu Rendang.’ Jika para pembaca kurang percaya, tanyakanlah hal ini kepada pedagang politik Negeri Selangor yang bernama Hj. Mohsinon.

Salah seorang daripada Naib Yang Dipertua PAS Pusat, pada satu mesyuarat perhubungan PAS Negeri Selangor,

pernah memberitahu kepada ahli perhubungan bahawa dalam mesyuarat AJK PAS Pusat Hj. Hadi lebih banyak mendiamkan diri apabila membincangkan soal-soal politik. Maksud yang tersirat daripada dakwaan NYDP PAS Pusat itu ialah Hj. Hadi bukanlah orang politik, beliau hanya seorang Tok guru. Begitulah di antara kenyataan-kenyataan yang penulis kira bertujuan utnuk merendah-rendahkan Hj. Hadi, atau mempunyai maksud sama dengan kenyataan pedagang politik disebutkan tadi.

Pertemuan terbuka buat kali pertama di antara pimpinan PAS Pusat dengan pimpinan tertinggi Semangat 46 di Kelana Jaya, pada akhir tahun 1988 (jika tidak silap penulis) memperlihatkan bagaimana Hj. Abd. Halim Arsat (sewaktu itu Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat) memainkan peranan penting. Begitu juga rombakan kabinet 'AJK Jawatan Kuasa Perhubungan PAS Negeri Kelantan' sesi 1989-91, menyaksikan bagaimana tokoh-tokoh ulama seperti Ustaz Ismail Noh, Ustaz Hj. Wan Ismail Macang disingkirkan. Tempat mereka diambilalih oleh tokoh-tokoh yang digelar 'cik gu' sahaja. Daripada cikgu-cikgu inilah terkeluar kata-kata hikmat Napoleon Bornaparte: 'Musuh kepada musuhku adalah kawanku! Kata-kata hikmat itu dijadikan dalil oleh mereka untuk menghalalkan kerjasama dengan Semangat 46.

Di negeri Selangor pula, tokoh PAS yang pertama menemui Dato' Hj. Harun Idris bukanlah seorang ulama'. Tokoh tersebut pernah dikecam dalam mesyuarat perhubungan kerana menemui pimpinan 46 itu tanpa merujuk kepada PAS Negeri terlebih dahulu. Namun muka pedagang politik ini adalah seperti muka tembok. Walaupun dikecam dia masih ingin mempertahankan tindakan sebagai sesuatu yang betul.

Pesuruhjaya Perhubungan PAS Negeri Selangor Hj. Ismail Hashim di dalam satu siri mesyuarat Perhubungan PAS Negeri Selangor pernah dengan penuh emosi berkata bahawa beliau tidak berhajat untuk menemui Dato Harun. Menurut Ustaz Ismail Hashim bahawa Dato' Harun sewaktu menjadi MB Selangor (masih dalam UMNO) pada pilihanraya tahun 1969 pernah berkata dengan mengarahkan agar Pemuda Tahan

Lasak berbuat apa sahaja pada PAS demi memenangi pilihanraya. Ustaz Ismail bertegas selagi Dato' Harun tidak bertaubat dan insaf beliau tidak akan menemuinya.

Akhirnya ketegasan Ustaz Ismail Hashim itu hanyut begitu sahaja, apabila beliau sendiri telah berceramah bersama-sama Dato' Harun. Dato' Harun telah bertaubat di hadapan Ustaz Ismail Hashim? Penulis dapat maklumat bagaimana Ustaz Ismail Hashim mengecam PAS Kuala Selangor di hadapan Dato' Harun sewaktu mereka berceramah di Masjid Batu 10, Tanjung Karang pada bulan Mach 1990. Bagaimana Ustaz Ismail boleh jadi demikian rupa? Jawabnya Ustaz ini secara tidak sedar telah digulagulakan oleh para pedagang politik.

Di peringkat PAS Pusat antara tokoh yang bersungguh-sungguh mempertahankan kerjasama PAS dengan Semangat 46 ialah Subky Latiff Ketua Penerangan PAS Pusat. Beliaulah yang kerap kali jadi pembela kepada 46 apabila parti itu mendapat kecaman. Pernah pada suatu ketika apabila Bendahari Agung PAS mengeluarkan kenyataan yang kontroversi, bahawa PAS akan mengkaji semula hubungan dengan 46 jika parti itu menjalin kerjasama dengan DAP. Kenyataan Hj. Mustaffa Ali itu agak menegangkan hubungan kedua-dua parti. Subky Latiff nampaknya cuba mengendurkan suasana dengan menyebut bahawa kenyataan Mustaffa Ali sebagai kenyataan peribadi yang tidak menjelaskan sedikitpun hubungan erat yang telah terjalin.

Apakah ulama-ulama PAS tidak menyedari bahawa mereka sedang ditunggangi oleh para pedagang politik ini adalah sesuatu yang di luar pengetahuan penulis. Mungkin ulama-ulama PAS tersebut telah sedar tetapi merasa malu untuk berundur ke belakang. Yang pasti kredibiliti ulama-ulama ini telah merosot di kalangan umum.

Kenyataan mereka tentang APU (?) jelas menunjukkan para ulama ini berada di dalam suasana kelam kabut. Daeng Sanusi pernah berkata bahawa PAS tidak menyertai APU (?) sebaliknya PAS hanya menjalin persefahaman. Hj. Abd. Hadi pula menjelaskan bahawa PAS hanya bekerjasama dengan

APU (?) tidak bergabung. Sementara Bos No. Wahid PAS Hj. Fadhil Noor menegaskan bahawa PAS adalah salah satu dari pada parti dalam komponen APU (?). Mana satu yang betul ni? Tiga pimpinan agung bercakap di dalam nada yang berbeza-beza?

Bagi penulis dan PAS Kuala Selangor APU (?) tidak pernah wujud. Jika wujudpun hanyalah di peringkat bos-bos tertinggi dan pedagang-pedagang politik sahaja. Kewujudan APU (?) hanyalah di alam khayalan pimpinan PAS dengan pemuka-pemuka Semangat 46, Hamim dan Berjasa.

Satu lagi persoalan penting yang perlu dijawab oleh ulama PAS ialah berhubung dengan calon pilihanraya wanita. Berdasarkan hadis Rasul Allah yang bermaksud : Tidak sekalkali memperoleh kejayaan kepada kaum yang melantik wanita menjadi pemimpin'. Jelas daripada dahulu PAS menolak wanita sebagai calon dalam pilihanraya. Di akhir-akhir ini suasana menunjukkan bahawa ulama PAS sedang dicabar dan tercabar. Semangat 46 menurut hemat penulis akan tetap meletakkan wanita sebagai calon pilihanraya akan datang. Ini dapat dilihat apabila para perwakilan 46 telah memilih seorang wanita menjadi salah seorang daripada Naib Presiden mereka yakni Puan Marina Yusof.

Apakah tindakan yang akan diambil oleh pimpinan ulama PAS sekiranya Semangat 46 meletakkan calon wanita? Adakah ulama PAS akan menentangnya dengan mengarahkan ahli PAS supaya jangan mengundi calon wanita? Penulis berkeyakinan bahawa para pimpinan PAS akan mencari helah untuk mengizinkan calon wanita diundi. Berdasarkan perkembangan pada akhir-akhir ini, keputusan parti itu mengatasi segala-galanya, penulis tidak akan terperanjat sekiranya para pimpinan PAS mempunyai dalil untuk menghalalkan perkara tersebut.

Bagaimana kemelut begini rupa boleh berlaku dalam PAS? Apakah langkah untuk mengembalikan PAS ke tempat asalnya? Penulis menyarankan agar ulama-ulama PAS cepat sedar daripada tidur mereka. Pedagang-pedagang politik yang sedang bermaharajalela perlu sergera disingkirkan tanpa

mengira kedudukan mereka di dalam parti. Segala angkara yang berlaku di dalam PAS ketika ini, adalah mainan kotor para pedagang politik yang hanya ingin menjadikan PAS dan dasarnya sebagai alat memuaskan nafsu politik mereka.

Pedagang-pedagang politik PAS telah berjaya menjadikan Hj. Abd. Hadi Awang sebagai pakar rujuk yang tidak boleh dipertikaikan. Ahli-ahli PAS memandang Hj. Abd. Hadi sebagai tokoh yang tidak ada tandingannya. Keputusan yang dibuat oleh Hj. Hadi adalah keputusan yang paling tepat. Amanat Hj. Hadi adalah amanat yang tidak boleh dipertikaikan. Hj. Hadilah yang paling 'terror'. Ahli-ahli PAS benar-benar kagum dengan Hj. Hadi, sehingga mereka lupa bahawa Hj. Hadi adalah manusia biasa yang tidak lari daripada kelemahan.

Di antara kelemahan yang paling ketara dibuat oleh Tuan Guru PAS ini, ialah apabila beliau membuat pengisytiharan bahawa apabila PAS memerintah hak-hak istimewa orang Melayu akan dihapuskan. Begitulah katanya sewaktu PAS sedang sibuk-sibuk menjalin persefahaman dengan CCC pada tahun 1986 dulu. Orang Melayu telah mengajar PAS akibat daripada kurang teliti Hj. Hadi di dalam mengeluarkan sesuatu kenyataan yang melibatkan hati nurani mereka. UMNO telah mengeksplot kenyataan Hj. Hadi itu, dan hasilnya PAS hanya memperolehi satu hati satu kerusi Parlimen Pengkalan Chepa.

Keputusan pilihanraya kecil Teluk Pasu yang memberi kemenangan kepada PAS (APU?) juga dijadikan bahan dagangan popular untuk dijaja kepada masyarakat PAS bahawa Hj. Hadi telah merestui gagasan (APU?). Hj. Hadi pun nam-paknya bersetuju dengan dagangan yang dijaja oleh pedagang-pedagang politik tersebut. Semua ahli PAS bersetuju, hingga mereka lupa faktor penting kemenangan PAS di dalam pilihanraya kecil itu adalah hasil daripada kesilapan UMNO yang memilih calon kurang layak dan tidak direstui oleh golongan pemuda di kawasan tersebut. Kemenangan PAS adalah hasil daripada protes masyarakat tempatan terhadap calon yang dipilih oleh UMNO.

Tidak ada seorang pun ahli PAS yang berani menegur atau mengkritik Hj. Hadi. Hj. Hadi bagi mereka adalah terlalu hebat, tetapi penulis bertanggapan bahawa Hj. Hadi mesti dikritik dan ditegur. Tanpa teguran dan kritikan Hj. Hadi tidak akan jadi pemimpin yang matang.

Penulis mengingatkan Hj. Hadi dengan penuh keikhlasan, bahawa beliau perlulah dari saat ini memprogramkan diri sendiri. Beliau mestilah melepaskan diri daripada pedagang-pedagang politik yang mengelilingnya. Janganlah biarkan diri diprogram macam robot. Ulama tidak pernah diprogramkan oleh sesiapapun melainkan ulama itu sendirilah yang harus memprogramkan ummah. Hj. Hadi mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin yang baik. Kehebatan Hj. Hadi akan berterusan sekiranya beliau bersungguh-sungguh mempertahankan prinsip perjuangan tanpa mencampuradukkan dengan kepentingan-kepentingan lain. Dengar khabar, kuliah di Rusila sekarang ini telah mula dingin sambutannya. Hj. Abd. Hadi patut buat post mortem sebelum Masjid Rusila menjadi sepi.

Hj. Hadi tidak perlu berada dalam delima memilih di antara kawan dan hukum syara' berhubung dengan kerjasama PAS dengan 46. Beliau perlu bertegas memilih syara' dengan mengenepikan kawan. Biarlah Hj. Hadi dituduh sebagai orang yang ingin menjatuhkan Fadhil Noor dalam apa yang disebut 'Grand Design' PAS. Fadhil Noor dan geng-gengnya tidak penting, yang penting ialah dasar perjuangan PAS tidak dinodai.

Jika Hj. Hadi masih malu untuk bertegas, penulis percaya InsyaAllah Usia politik Hj. Hadi tidak akan sampai lima tahun. Hj. Hadi, Fadhil Noor akan hanyut dan disingkirkan bersama-sama pedagang-pedagang politik. PAS akan mengucapkan selamat tinggal kepada Hj. Hadi, dan waktu itu nama 'Keluarga Hj. Hadi' pakar urut memulihkan tenaga lelaki akan lebih masyhur dari nama Hj. Abd. Hadi Awang.



taukey, ini election, lu kasi tolong sama saya hantam itu BN, itu aji punya cakap jangan pelulilah! kalau menang ini kali senang ceritalah, itu tengku dulu boleh kasih sama Lee Kuan Yew Singapore. kalau menang ini kali, itu penang kita boleh celitalah!

Si Joko yang juga merupakan salah satu anggota DPRD DKI Jakarta yang ikut dalam kampanye diawali dengan pertemuan antara si Joko dan si Tengku di rumah si Tengku. Si Tengku yang merupakan seorang pengusaha besar di Jakarta, mengundang si Joko untuk bertemu di rumahnya. Di sana, si Tengku memberikan si Joko sejumlah uang tunai sebagai bentuk dukungan politik. Si Joko mengatakan bahwa ia akan menggunakan uang tersebut untuk membeli bahan kampanye dan memperbaiki kendaraan.

## **KENAPA APU DITENTANG**

**P**erlembagaan PAS Fasal 5 ceraian 1 dan 2 menjelaskan bahawa tujuan PAS ialah memperjuangkan wujudnya dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah, di samping mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Di antara usaha yang dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut di atas ialah menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bila mana dan selama mana ianya mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara. Perlembagaan PAS Fasal 6 ceraian 6 mencatatkan dengan jelas perkara yang disebutkan.

Manakala dalam Perlembagaan yang sama Fasal 7 ceraian 1 dan 2 menyebut bahawa hukum yang tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah Kitabullah dan Sunnah Rasul serta Ijmak Ulamak dan Qias yang terang dan nyata, dengan tertakluk kepada hukum tertinggi itu kekuasaan PAS adalah dipegang oleh Muktamar Tahunan. Dengan tertakluk ke-

pada hukum-hukum tersebut maka segala gerakan dan pentadbiran PAS adalah dijalankan di bawah perintah dan kekuasaan Muktamar, akan tetapi Muktamar itu sendiri tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perlembagaan PAS dan aturan dan peraturan muktamar atau mesyuarat PAS.

Penulis sengaja memaparkan sebahagian daripada yang termaktub di dalam perlembagaan (Undang-undang tubuh) PAS ini sebagai memudahkan pembaca memahami mengapa PAS Kuala Selangor bertindak menentang pimpinan dan APU (Angkatan Perpaduan Ummah?)

Kita mulakan daripada tujuan PAS yang suci murni yakni memperjuangkan wujudnya negara Islam di Malaysia. Samada orang lain menyetujuinya atau pun tidak bukanlah yang harus dipersoalkan. Tidak ada seorang mukminin pun, yang tidak bersetuju dengan tujuan itu. Sementara setiap lapisan yang mendokong PAS tidak mempunyai niat lain kecuali memperjuangkan wujudnya negara Islam yang tulin walaupun Penasihat Agung Parti Semangat 46 pernah menasihatkan pemimpin negara di sekitar tahun lapan puluhan janganjadikan Malaysia sebagai negara Islam.

Di antara usaha yang boleh dilakukan oleh PAS dalam menyampaikan matlamat perjuangannya ialah bekerjasama dengan pertubuhan atau badan yang tidak bertentangan tujuannya dengan PAS. Kita mulakan persoalannya dari sini. Penulis akan tujukan terus maksud usaha ini kepada kerjasama PAS dengan Semangat 46.

Parti Semangat 46, mengakui menerima Islam sebagai Ad Deen, tetapi perakuan itu tidak pernah tercatat di dalam perlembagaannya. Perakuan itu hanyalah dibuat secara lisan yang barangkali hanya boleh diterima sewaktu mereka tidak berparti yakni sebelum S 46 diluluskan oleh pendaftar pertubuhan sebagai parti yang sah. Perlembagaan Semangat 46 yang ada sekarang tidak pernah menyebut menerima Islam sebagai Ad Deen, malahan mengekalkan isi kandungan perlembagaan UMNO Lama yang telah mati, yang menjadi musuh tradisi kepada PAS. Adalah difahamkan bahawa per-

lembagaan Semangat 46 ini, lebih pekat daripada perlembagaan UMNO (Baru) sendiri.

Pimpinan PAS selalu menyebut sewaktu 46 masih berada dalam UMNO, bahawa punca UMNO menentang perjuangan yang didokong oleh PAS adalah kerana perlembagaan UMNO itu sendiri, yang tidak Islamik. Pegangan tersebut masih tersemat erat di dalam sanubari ahli-ahli PAS, tetapi apakah yang mengubah pendirian pimpinan PAS sekarang? Adakah pimpinan PAS telah membuat kesimpulan bahawa Perlembagaan Semangat 46 itu telah menuju ke arah lebih Islamik daripada perlembagaan UMNO (Lama), sedangkan isi kandungannya saling tidak tumpah seperti perlembagaan asal (UMNO Lama).

Sikap pimpinan yang tidak menentu inilah yang benar-benar membingungkan ahli-ahli peringkat bawahan. Dulu kutuk perlembagaan UMNO (lama) habis-habisan, sekarang puji dan angkat tinggi-tinggi hingga lupa diri. Islam tidak pernah mengajar umatnya supaya meniru sesuatu yang tidak baik dijadikan contoh. Sesumpah sejenis haiwan yang Allah jadikan mampu menukarkan warna badannya mengikut keadaan tempat ianya berada. Kalau haiwan tersebut hinggap pada daun yang hijau warnanya akan bertukar seperti daun, dan jika ia hinggap pada dahan atau ranting-ranting kayu, warnanya akan bertukar mengikut warna dahan dan ranting. Itu sesumpah, bukannya manusia.

Sesumpah Allah jadikan begitu, sesuai dengan keadaan sesumpah yakni sejenis haiwan yang kecil sentiasa terdedah kepada bahaya. Pertukaran wana badannya mengikut suasana adalah sebagai perlindung kepada keselamatannya. Apakah pimpinan PAS sekarang mahu mengambil ‘iktibar daripada sesumpah ini? Ikut rentak dan suasana demi survival? Rentak dan suasana boleh diikut selagi mana ianya tidak bertentangan dengan prinsip dan maruah. Jika rentak dan suasana memerlukan maruah dan prinsip digadai maka ianya wajiblah ditolak bulat-bulat.

Mungkin ada suatu keistimewaan di kalangan pimpinan PAS sekarang, yang barangkali tidak dimiliki oleh mana-

mana pimpinan parti-parti lain. Mungkin pimpinan PAS sekarang telah meletakkan diri mereka lebih tinggi daripada segala-galanya lantas membuat keputusan yang bercanggah dengan kehendak perlembagaan parti sendiri. Sememangnya selaku pimpinan mereka berkuasa, tetapi kekuasaan mereka tidak boleh melebihi had yang diperuntukan kepada mereka oleh perlembagaan parti. Jika pimpinan PAS sekarang sedang merubah PAS kepada parti yang tidak terikat kepada sebarang peraturan, melainkan yang terbit daripada citarasa pemimpin semata-mata. Perlembagaan hanya akan digunakan sekiranya tidak bertentangan dengan nafsu mereka (umpamanya memecat ahli yang menentang kemahuan mereka), dan jika berlawanan dengan nafsu mereka maka tidak perlu dipakai.

Parti Semangat 46 tidak sama tujuannya dengan PAS, Semangat 46 hanya ingin mengambil kesempatan daripada sikap murah hati dan mudah terpesona pimpinan PAS. Semangat 46 ingin menghidupkan UMNO Lama yang sudah mati. Setiap yang mati tidak akan hidup semula, kecuali di alam Barzah dan alam akhirat. Tidak ada seorang pun manusia yang dapat menerima mati hidup semula di dunia ini. Yang pasti, seperti dikatakan oleh orang-orang tua, ‘mati hidup semula’ ialah hantu atau ‘anggor’. Kalau dikaji kata orang tua-tua itu, maka pimpinan PAS sekarang sedang berkasih atau berkawan dengan ‘Parti Hantu’ yang barangkali datang dari ‘Rumah-rumah Hantu’.

hasut Nabi Allah Adam dan Siti Hawa supaya memakan ‘buah larangan’ di dalam syurga, sehingga Allah s.w.t. murka lantas menghukum Nabi Adam as dan Siti Hawa keluar dari syurga. Iblis yang telah dilaknat Allah s.w.t itu, meminta agar dia dan keturunannya diberi peluang untuk menggoda dan mengacau keturunan Adam sehingga hari kimat. Allah s.w.t. memberi peluang kepada Iblis. Iblis hanya boleh mengacau dan menggoda keturunan Adam yang tidak beriman kepada Allah atau pun tersangat nipis keimanan mereka. Manakala yang kental imannya akan tetap terselamat dari

Bersama-sama mengelar acara ini, yang dihadiri oleh sejumlah tokoh dan ulama dari berbagai daerah, termasuk Ketua MUI Prof. Dr. Ali Mustafa Al-Mazra'ah.

Foto Nusantara



jangan pecat orang ustaz islam tak galakkai pecat memecat.  
kalau ustaz pecat untungnya bukan ustaz yang dapat,  
orang lain dapat

pada hasutan syaitan. Allah s.w.t. utuskan nabi dan rasul kepada setiap ummat untuk menyelamatkan ummat manusia daripada perangkap Iblis.

Iblis atau syaitan jenis inilah yang menghasut dan mempengaruhi Fir'aun supaya memerangi Nabi Allah Musa, Namrud memerangi Ibrahim, Abu Jahal dan Abu Lahab memerangi Rasul Allah s.a.w. sewaktu di Makkah dan meracuni hati Abdullah bin Ubai bin Salul (Bos Munafiq) sewaktu Baginda s.a.w. berada dan mewujudkan negara Islam yang pertama di Madinah.

Hantu (suku sakat syaitan) mampu mengubah dirinya atau menyamar mengikut keperluan suasana, begitulah kata sesetengah orang. Hantu boleh menyamar seperti perempuan cantik, orang muda yang tampan dan sebagainya. Hantu akan mempamerkan semula identiti asalnya setelah ia yakin ataupun puas, hajatnya memperdayakan manusia tercapai. Semangat juga, dipercayai datangnya daripada puak 'hantu' yang tidak boleh di 'percayai' sama sekali. Dipercayai di sini bermaklud. 'tidak mampu mendatangkan munafaat dan mu-dharat' kepada sesama makhluk. 'Semangat' jenis seperti inilah yang didampingi oleh para bomoh yang mengamalkan 'cara menurun' apabila mengubati pesakit. Kedatangan juga manusia yang memuja berjenis-jenis Semangat di hari-hari tertentu, umpamanya puja pantai, puja nombor, puja semangat padi, puja gunung, puja matahari dan sebagainya, yang mana kalau ummat Islam terlibat hukumnya 'syirik kepada Allah s.w.t.'

Apakah pimpinan PAS sekarang, telah terperangkap dengan tektik dan tipu daya hantu? Atau Semangat sedang menganggu sehingga hampir hilang arah yang dituju? Jika begitu, cepat-cepatlah sedarkan diri. Kalau masih tidak mahu sedarkan diri akhirnya diri sendiri yang akan rugi.

Berbalik kepada Fasal 7 ceraian 1 dan 2 yang telah menetapkan bahawa hukum tertinggi PAS ialah Kitabullah dan Sunnah Rasul Allah s.a.w, Ijmak Ulamak serta Qias yang terang dan nyata, manakala kekuasaan PAS adalah diputuskan oleh Muktamar yang tertakluk kepada hukum tertinggi.

Berdasarkan kepada hukum tertinggi apakah yang mengharuskan jalinan kerjasama dengan Semangat 46? Pimpinan PAS seringkali menyatakan bahawa penerimaan kerjasama tersebut adalah kerana Semangat 46, bersetuju dengan dasar perjuangan PAS untuk menegakkan Negara Islam. Benarkah S 46 bersetuju atau sekadar memancing hati?

Sekiranya Semangat 46 benar-benar putih hati kepada perjuangan PAS, mengapa mereka (S 46) perlu mewujudkan parti yang berasingan. Bukankah lebih baik bagi mereka menyertai PAS beramai-ramai. Semangat 46 mendakwa mereka keluar daripada UMNO kerana pimpinan UMNO telah menyeleweng. Kalau benar seperti dakwaan mereka, mengapa mereka masih mahu mengekalkan perlombagaan UMNO (lama) yang terlalu rapuh untuk dijadikan pegangan perjuangan. Pimpinan Semangat 46 tidak mahu menyertai PAS secara langsung kerana mereka sedar bahawa perjuangan mereka bukanlah untuk mewujudkan negara Islam tulen, tetapi sekadar menjatuhkan pemerintah sedia ada serta mengambil alih kuasa. Malang pimpinan PAS sengaja tidak mahu menyedari hakikat ini.

Ada pun pengakuan Semangat 46 menerima Islam Ad Deen, ianya masih boleh dipertikaikan. Ad Deen memberi erti cara hidup yang lengkap dan melengkap. Bermula dari Aqidah, Ibadah, Syari'at, Dasar Perjuangan, Matlamat Perjuangan dan segala sesuatu yang diperlukan dalam kehidupan mestilah tegak di atas kemurniaan Islam. Islam adalah paksi kepada segala-galanya. Di dalam Surah Al-Baqarah ayat 208 Allah memerintahkan setiap mukminin dan mukminat supaya menganuti Islam secara keseluruhannya. Semua mukminin dan mukminat mestilah patuh kepada perintah Allah itu.

Rasul Allah s.a.w. menegah Abdullah bin Salam yang telah menganut Islam daripada membaca kitab Taurat pada malam Sabtu. Abdullah bin Salam yang pada mulanya beragama Yahudi beranggapan tidaklah salah hanya sekadar membaca Taurat. Lantas Allah s.w.t. mewahyukan kepada RasulNya ayat tersebut tadi. Dalam satu hadisnya Rasul

Allah memberi amaran kepada para sahabat dan ummatnya yang maksudnya kurang lebih ‘Kalau Nabi Musa masih hidup, kamu ikut dia dan tinggalkan Daku, nescaya kamu sesat dari Jalan Yang Lurus.’

Penulis bukanlah orang yang arif tentang persoalan hukum hakam, tetapi seperti yang diajarkan oleh ustaz-ustaz PAS, ulama-ulama PAS, menjelaskan bahawa tidak dapat diterima ke Islam orang yang hanya mengamalkan Islam sebahagian dan menolak sebahagian yang lain. Jika mengakui beriman kepada isi kandungan Al-Qur'an maka hendaklah beriman keseluruhannya, andainya beriman separuh kufur separuh nescaya Allah akan mengazab dengan kepedihan yang dahsyat di dunia dan di akhirat, begitulah maksud Al-Qur'an. Golongan insan seperti penulis, yang pada mulanya jahil, akan berpegang sungguh-sungguh kepada ajaran ustaz-ustaz dan ulama yang berdasarkan Qur'an Hadis Rasul Allah s.a.w. Bagaimana pula dengan para ulama dan ustaz-ustaz (khususnya di dalam PAS), apakah tafsiran hadis dan Qur'an itu boleh diubah-ubah mengikut keperluan semasa?

Penerimaan Islam sebagai Ad Deen oleh Parti Semangat 46 adalah sesuatu yang tidak dapat diterima. Tidak mungkin dihalalkan oleh Islam kepada mana-mana golongan yang kononnya menerima Islam sebagai AD DEEN, tetapi di masa yang sama masih berpegang kepada ajaran jahiliyah yakni ‘Assobiyyah. Terima Islam sebagai Ad Deen tetapi perlembagaannya UMNO Lama. Matlamatnya menghidupkan UMNO Lama. UMNO lama yang PAS telah lama dakwa sebagai parti toghut. Tidak dapat dinafikan, bahawa Semangat 46 kerap kali membuat akuan akan berjuang menegakkan keadilan dan memerangi kezaliman, tetapi seperti penulis sebut, bahawa memerangi kezaliman dan menegakkan keadilan adalah sesuatu yang universal. Semua ahli falsafah, pemikir, agama dan ideologi mendakwa memperjuangkan keadilan, tetapi adakah semuanya diterima oleh Islam? Jawabnya ke semuanya ditolak kecuali yang benar-benar bertunjangkan Islam.

Sepatutnya pimpinan PAS harus menyedari bagaimana

sejarah telah merakamkan tipu daya golongan yang pura-pura Islam di dalam keadaan tersepit sanggup berbuat apa sahaja. Lihatlah bagaimana gerakan 'Ikhwanul Muslimin di Mesir, yang diperdaya oleh Presiden Jamal Abd. Nassir, supaya bekerja bersama-sama demikianan demikianan kepentingan Islam. Akhirnya Ikhwanul Muslimin terperangkap dan terpedaya. Begitu juga presiden Sukarno telah mempergunakan perjuangan Islam di Indonesia dalam mencapai kemerdekaan Indonesia daripada penjajah Kristian Belanda. Sukarno menjanjikan kepada para pejuang Islam Indonesia bahawa beliau akan mewujudkan negara Islam jika Indonesia berjaya mencapai kemerdekaan, tetapi akhirnya Sukarno memerangi pejuang-pejuang Islam dan beliau sendiri hampir-hampir jadi komunis.

Pimpinan PAS Kuala Selangor ibaratkan penerimaan Ad Deen olah Semangat 46 sama seperti tubuh badan yang berkepalakan manusia manakala tangannya tangan kera, kakinya kaki harimau, dadanya dada beruang dan perutnya berperutkan musang. Apakah layak tubuh badan seperti ini di gelar manusia?

Bos-bos besar PAS selalu berkata bahawa pimpinan S 46 telah bertaubat. Mereka telah insaf dan telah menghulurkan tangan sebagai tanda persahabatan. Maka wajib PAS menerima S 46. Taubat dan insaf di dalam Islam amat digalakkan. Setiap orang yang telah melakukan dosa atau kesalahan memang disuruh bertaubat. Pintu taubat Allah s.w.t. sentiasa terbuka kepada makhluknya yang bernama manusia dan jin. Allah Maha Pengampun dan Maha Mengasihi. Tetapi perlu diingat bahawa taubat mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Jika kesalahan atau dosa yang dilakukan hanya melibatkan dosa individu kepada Allah s.w.t. umpamanya tidak puasa, tidak sembahyang, minum arak, maka taubat itu diminta hanya kepada Allah s.w.t. Setelah bertaubat kepada Allah s.w.t., maka hendaklah individu tersebut berazam tidak akan mengulangi dosa-dosa dan menyesali sungguh-sungguh kesalahan yang telah dilakukan. Individu yang telah bertaubat hendaklah mula dari saat taubat, bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala

apa yang dilarang. Serahkan kepada Allah sama ada diterima ataupun tidak taubat tersebut, kerana Allah lah yang Maha Mengetahui Lagi Bijaksana.

Bagaimana pula cara taubat yang bersangkutan dengan kesalahan sesama makhluk? Kaedahnya sama seperti syarat taubat individu tetapi perlu ditambah dengan memohon kemaafan kepada orang atau golongan yang telah dilakukan kesalahan ke atasnya. Pimpinan Semangat 46 didakwa oleh kebanyakan bos-bos PAS sebagai golongan yang telah ber-taubat. Bila masa mereka bertaubat? Pernahkah pemimpin 46 mengakui di khalayak ramai bahawa mereka telah melakukan kesalahan besar menggulingkan kerajaan PAS di Kelantan pada tahun 1978? Belum lagi kedengaran suara yang mengakui kesalahan dari kalangan pimpinan S 46 bahawa mereka juga terlibat dengan berbagai-bagai kezaliman, memeras ugut ahli-ahli PAS, menyalahgunakan kuasa, menuduh bahawa ahli-ahli PAS akan mengangkat Hj. Abd. Hadi sebagai Rasul menjelang umur beliau empat puluh tahun, menuduh PAS membawa ajaran sesat, pemecah belah dan sebagainya, sewaktu mereka (pimpinan 46) berada di dalam kerajaan.

PAS Kuala Selangor tidak akan mudah melupakan segala rupa bentuk kezaliman dan kekejaman yang dilakukan oleh pimpinan Semangat 46 sewaktu mereka berada di dalam kerajaan. Dari segi lojiknya UMNO baru masih belum melakukan kekejaman secara langsung kepada PAS. UMNO lamalah yang terlibat di dalam Peristiwa Memali. Tidak ada seorang pun pimpinan 46 yang ingin menghidupkan UMNO Lama itu, yang berani tampil ke hadapan untuk menyatakan taubat mereka secara terbuka kerana kerja-kerja kotor mereka memusuhi PAS selama ini. Taubat pimpinan 46 seperti yang didakwa oleh bos-bos PAS adalah taubat yang tidak cukup syarat menurut ajaran Islam. Taubat mereka jika ada, um-pama taubat sambal. Hilang pedas mereka akan lakukan kembali kerja-kerja mereka yang bertentangan dengan Islam. Parti Semangat 46 bukanlah parti Islam yang wajar diberikan kerjasama untuk mencapai tujuan PAS menegakkan Islam.

**Al-Qur'an** tidak pernah mengizinkan Islam disyarikatkan dengan ideologi lain yang tidak pernah diizinkan oleh Rasul Allah terhadap ummatnya. Nasionalis atau Assabiyyah 46, tetap tidak diterima sebagai ummat Muhammad di dunia dan di akhirat. Bagaimana pula bos-bos PAS boleh menerimanya?

Seterusnya penulis mengajak pembaca merenung sejenak maksud hadis Rasul Allah s.a.w.: 'Seorang mukmin tidak akan dipatuk ular sebanyak dua kali di dalam lubang yang sama.' Ular adalah sejenis binatang yang bisa. Di dalam tubuhnya ada racun yang boleh membunuh manusia. Ular adalah lambang kepada gerakan Yahudi, manakala ular tedong 'Cobra' menjadi sembahyan (pujaan) bagi pengikut Hindu. Orang Melayu pula mengambil ibarat seperti ular kepada golongan yang pembelit. Umumnya ular menjadi satu simbol yang tidak baik kepada orang Islam. Maka Rasul Allah ingatkan jangan ummatnya diperdaya dua kali di dalam suasana yang sama oleh puak yang sama. Mukminin mesti bijak dan cerdik. Mukminin tidak seharusnya bodoh dan dungu.

Awal tahun tujuh puluhan merakamkan satu sejarah bagaimana orang tua Melayu menyedari bahawa satu tapak harus dibina demi perpaduan bangsa. Maka berbincanglah UMNO dengan PAS di mana keputusannya PAS dikehendaki menyertai Barisan nasional. Cadangan itu diterima oleh PAS dalam Muktamar Khasnya. Tetapi malang, kekuatan tapak yang baru berusia setahun jagung itu telah dimusnah dan dikhianati oleh bangsa Melayu sendiri. Kekecohan sengaja diwujudkan di Kelantan yang ketika itu diperintah oleh PAS (BN). Akhirnya PAS ditendang keluar dari BN, dan terus bermusuhan dengan UMNO hingga sekarang.

Tangan siapakah yang bertanggungjawab memusnahkan tapak yang baru dibina itu? Adakah kesemua tangan ahli-ahli UMNO di seluruh Malaysia, atau tangan segelintir manusia yang begitu 'ambitious' di dalam mengejar kuasa. Kesemuanya boleh dijawab dengan begitu mudah. Sejarah tidak pernah berbohong, hanya manusia yang kerap kali menipu apabila catatan sejarah tidak memihak kepadanya. Ada pihak


yang cuba mengelirukan fakta dengan menyatakan bahawa kerajaan PAS di Kelantan pada waktu itu bukanlah kerajaan Islam yang sebenar. Kita tidak dapat nafikan perkara itu. Kerajaan PAS pada waktu itu adalah kerajaan negeri yang ter-takluk kepada kerajaan Persekutuan. Segala perubahan yang ingin dilakukan oleh kerajaan negeri yang menyentuh perkara dasar akan terbatal jika bertentangan dengan dasar kerajaan Pusat. Tetapi harus diingat, setidak-tidaknya telah terdiri kerajaan yang berteraskan Islam di negara Kelantan selama lapan belas tahun. Soal penyelewengan, ianya berlaku di mana-mana, sama ada kerajaan yang berteraskan Islam atau pun sebaliknya.

Kerajaan PAS di Kelantan ditumbangkan melalui ran-cangan penuh tipu daya oleh orang yang telah hilang ‘taring’ di dalam perebutan ‘kuasa’ UMNO 1987. Bila taring telah hilang, maka bisapun sudah tiada lagi. Ular yang tidak bertaring akan keluar daripada kelompok ular yang masih tajam taringnya. Maka keluarlah kumpulan ular yang tidak bertaring ini untuk mencari taring baru, yang mustahil diperolehi, melainkan taring tiruan bukan original.

Ular tetap ular, walaupun tidak mempunyai taring. Di dalam kesibukan mencari taring palsu, maka dengan mudah pimpinan PAS diperdaya. Lalu diberi peluang oleh pimpinan PAS kepada ‘ular-ular’ yang telah hilang taring ini untuk turut mendapat publisiti dan simpati rakyat. Pimpinan PAS terpesona dengan ‘Gurindam Perpaduan’ ular yang telah hilang taring itu. Dalam kesibukan PAS memainkan peranan mempublisitikan ular-ular itu, maka lahirlah Parti Semangat 46 yang kini menjadi taring palsu kepada ular-ular tersebut. Walaupun dengan taring palsu yang baru diperolehi, ular-ular itu, tidak segan dan silu menunjukkan kegarangannya menyembur ke hulu dan ke hilir. Jelas sekali, PAS telah terperangkap dengan mainan politik ular kerana melalaikan pesanan Rasul Allah.

Dr. Mahathir Muhammad mungkin senyum sumbing, melihat Fadhil Noor begitu ghairah menerima ular-ular itu sebagai sahabat. Dr. Mahathir kasihan melihat Fadhil Noor

yang tidak mengejutkan jika dalam mendekatnya disampaikan kesilangan PAS di Kelantan bersasarkan maklumat yang diperoleh sebelumnya. Juga banyak sepelepasnya kita tiba-tiba dapat melihat hal-hal yang PAS berasaskan itu adalah perihal yang berbeza. Ketika itu sebagaimana yang



*bukan senang nak jadi calon macam-macam fatwa kena keluarkan.*

sedang dibelit perlahan-lahan oleh ular-ular yang sudah tidak bertaring. Beliau, kenal benar dengan ular-ular tersebut. UMNO menerima mautnya hasil dari permainan ular-ular itu. Fadhil Noor barangkali memiliki keistimewaan yang tidak dipunyai oleh Dr. Mahathir. Fadhil Noor ada ‘ilmu ular’ ataupun dia pernah bersahabat dengan ‘bomoh ular’ yang mampu menjinakkan segala jenis ular. Yang jelas Dr. Mahathir walaupun seorang doktor, tidak memberi peluang kepada ular-ular tersebut terus duduk di dalam UMNO. Adalah mustahil bagi seorang doktor, tidak punya pengetahuan atau kepakaran untuk menghapuskan bisa ular, tetapi ular-ular jenis ini adalah luar biasa yang tidak pernah gentar dengan sebarang penawar bisa. Lantas langkah yang terbaik oleh Dr. Mahathir adalah dengan mencabut taring-taring mereka.

Penulis merasakan sesuatu yang tidak wajar telah merasuk dan meracuni bos-bos PAS apabila mereka begitu ‘ghairah’ menerima puak-puak ular itu duduk sekandang. Apakah bos-bos PAS sekarang ini, martabatnya lebih rendah daripada ‘emain silap mata’ di pasar-pasar malam? Emain silap mata di pasar-pasar malam tidak mengambil ular tanpa taring untuk dijadikan bahan tarikan peminat pertunjukan ‘silap mata’. Emain silap mata gunakan ular untuk mengutip seringgit dua sebagai penyambung hidup. Apakah bos-bos PAS ingin mengikut jejak langkah para emain silap mata atau telah kehilangan arah di dalam menentukan matlamat yang dituju?

Ular yang telah diusir oleh Dr. Mahathir kerana bencana kerosakan yang dilakukan terhadap UMNO, dipungut oleh Fadhil Noor konon untuk menambah tenaga PAS bagi membangunkan Dr. Mahathir. Apakah Dr. Mahathir yang kurang bijak atau Fadhil Noor yang tolol?

Ular walaupun sudah tidak ada taring tetap dibenci oleh manusia. Sekurang-kurangnya manusia akan merasa gelisah apabila terpandang atau terpegang ular. Lainlah halnya dengan ‘Jake The Snake Robert’ ahli gusti WWF yang punya banyak peminat. Jake The Snake Robert menjadikan ular sebagai ‘identiti’ untuk popular. Apakah Fadhil Noor berhajat untuk menjadi popular dengan nama ‘Fadhil The

Penulis amat khuatir jika satu hari nanti terdapat muslimat PAS yang melahirkan bayi kembar ular, sebagaimana pernah terjadi pada tahun enam puluhan apabila seorang ibu melahirkan bayi di kembari ular. Suasana ketika ini menampakkan bagaimana ular-ular 46 telah mula berjinak-jinak dan menggeleser di tepi-tepi jubah para muslimat PAS. Para muslimat PAS pun nampaknya sudah tidak berapa geli lagi terhadap ular-ular yang mula manja. Ingatlah wahai pemimpin PAS! janganlah nanti kamu dituduh sebagai penggadai agama apabila kamu sudah tiada lagi bernafas di dunia ini.

Bos-bos PAS selalu memberitahu 'grassroot' bahawa muktamar telah meluluskan gagasan persefahaman atau kerjasama dengan S 46. Perkara ini dirujuk kepada Muktamar Tahunan PAS 1989 apabila tema ucapan dasar YDP PAS Pusat 'Ke arah Perpaduan Ummah' diterima sebulat suara oleh para perwakilan. Janganlah menjadi puak yang pembohong. Bohong apabila bercakap adalah tanda golongan munafik, seperti yang diingatkan oleh Rasul Allah terhadap ummatnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa di antara perkara yang disentuh dalam ucapan dasar tersebut ialah perpaduan. Tidak ada seorang manusia yang waras menolak perpaduan. Soalnya adalah perlaksanaan kepada perpaduan yang dimaksudkan oleh 'ucapan dasar' tersebut semata-mata ditujukan kepada jalinan dengan S 46? Apakah perpaduan yang diperjuangkan oleh pimpinan PAS terlalu sempit skopnya. Jelasnya, pimpinan PAS mengambil kesempatan daripada penerimaan ucapan dasar tersebut untuk membohongi ahli-ahli PAS peringkat bawahan bagi menghalalkan niat mereka bersekongkol dengan S 46.

Dato' Hj. Mohd. Asri yang disebut sebagai pemimpin 'sekular' oleh orang-orang seperti Fadhil Noor, nampaknya lebih bermaruah dan berhemah daripada pemimpin yang melaungkan slogan kepimpinan ulama'. Dato' Hj. Mohd. Asri sewaktu memimpin PAS tidak pernah melanggar per-

untukan di dalam perlumbagaan PAS dalam segala tindak tanduknya.

Tatkala ingin membawa PAS ke dalam Barisan Nasional, Dato Hj. Mohd. Asri memanggil para perwakilan PAS dari seluruh negara untuk membincangkan hal itu di dalam Muktamar Khas. Soal sama ada terdapat penyelewengan atau membeli undi di dalam muktamar tersebut, adalah sesuatu yang lain. Pokoknya Dato Hj. Mohd. Asri telah menyempurnakan tuntutan Perlumbagaan PAS. Muktamar Khas ketika itu telah menerima dengan suara majoriti kemasukan PAS dalam BN.

Walaupun Dato Asri telah menyertai UMNO, namun disiplin kepartian yang beliau amalkan sewaktu menerajui PAS, tetap dihormati oleh sebahagian besar ahli-ahli PAS, hingga ke saat ini.

Tentu terdapat perbezaan di antara pemimpin yang di gelar sebagai 'sekular' dengan pemimpin ulama. Perbezaan yang diharap-harapkan oleh segenap lapisan ahli PAS. Perbezaan yang diinginkan oleh ahli bukanlah sekadar kefasihan atau kelancaran pimpinan mentafsirkan isi kandungan Qur'an dan Hadis. Pengisian ke arah memenuhi tuntutan 'kepimpinan ulama' mestilah dilaksanakan secara total, bertolak daripada kaedah berorganisasi, pendidikan mental ahli, gerak kerja yang lebih saintifik dan lain-lain perkara yang bersangkutan.

'Kepimpinan ulama' Fadhil Noor tidak menampakkan apa-apa perubahan melainkan sekadar menambah bilangan ahli yang kagum dengan kehebatan diri sendiri. Sikap yang paling negatif dalam mana-mana pertubuhan atau parti ialah apabila sebahagian besar ahlinya tidak mempunyai pendirian yang ditegakkan atas dasar kefahaman, sebaliknya tertegak berteraskan emosi yang meluap-luap.

memenuhi tuntutan kepimpinan ulama'. Fadhil Noor gagal memenuhi tuntutan perlumbagaan PAS. Penulis percaya jika Fadhil Noor memanggil Muktamar Khas untuk memutuskan gagasan APU maka perwakilan akan menolaknya. Fadhil Noor pun memahami hal ini.

Gagasan Angkatan Perpaduan Ummah yang diterima oleh PAS bukanlah keputusan parti. Ianya adalah keputusan yang telah dirancang oleh Fadhil Noor dan rakan pedagang politiknya. Ahli peringkat bawahan dipaksa menerima bahan dagangan ini secara halus. Keputusan parti adalah keputusan yang dicapai oleh pemimpin dan ahli peringkat bawahan secara bersepada. Tidak dapat ditolak, bahawa pemimpin berhak membuat sesuatu keputusan tertentu tanpa merujuk kepada ahli bawahan, tetapi kepada mana-mana keputusan yang memerlukan perlaksanaan yang menyeluruh samada di peringkat pimpinan atau orang bawahan maka ianya mestilah diputuskan oleh kedua-dua pihak yang terlibat.

Bos No. Wahid PAS dan rakan-rakannya, memberitahu ahli, bahawa Majlis Syura' Ulama' telah mempersetuju gagasan APU, untuk menguatkan hujahnya. Penulis bukanlah berhajat untuk mempertikaikan kewibawaan Majlis Syura' Ulama PAS yang diilhamkan dari majlis yang sama di Republik Islam Iran. Majlis Syura Ulama PAS berbeza dari sudut keanggotaan dan perlaksanaannya dari majlis yang sama di Iran. Majlis Syura' Ulama' PAS dianggotai oleh orang-orang berkepentingan. Mereka (ahli Majlis Syura' Ulama' PAS) masih lagi berhajat untuk menjadi YB samada di peringkat Negeri atau Parlimen. mereka yang terkecuali daripada pergolakan politik PAS. Malahan sebahagian besar dari 12 orang ahli majlis tersebut adalah pemegang jawatan penting dalam AJK PAS Pusat dan Dewan Ulama' PAS Pusat. Fadhil Noor, Hj. Abd. Hadi Awang, Daeng Sanusi, Ustaz Yahya Osman, Nik Hj. Abd. Aziz adalah di antara ahli Majlis Syura' Ulama PAS yang tidak dapat lari daripada kepentingan politik kepartian.

Majlis Syura' Ulama yang peranannya sebagai pemerhati dan pengawasan kepada perlaksanaan dasar parti telah bertukar kepada Majlis Rubber Stamp. AJK PAS Pusat dan AJK Dewan Ulama PAS Pusat yang sepatutnya berada dibawah pengawasan Majlis Syura Ulama telah mencemari kewibawaan majlis tersebut. Apakah di negara ini kekurangan Tok Tok Guru yang menyokong perjuangan PAS untuk

diketengahkan sebagai ahli Majlis Syura Ulama, atau bos-bos PAS memang tidak memerlukan Tok Tok Guru ini kerana khuatir akan menjadi penghalang kepada nafsu politik mereka.

Khabar yang dapat dipercayai, memberitahu bahawa Mursyidul 'Am (Ketua) Majlis Syura Ulama PAS Tuan Guru Hj. Yusof Rawa tidak bersetuju dengan persefahaman PAS bersama S 46 dalam APU. Akhbar tabloid Nusantara menyatakan berita tersebut. Hingga ke saat buku ini ditulis tiada sebarang penafian daripada bos-bos PAS terhadap berita itu. Jika Hj. Yusof Rawa Mursyidul 'Am Majlis Syura Ulama' tidak bersetuju bagaimanakah Fadhil Noor boleh mengumumkan majlis menyetujui APU?

Apakah Fadhil Noor telah memberi isyarat kepada orang tua yang selalu uzur itu, bahawa telah tiba masanya orang tua yang senang diajak berunding ini mengundur diri dari jawatan Mursyidul Am.

Penulis dapat mengagak bahawa Fadhil Noor sudah tidak sabar-sabar lagi untuk mengambil alih tempat Hj. Yusof Rawa. Jawatan YDP PAS Pusat masih belum lagi menjamin kedudukan yang kukuh dalam parti melainkan jawatan Mursyidul 'Am Majlis Syura Ulama disandang sama.

Penulis ingin mengemukakan bukti yang barangkali tidak pernah difikirkan oleh orang lain. Majlis Mengenang Jasa Empat Tokoh Veteran PAS yang diadakan di Pulau Pinang pada pertengahan tahun 1989 adalah diketengahkan untuk bahan pemikiran pembaca. Empat tokoh veteran PAS yang diraikan ialah Tuan Hj. Zabidi Ali, Dr. Hj. Abbas Alias, Ustaz Hj. Baharuddin A. Latiff dan Tuan Guru Hj. Yusof Rawa sendiri.

Kepada ketiga-tiga tokoh Zabidi Ali, Dr. Abbas dan Baharuddin Latiff adalah lojik untuk dikenang jasa mereka, kerana mereka tidak lagi memegang sebarang jawatan penting di peringkat negeri dan Pusat. Adalah paling tidak lojik Hj. Yusoff Rawa yang masih memegang jawatan paling penting (Mursyidul Am) turut sama dikenang jasanya. Bukankah ini suatu taktik paling halus untuk menyingkirkan orang tua

yang disenangi oleh ramai ahli PAS ini? Ingatlah! Fadhil Noor, jika enta gagal menghormati orang tua, maka tidak salah PAS Kuala Selangor menentang enta secara terbuka.

Berbalik kepada Parti Semangat 46, yang PAS dakwa mempunyai titik persamaan matlamat perjuangan di antara keduanya. Dakwaan pimpinan PAS tidak lebih dakwaan tanpa bukti yang sahih. Mahkamah akan menolak kes yang dibicarakan tanpa bukti yang sahih. Begitu juga PAS Kuala Selangor tetap menolak dakwaan pimpinan PAS Pusat dan Negeri.

Parti Semangat 46 tidak mempunyai sebarang persediaan untuk melayakkan dan mengakui dirinya sebagai pejuang atau parti yang berlandaskan Ad Deen Ul Islam. Siapakah yang layak untuk mentafsir Deen Nul Islam dalam wadah perjuangan? Adakah tokoh-tokoh seperti Dato Rais Yatim, Puan Marina Yusof, Dato Zainal Abidin Zain dll mampu menafsirkan tuntutan Deen Nul Islam? Yang pasti tokoh-tokoh tersebut tidak mampu berbuat begitu kerana mereka bukanlah arif dalam urusan itu. Apakah pimpinan PAS telah menganugerahkan tokoh-tokoh yang disebutkan tadi tauliah sebagaimana Jabatan Agama memberi tauliah kepada ustaz-ustaz yang difikirkan layak untuk mengajar di masjid dan di surau-surau.

Parti Semangat 46 tidak mempunyai ulama yang berwibawa untuk menterjemahkan maksud Deen Nul Islam yang mereka dakwa sebagai teras perjuangan kononnya. Ustaz Ibrahim Azemi Hassan dan Ustaz Hj. Sulaiman Palestin kurang kemampuan untuk berbuat demikian. Suara kedua hamba Allah ini akan tenggelam begitu sahaja di tengah-tengah suara golongan sekular yang menjadi pendokong utama parti tersebut.

Penasihat Agung Parti Semangat 46 YAM Tunku Abdul Rahman Putra, adalah insan yang pernah menghina hukum Islam. Rakyat Malaysia yang cintakan Islam masih belum dapat melupakan bagaimana Tunku tidak bersetuju Malaysia dijadikan Negara Islam. Beliau juga pernah merendah-rendahkan hukuman hudud terhadap penzina dan pencuri yang

dianggap telah ketinggalan zaman. Mungkin hobi beliau bermain kuda masih lagi diteruskan hingga ke saat ini.

Tunku, yang satu ketika dulu Fadhil Noor dan orang-orang sepertinya anggap sebagai orang tua nyanyuk, tetapi kini disanjung dan dipuja oleh Fadhil Noor dan kuncuk-kuncunya. Di manakah maruah manusia seperti ini, adakah politik itu tidak menghiraukan lagi persoalan maruah? PAS Kuala Selangor masih belum dapat memaafkan kenyataan Tunku yang pernah menghina Islam dan tidak pernah mengiktiraf beliau sebagai orang yang inginkan Malaysia dijadikan negara Islam. Tunku Abdul Rahman belum pernah menarik balik kenyataan penghinaannya terhadap Islam secara terbuka.

Tunku Abdul Rahman pernah berkata bahawa pertemungan di antara UMNO dengan Semangat 46 adalah semata-mata ingin memulihkan demokrasi yang kian terhakis di Malaysia. Beliau juga kerapkali berkata bahawa beliau ingin lihat Dr. Mahathir jatuh sebelum beliau meninggal. Tidak pernah sebut fasal negara Islam. Apakah Fadhil Noor tidak semua ini?




Foto Nusantara.

*Haji Tohirin Ahmad.*

## **PILIHANRAYA KECIL PANTAI MERDEKA**

**H**aji Subky A. Latiff Ketua Penerangan PAS Pusat (Ketua Propaganda APU) dalam Akhbar The Star 9hb. Mac 1990, menyebut bahawa Jawatankuasa Disiplin PAS Pusat akan bermesyuarat bagi menentukan nasib beberapa orang pimpinan PAS Kuala Selangor yang begitu lantang mengkritik kerjasama bos-bos PAS Pusat dengan Semangat 46.

Dalam kenyataan tersebut Ketua Propaganda APU itu di antara lain menyebut bahawa PAS akan memecat tiga pimpinan PAS Kuala Selangor. Ketiga-tiga yang terlibat ialah YDP Kawasan Muhyayat Hj. Yusof, Setiausaha Kawasan Sulaiman Amnan dan Penolong Setiausaha Kawasan Abd. Fahman Mahfuz. Sementara Naib YDP Kawasan Hj. Tahirin Ahmad akan dikenakan amaran keras. Menurut Hj. Subky ke empat-empat pemimpin tersebut telahpun disyorkan (dicadangkan) oleh Perhubungan Negeri Selangor yang bermesyuarat pada 4hb. Februari 1990 supaya dikenakan tindakan seperti yang disebut.

Penulis dan rakan-rakan yang terlibat serta seluruh AJK PAS Kuala Selangor mengerti maksud Hj. Subky itu. Tujuan Subky berbuat demikian, adalah untuk menutup mulut serta

menakut-nakutkan PAS Kuala Selangor agar jangan membuat sebarang kenyataan yang boleh menjelaskan prestasi PAS, bagi menghadapi pilihanraya kecil Pantai Merdeka. Biarlah PAS (APU?) menghadapi pilihanraya kecil Pantai Merdeka nanti dalam suasana yang tenteram.

Sekali lagi Ketua Propaganda APU dan Bos-bos PAS melakukan kesilapan kerana kebebalan mereka. PAS Kuala Selangor bukannya budak hingusan yang mudah ditakut-takutkan. Seluruh AJK PAS Kuala Selangor tidaklah sayang sangat jawatan yang mereka sandang dalam PAS. Mereka tidak menjadikan PAS sebagai gelanggang mencari makan ataupun tiket untuk bakal-bakal calon YB. Subky dan rakan-rakan pedagang politiknya, memang sayangkan jawatan kerana mereka gilakan pangkat. Jawatan dalam PAS mereka jadikan alat bagi memenuhi angan-angan ‘Mat Jenin’ yang tidak pernah tercapai. PAS Kuala Selangor tidak pernah menjilat ludahnya semula, tetapi Hj. Subky, Fadhil Noor, Halim Arsat Daeng Sanusi, Hj. Hadi, Nik Aziz dan lain-lain sanggup menjilat ludah mereka walaupun ludah itu telah sebatи dengan najis dan habuk-habuk serta kotoran.

Dulu hentam UMNO lama (Sekarang Semangat 46) habis-habisan. Khalimat kafir, thoghut, jahiliyyah, mustakbirin, asobiyyah dan sebagainya ditujukan kepada UMNO lama, sekarang disanjung hingga tidak cukup kata-kata manis yang dihamburkan. Itulah dia perangai bos-bos PAS yang tidak malu-malu memberitahu dunia bahawa mereka menjunjung Qur'an dan Hadis Rasul Allah s.a.w. Bos-bos yang tidak punya harga diri ini tidak sewajarnya dihormati lagi. Arahan mereka tidak patut diikuti. Bertolak dari sini, maka AJK Dewan Harian PAS Kuala Selangor memutuskan bahawa langkah yang wajar perlu diambil untuk mengajar bos-bos yang tidak sedar diri lantaran diresapi oleh semangat yang berpuaka.


Pada 11.3.1990 sehari sebelum hari penamaan calon pilihanraya kecil Pantai Merdeka, PAS Kuala Selangor telah menghantar sepucuk telegram kepada YAB Menteri Besar Kedah. Telegram itu meminta jasa baik MB Kedah supaya

mengumumkan bahawa PAS Kuala Selangor menyeru agar ahli-ahli dan penyokong PAS di kawasan Pantai Merdeka jangan memberikan undi mereka kepada calon PAS (APU?) untuk menghukum pimpinan PAS yang telah menyeleweng kerana bersekongkol dengan buangan UMNO S 46 dan DAP. Dengan izin Allah telegram tersebut telah sampai ke tangan MB Kedah dan dibacakan pada hari penamaan calon. RTM telah sudi membuat liputan dalam Berita Perdana pada malam 12.3.1990. Hasilnya suasana benar-benar menjadi gempar dan kelam-kabut khususnya di pihak PAS.

AKHBAR KUMPULAN Utusan Melayu dan The Star telah menyiaran berita penghantaran telegram tersebut pada 13.3.1990. Hj. Fadhil Noor di dalam akhbar-akhbar yang sama (walaupun Utusan Melayu telah lama dipulaukan, oleh PAS), nampaknya begitu emosi menghadapi isu telegram Kuala Selangor itu. Hj. Fadhil Noor menuduh penghantar telegram tersebut sebagai golongan yang tidak siuman dalam berpolitik serta pengkhianat kepada parti.

Bos No. Wahid PAS itu, menambah bahawa sekiranya penghantar telegram tersebut yakni YDP, Setiausaha dan Penolong Setiausaha PAS Kawasan Kuala Selangor sudah tidak suka kepada PAS mereka hendaklah keluar daripada PAS. Jika mereka tidak mahu keluar maka mereka akan dipecat serta merta. Begitulah kurang lebih maksud yang terkeluar daripada lidah Fadhil Noor yang tidak bertulang.

Sebelum kita pergi lebih jauh, ada lebih baiknya penulis kemukakan hujah mengapa telegram itu perlu dihantar. Para pembaca haruslah memahami bahawa tujuan PAS Kuala Selangor menyeru para penyokong dan ahli PAS agar jangan memberikan undi kepada calon APU (?) itu adalah untuk menghukum manusia seperti Fadhil Noor dan rakan kongsi politiknya. Fadhil Noor dan Company telah menyelewengkan dasar PAS kerana menjadikan S 46 dan DAP sebagai partner di dalam mencapai impian politik. Sebelum dari ini, PAS Kuala Selangor telah pun berkali-kali meminta Fadhil Noor agar menjelaskan kepada 'grassroot' atas dasar dan hukum apakah penghalalan kerjasama dengan 46 dan



**Abdul Rahman Mahfuz.**

DAP. Mulut Fadhil Noor dan rakan kongsi politiknya tutup rapat, tidak langsung mengendahkan permintaan Kuala Selangor yang menjadi wakil sebahagian besar 'grassroot' PAS di negara ini. Demi untuk menyelamatkan PAS daripada diselewengkan oleh manusia-manusia yang memperalatkan perjuangan Islam semata-mata untuk mendapatkan kekuasaan, maka adalah wajar telegram tersebut dihantar. mahu menyeru agar para penyokong dan ahli-ahli PAS supaya memulaukan pilihanraya kecil itu, tetapi setelah mendapat nasihat pihak tertentu bahawa tindakan itu merupakan hasutan maka penulis dan rakan-rakan terpaksa membatalkan niat tersebut. PAS Kuala Selangor juga mendapat maklumat diperingkat awal, bahawa akan ada calon bebas yang diperlajai dari kalangan ahli PAS beranding di pilihanraya kecil itu. Khabarnya ahli PAS yang disebut-sebut bakal bertanding itu berpunca dari rasa kurang puas hati atau memprotes kerjasama pimpinan PAS dengan 46 dan DAP. Maka telegram yang dihantar bertujuan agar para pengundi (ahli dan penyokong PAS) supaya memberikan undi mereka kepada calon berkenaan ditakdirkan ianya benar-benar bertanding. Tidak timbul PAS Kuala Selangor menyeru para penyokong PAS supaya menyokong calon Barisan Nasional.

Setelah hari penamaan calon berlalu, maka hasilnya hanya dua orang calon masing-masing daripada BN dan PAS (APU?) sahaja yang bertanding. Calon daripada ahli PAS yang disebutkan tadi ghaib begitu sahaja. Namun begitu, PAS Kuala Selangor tidak pernah menyesal dan terkilan menghantar telegram tersebut. Semuanya kita telah kaji buruk dan baiknya. Jika ahli-ahli PAS memberikan undi mereka kepada calon APU(?) dan sekiranya ditakdirkan menang, maka manusia-manusia pedagang politik PAS ini akan bertambah angkuh dan terus menyesatkan grassroot dari perjuangan Islam yang tulin.

Hj. Abd. Halim Arsat (super pengampu kepada Fadhil Noor dan APU) selaku Setiausaha Agung PAS dalam Mingguan Kota 17.3.1990 membuat kenyataan bahawa BN sebagai parti yang tidak bermaruah kerana sanggup memper-

alatkan insan sekerdil Muhayat. Penulis tidak pernah berniat untuk menyokong BN dan penulis sendiri tidak terlibats untuk diperalatkan BN. Sebaliknya Hj. Halim Arsatlah manusia yang tidak punya harga diri kerana menuduh tanpa sebarang bukti. Penyebar fitnah ulung ini hanya layak ber-kawan dengan Si Kitol, jika Hj. Halim hidup sezaman dengan pengkhianat yang memporak-perandakan Kerajaan Melayu Islam Melaka itu. Jika Hj. Halim Arsat manusia yang bermaruah, maka tidak akan ada pemimpin bawahan PAS yang berani mencabar beliau dan saudagar-saudagar politik, seperti yang dibuat oleh PAS Kuala Selangor.

Dasar muka tembok, masalah dalaman parti tidak mampu untuk dibereskan tetapi mulut yang seluas mulut tempayan itu tidak malu-malu menuduh orang lain (walaupun musuh politiknya) tidak bermaruah. Satu kawasan kecil seperti Kuala Selangor ini pun gagal untuk dikawal bagaimana pula halnya untuk mentadbir satu negara yang bermula dari Perlis hingga Ke Sabah? Berfikirlah gunakan akal, jangan berfikir menggunakan tempurung lutut. Kalau sudah benar-benar gian hendak menjadi YB atau menteri janganlah pula hingga sanggup memperdagangkan Islam yang suci murni.

PAS Kuala Selangor dalam Akhbar Kumpulan Utusan Melayu, Mingguan Tabloid Nusantara dan Mingguan Kota pada minggu selepas penamaan calon pilihanraya kecil Pantai Merdeka, menafikan bahawa mereka tidak siuman dan pengkhianat kepada parti. Untuk membuktikan siapakah yang tidak siuman dan pengkhianat kepada PAS maka PAS Kuala Selangor mencabar Hj. Fadhil Noor supaya mengadakan debat secara terbuka di Pantai Merdeka. Biar rakyat Pantai Merdeka menjadi hakim kepada perdebatan tersebut. Malangnya Fadhil Noor tidak berani menyahut cabaran Kuala Selangor.

Hj. Fadhil Noor supaya mengadakan debat secara terbuka di Pantai Merdeka. Biar rakyat Pantai Merdeka menjadi hakim kepada perdebatan tersebut. Malangnya Fadhl Noor tidak berani menyahut cabaran Kuala Selangor.

PAS Kuala Selangor tidak menyangka Fadhil Noor ini

manusia pengecut. Dulu dialah yang kerap kali mengajak UMNO berdebat. Bukan main hebat lagi Fadhil Noor dan rakan-rakan politiknya mencanang ke hulu ke hilir bahawa dia sanggup berdebat bila-bila masa sahaja dengan UMNO. Begitu juga Hj. Hadi Awang menyatakan sanggup bermuzakarah berdasarkan Qur'an dan Hadis dengan UMNO. Penulis ingin menasihatkan tokoh-tokoh APU (?) ini, sebelum mereka mengajak UMNO berdebat atau bermuzakarah berdasarkan Qur'an dan Hadis, maka terlebih dahulu kenalah berdebat dengan ahli-ahli PAS sendiri. Jika dengan ahli sendiri pun tidak berupaya untuk menyelesaikan masalah berdasarkan Qur'an dan Hadis macam mana UMNO hendak percaya. Jemaah Islah PAS pun kerap kali mengajak tokoh-tokoh PAS (APU?) ini berdebat, tetapi tidak seorang pun tokoh PAS (APU?) yang berani tampil ke hadapan. Bagi Kuala Selangor, Jemaah Islah PAS adalah terlalu 'alim untuk berdepan dengan Fadhil Noor dan Hj. Hadi, oleh itu buat permulaan biarlah PAS Kuala Selangor yang mengajar pemimpin-pemimpin angkuh itu.

Berbalik kepada apa yang tersiar dalam akhbar-akhbar bahawa PAS Kuala Selangor menyokong calon BN dalam pilihanraya kecil Pantai Merdeka, penulis tidak berhasrat untuk membuat tanggapan yang negatif terhadap para pemberita akhbar tersebut. Malaysia adalah negara demokrasi. Oleh itu kesemua pihak berhak bersuara dan bebas mentafsirkan maksud sesuatu perkara. Penulis percaya bahawa para pemberita hanya mengambil dan menganalisa maksud kandungan telegram tersebut berdasarkan kepada pengamatan mereka. Mereka punya hak tersendiri. Namun begitu, penulis dan PAS Kuala Selangor tidak pernah mengarahkan agar para penyokong PAS Supaya menyokong calon BN dalam pilihanraya kecil tersebut.

Tidak dapat dinafikan bahawa penghantaran telegram tersebut menguntungkan BN. Dan tidak keterlaluan jika ditarifkan bahawa kerja PAS Kuala Selangor ini seolah-olah ada persamaan dengan UMNO. Tetapi satu yang harus diingat bahawa manusia tidak boleh disamakan dengan monyet walau-



Foto Nusantara.

**Suhaimi Amnan.**

pun kedua-duanya gemar makan pisang. BN memerangi Angkatan Perpaduan Ummah (APU?) kerana untuk mengekalkan kekuasaan politik mereka, sementara PAS Kuala Selangor mentang APU (?) adalah untuk menyelamatkan PAS daripada dicabuli dasarnya yang murni.

Fadhil Noor dan rakan-rakan kongsi politiknya yang telah begitu lama berada di arena politik, nampaknya tidak menunjukkan kematangan dalam tindak tanduk yang mereka ambil. Penghantaran telegram PAS Kuala Selangor yang sepatutnya dipandang dari sudut politik tetapi tafsiran Fadhil Noor berdasarkan emosi yang meluap-luap. Bukanlah penulis ingin menafikan kewujudan emosi di dalam diri Fadhil Noor, kerana setiap makhluk yang bernama manusia ini tidak boleh lari dari emosi. Yang penting, emosi mestilah dikawal oleh akal. Emosi tanpa akal akan menjurus kepada gila. Sementara akal tanpa emosi akan menjadikan seorang manusia itu pasif. Dalam hal ini, Fadhil Noor lebih cenderung kepada tindakan gila yang menampakkan kurang kualiti pimpinan beliau. Fadhil Noorlah yang memulakan kerja-kerja yang tidak sihat di dalam PAS apabila beliau merelakan PAS didakapi 46, lataran itu satu tindakan ‘kurang ajar’ terpaksa diambil demi menyelamatkan maruah PAS dari tergadai.

Sesetengah orang berkata, khasnya para penjilat APU (?), bahawa tindakan PAS Kuala Selangor adalah tindakan yang melanggar batas-batas akhlak Islam. PAS Kuala Selangor sering dituduh sebagai golongan yang tidak menghormati orang tua. Memang benar PAS Kuala Selangor tidak menghormati orang tua (boss-boss PAS), kerana orang tua sendiri tidak pernah mengamalkan akhlak yang sewajarnya kepada orang muda. Boss-boss PAS hanya memikirkan hak mereka tetapi tidak pernah memikirkan apakah hak orang-orang di bawah pimpinan mereka. Mereka hanya memandang orang-orang bawahan sebagai golongan kerdil tetapi mereka lupa bahawa orang bawahan juga adakalanya memandang mereka terlalu halus.

Salah satu dari tindakan kurang bermaruah, yang diambil oleh pedagang-pedagang politik PAS di peringkat Negeri dan Pusat, dalam memerangi isu telegram Kuala Selangor ialah

dengan membuat kenyataan akhbar dalam Watan pada 20hb. Mach 1990 dan Harakah pada 23hb. Mach 1990.

Dalam persidangan akhbar tersebut, dengan diketuai oleh Setiausaha Perhubungan PAS Selangor Fauzie Shafie (yang masih pekat menganut fahaman IRC), maka berkumpullah beberapa orang yang dikenalpasti sebagai super penjilat kepada 46, dan super pengampu kepada boss-boss PAS. Jurucakap kumpulan pengampu dan penjilat ini ialah Hj. Jamil Nawawi (yang telah KO di dalam Mesyuarat Agong Khas Pemulihan PAS Kuala Selangor pada 25.11.1989). Kumpulan pengampu dan penjilat ini sememangnya terdiri daripada mereka yang telah kecewa kerana tidak mendapat sebarang tempat di dalam pimpinan PAS Kawasan Kuala Selangor. Mereka adalah puak yang telah diprogramkan menjadi gurkha-gurkha kepada PAS Pusat dan Negeri. Tetapi malang gurkha-gurkha tersebut adalah gurkha yang bebal yang tidak dapat memenuhi impian PAS Negeri dan Pusat. Siang-siang mereka telah tersingkir. Walaubagaimana pun di kalangan kumpulan ini terdapat seorang bekas Setiausaha PAS Kawasan Jantan (namanya sama dengan pengendali ruangan SATU DUA TIGA LEKUP di dalam Akhbar Harakah, mungkin satu keturunan) Busu yang telah dipecat kerana suka menyebar fitnah. Jantan Busu ini hanya menjadi Setiausaha kurang lebih dua bulan sahaja. Seorang lagi ialah Abd. Rahman bin Bujang juga bekas AJK yang telah dipecat kerana gagal menunaikan ikrar.

Ab. Rahman Bujang ini, adalah AJK yang dilantik setelah Mesyuarat Agung Pemulihan PAS Kawasan. Beliau menerima lantikan itu setelah memenuhi syarat bersumpah tidak akan menyokong kerjasama dengan 46. Sebelum lantikan tersebut beliau adalah bekas Bendahari PAS Kawasan. Abd. Rahman Bujang inilah yang terlibat di dalam menghidupkan cawangan 46 Bukit Belimbang walaupun beliau seorang ahli PAS. Dan manusia inilah di antara contoh yang tidak tahu membezakan mana satu PAS dan mana satu 46. Kumpulan manusia kecewa yang tiada pendirian inilah yang diperalatkan oleh PAS Negeri dan Pusat, untuk menafikan bahawa mereka menyokong tindakan menghantar telegram PAS Kuala Selangor.

Sebagai menguatkan hujah kumpulan penjilat dan pengampu ini, terhadap penentangan mereka kepada tindakan PAS Kuala Selangor menghantar telegram kepada MB Kedah itu, lalu disebutkan beberapa cawangan berdiri di belakang mereka. Adalah suatu yang mengaibkan bahawa beberapa cawangan yang mereka sebut itu sebenarnya adalah cawangan yang tidak sah dan tidak pernah wujud di dalam PAS Kuala Selangor. Di antaranya Cawangan Batang Berjuntai, Assam Jawa, Batu 8 dan Batu 28 Ijok. Bagaimana mereka mendakwa mewakili cawangan-cawangan tersebut sedangkan cawangan tersebut tidak ada di dalam senarai? Begitulah gambaran kebebalan pimpinan PAS, khususnya pimpinan Negeri Selangor yang menjadi dalang kepada persidangan akhbar yang dipenuhi dengan berita yang fasik. PAS Kuala Selangor telah pun menghantar surat kepada Pesuruhjaya PAS Selangor Hj. Ismail Hashim meminta bukti keterangan (sijil pendaftaran) cawangan-cawangan haram itu dan jika gagal PAS Kuala Selangor akan membuat aduan polis.

Penulis tidak berhasrat untuk memperbesarkan ‘persidangan akhbar’ tersebut, tetapi hanya sekadar memberitahu hakikat sebenar pekerti buruk pimpinan PAS yang telah tenggelam punca menghadapi cabaran Kuala Selangor.

PAS Pusat dan Negeri Selangor mengharap dari kenyataan akhbar tersebut PAS Kuala Selangor akan menerima pukulan maut. Mereka yakin bahawa isu telegram Kuala Selangor akan mati begitu sahaja. Sekali lagi para penganalisa politik PAS ini melakukan kesilapan besar. Kumpulan yang digelar pemberontak (para penentang persefahaman PAS dengan 46) tidak pernah kehabisan idea. Sesuatu yang tidak diduga telah terjadi, penulis mendapat jemputan khas daripada beberapa cawangan PAS di Negeri Kedah agar dapat berkunjung ke Sungai Petani sebelum hari pembuangan undi. Cawangan-cawangan tersebut adalah mereka yang tidak puas hati dan menentang kerjasama PAS dengan 46 dan DAP.

Pada mulanya penulis, Suhaimi dan Abd. Rahman ragu untuk memenuhi permintaan cawangan-cawangan ter-

sebut kerana khuatir mungkin ianya sebagai perangkap. Tetapi setelah surat jemputan yang diterima itu disertakan bersama-sama sejumlah wang tambang dan kebetulan nama pengirimnya dikenal pasti sebagai penyokong kuasa PAS tulin, maka kami bertiga memberanikan hati untuk menerima undangan mereka.

Penulis bersama Suhaimi Amnan Setiausaha PAS Kawasan dan Abd. Rahman Mahfuz Penolong Setiausaha PAS Kawasan sampai ke Sungai Petani pada 22hb. Mac 1990 yakni dua hari sebelum pembuangan undi. Sebelum kepergian kami, pada 18hb. Mac, 1990 satu rakaman video telah dibuat. Rakaman video itu memuatkan sebab musabab penentangan Kuala Selangor terhadap APU (?) serta perkara-perkara lain yang kami khususkan mengapa calon APU (?) tidak wajar diberikan undi di pilihanraya kecil Pantai Merdeka. Pita rakaman itu dihantar kepada pihak yang memerlukannya dan yang kami fikirkan perlu untuk memastikan ia-nya dapat ditonton oleh semua pihak. Penghantaran tersebut kami buat pada 20hb. Mac 1990. Sesampainya kami di Sungai Petani, kami diberitahu bahawa rakaman video itu telah tersebar luas di setiap bilik gerakan pilihanraya BN. Ramai juga ahli PAS yang turut sama menontonnya. Mungkin Fadhil Noor sendiri pun telah menatapinya. Soal bagaimakah pita rakaman tersebut telah tersebar begitu luas bukanlah masalah kami, kerana yang kami hantar melalui Pos kepada pihak yang memerlukan hanyalah satu salinan.

Setelah kami memberikan taklimat kepada para penentang persefahaman PAS dengan 46 di Sungai Petani pada sebelah pagi 22hb. Mac 1990, maka sebelah petangnya kami telah ditemubual oleh RTM. Kami tidak tahu siapakah yang mengatur program tersebut, mungkin orang PAS yang mengundang kami atau mungkin golongan yang lain. Pada temubual tersebut kami telah menyeru agar seluruh ahli PAS bangkit memberikan penentangan secara terbuka terhadap pimpinan PAS yang telah menyeleweng kerana bermaufakat dengan 46 dan DAP. Kami juga menyebut bahawa PAS kini telah dikuasai oleh pedagang-pedagang politik yang memper-

alatkan Islam. Kami juga berkesempatan mempamerkan surat sokongan ahli-ahli PAS Daerah Kuala Pilah dan Jempol N. Sembilan yang telah menyatakan sokongan penuh mereka terhadap perjuangan kami.

Malam 22hb. Mac, 1990 menyaksikan sekali lagi, bagaimana pimpinan PAS yang tidak punya malu itu menerima padah hasil dari kebebalan mereka. RTM di dalam siaran Berita Perdana menyiaran temuramah yang telah dibuat dengan PAS Kuala Selangor. Di dalam siaran berita itu disebut bahawa pimpinan PAS Kuala Selangor yang terlibat, menyokong calon BN. Itu adalah hak pemberita, kami tidak mahu mempertikaikannya. Namun begitu, dalam temuramah tersebut tidak pernah terkeluar perkataan bahawa kami menyokong calon BN. Walaubagaimana pun kami tetap berterima kasih kepada RTM yang telah memberikan kesempatan kepada kami menyampaikan mesej perjuangan kami memperbetulkan PAS. Kami faham RTM adalah alat kerajaan. RTM tidak akan menyiaran sesuatu cerita yang difikirkan tidak menguntungkan pemerintah. Jika ditakdirkan PAS memerintah pun, parti itu juga akan menggunakan media elektronik tersebut untuk kepentingannya. Hanya orang yang berlapang dada sahaja yang dapat memahami apa yang penulis ketengahkan ini.

Menurut maklumat yang kami terima sebaik-baik sahaja RTM menyiaran temuramah tersebut keadaan benar-benar membingungkan jentera pilihanraya PAS Pantai Merdeka. Khabarnya, kesemua ceramah BN pada malam 22hb. Mach 1990 itu telah dihadiri oleh para penyokong PAS. Tujuan para penyokong PAS ini dihantar ke ceramah BN adalah untuk memastikan PAS Kuala Selangor berceramah membantu BN. Malangnya, tidak seorang pun pimpinan PAS Kuala Selangor yang hadir di Sungai Petani itu berceramah untuk BN. Akhirnya, jentera pilihanraya PAS benar-benar telah tertipu.

Sebenarnya pada malam 22hb. Mach itu, kami berada di Butterworth. Oleh itu kami tidak langsung terlibat berkempen menyokong BN. Walaupun pada mulanya kami berniat

untuk meninjau Pantai Merdeka di sebelah malam itu, tetapi setelah memikirkan kemungkinan keselamatan kami tidak terjamin, maka niat tersebut terpaksa dibatalkan.

Keputusan pilihanraya kecil Pantai Merdeka sememangnya sesuatu yang telah diduga. BN berjaya mengekalkan kerusinya di kawasan itu, walaupun majoritinya kurang dari yang diperolehi pada tahun 1986. Namun begitu PAS (APU?) tidak boleh berbangga dengan penambahan undi yang mereka perolehi. Jika ditinjau daripada undi yang diperolehi oleh PAS (APU?) secara menyeluruh, memang diakui ianya bertambah.

Pertambahan undi PAS (APU?) sekitar 600 itu bukanlah bererti APU(?) diterima oleh orang-orang PAS secara mudah. Menurut post morterm yang telah dibuat oleh pakar-pakar APU(?) bahawa sejumlah 500 orang penyokong PAS telah dikenalpasti tidak turun mengundi. Akhbar Watan bertarikh 7hb. April 1990 menyiaran berita tersebut. Jika ditolak dengan pencapaian PAS yang mengaut sebanyak 6,300 undi Melayu pada tahun 1986, maka jelas pengundi Melayu (penyokong PAS) merosot kepada angka kurang lebih 5800 sahaja di Pilihanraya kecil Pantai Merdeka. Ini bermakna PAS (APU?) memperolehi sejumlah kurang lebih 1100 undi kaum melayu, dari jumlah undi keseluruhan yang dicapai oleh PAS, lebih sedikit 6900 orang dipilihanraya kecil Pantai Merdeka.

Jika dibandingkan dengan gerak kerja jentera APU (?), termasuk ceramah-ceramah mereka yang disertai oleh 'meriam-meriam besar' pencapaian tersebut sebenarnya tidak pulang modal. Malahan kehadiran YAM Tengku Abd. Rahman Putra Al Haj Bekas PM Malaysia pun tidak menolong calon APU(?), dalam mencapai jumlah undi yang agak memberangsangkan. Kenapa situasi boleh jadi demikian? Pada hemat penulis, gagasan perpaduan ummah ini telah siang-siang ditolak oleh rakyat khususnya orang-orang PAS sendiri. Jumlah 500 orang PAS yang tidak turun mengundi bukanlah bilangan yang sedikit. Fadhil Noor dan rakan kongsinya kena-lah berfikir dengan fikiran yang lebih waras. Jangan hanya

syok sendiri. Semangat 46 ternyata tidak memberikan apa-apa sumbangan di dalam menguatkan kedudukan PAS. Jika dilihat pada hari-hari sebelum pilihanraya amat jarang ter-nampak sebarang sepanduk ataupun bendera 46, tidak seperti dipilihanraya kecil Teluk Pasu dan Sungai Besar. Khabarnya, Semangat 46 tidak dapat diterima oleh ahli PAS Pantai Mer-deka. Sebilangan ahli PAS diberitakan terlalu meluat dengan beberapa orang tokoh Semangat 46, sehinggakan ceramah tokoh-tokoh tersebut tidak dapat sambutan dari kalangan orang PAS sendiri.

Jika benarlah dakwaan Semangat 46 bahawa parti itu adalah pecahan dari UMNO sudah barang tentu calon APU (?) Dato' Hj. Muslim sekurang-kurangnya mampu meraih undi yang membanggakan. Kesimpulannya jumlah 5800 undi Melayu yang diperolehi oleh PAS (APU?) itu, adalah himpunan undi penyokong PAS dan di situ jugalah terkumpulanya undi penyokong 46. Manakala 1100 undi bukan Melayu yang di-raihi adalah daripada penyokong DAP. Jika andaian ini dapat diterima, maka BN bolehlah relaks untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang. Sebaliknya Fadhil Noor dan rakan kongsinya kenalah berfikir berpuluhan-puluhan kali sama ada ingin meneruskan persengkongkolan haram atau pun ce-pat-cepat sedar diri sebelum nasi menjadi bubur. Awas! Keru-si DUN Bukit Raya pun belum tentu terjamin keselamatan-nya. Sebelum mimpi indah Fadhil Noor dan Halim Arsat menjadi igauan yang mengerikan lekas-lekaslah balik ke pangkal jalan. Jika malu untuk berpatah balik, kerana menjaga 'title' pimpinan, maka eloklah letakkan jawatan sahaja. Perletakan jawatan secara terhormat adalah lebih baik dari pada disingkir secara hina. Ingatlah! wahai Fadhil Noor, hari ini kamu punya kuasa untuk menyingkirkan penentang kamu tetapi esok belum tentu kekuasaan itu kekal di tanganmu.

Akhirnya, penulis ingin menegaskan bahawa setiap se-suatu yang telah tertulis adalah terbit daripada kesedaran dan keinsafan selaku seorang ahli PAS yang masih sah. Wa-laupun kedengaran berita bahawa penulis telah dipecat dari-pada PAS Serta hilang hak dalam parti, namun seluruh AJK

PAS Kawasan tidak pernah mengiktiraf pemecatan tersebut. Penulis masih lagi sah sebagai YDP PAS Kawasan Kuala Selangor kerana hingga ke saat buku ini ditulis, tidak ada sebarang notis resmi yang penulis terima daripada PAS Pusat berhubung dengan perkara itu. PAS adalah parti yang mempunyai perlembagaan, oleh itu segala sesuatu mestilah dibuat berdasarkan perlembagaan PAS. PAS bukanlah parti 'primitif' yang didokong dan dipimpin oleh puak-puak yang tidak bertamaddun. Insaflah! kepada sesiapa yang menyedari bahawa perjuangan Islam itu adalah untuk menuntut keredhaan Allah, dan berbuatlah sesuka hati anda sekiranya perjuangan Islam itu hanya dijadikan bahan mainan untuk kepentingan perut. Insya'Allah yang benar itu tetap menang mengatasi yang batil.

